

NASKHAH BELUM DISEMAK

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 2	Selasa	27 Mei 2008
---------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin* (Halaman 32)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
4. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
5. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
6. “ Datuk Amirsham A. Aziz (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
10. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
14. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
15. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
16. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
17. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
18. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
19. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
20. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
21. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
22. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
23. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
24. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
25. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
26. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
27. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
28. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
29. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
30. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

31. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
32. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
33. “ Tuan Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
35. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
36. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
37. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
38. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
39. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
40. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
41. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
42. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
43. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
44. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
45. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
46. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
47. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
48. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
50. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
51. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
52. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
53. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
54. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
55. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
56. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
57. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
58. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
59. “ Datuk Zaid bin Ibrahim (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
60. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nur Hidayah binti Janudin
Nooruanizam binti Nasir

Siti Khadijah binti Md Nor
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Selasa, 27 Mei 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh manakah kejayaan pelaksanaan *one-stop-centre* (OSC) dalam mengurangkan birokrasi dan membantu projek perumahan khususnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Yip Kum Fook, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Di bawah pakej strategi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian *delivery system*, pakej merangsang ekonomi atau *stimulus economic package*, kerajaan telah menetapkan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara dalam zaman yang kompetitif ini.

Sejak dilancarkan pada 13 April 2007, 103 pihak berkuasa tempatan telah pun menubuhkan unit pusat setempat atau *one-stop-centre* atau OSC. Buku panduan OSC yang mengandungi garis panduan dan kaedah atau prosedur OSC telah diedarkan kepada semua PBT. Hasil daripada pemantauan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, didapati pihak OSC telah pun mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan.

Penubuhan OSC ini telah banyak mengurangkan kerenah birokrasi di PBT. Kaedah baru OSC memansuhkan fungsi jawatankuasa perancangan dan pembangunan di PBT dan diwujudkan jawatankuasa OSC, di mana ahli-ahli adalah terdiri dari jabatan-jabatan teknikal, manakala penyertaan ahli-ahli majlis hanya terhad kepada empat orang sahaja. OSC juga telah menetapkan tempoh masa atau *time frame* dan menyeragamkan tempoh untuk sesuatu permohonan itu diproses di setiap PBT.

Permohonan di bawah konsep bina kemudian jual termasuk bagi permohonan bagi projek impak tinggi atau *high impact project*, projek-projek pelaburan asing serta projek-projek kerajaan akan diluluskan oleh jawatankuasa OSC dalam tempoh hanya 120 hari atau kurang. Lain-lain rancangan pemajuan akan diluluskan oleh jawatankuasa dalam tempoh enam bulan atau kurang. Permohonan kepada OSC boleh dilakukan serentak atau berasingan. Jika pemaju memilih untuk berbuat demikian mereka boleh mengikut kaedah yang tertentu. Hal ini tidak boleh dilakukan oleh sistem yang lama. OSC didapati berjaya meluluskan cadangan pemajuan dalam jangka masa yang telah pun ditetapkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Yip Kum Fook kemudian Dato' Omar bin Faudzar dan Datuk Wira Syed Ali. Saya akan beri peluang kepada Dato' Musa kalau ada pertanyaan tambahan.

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana telah mengadakan OSC ini, yang telah banyak memberi manfaat kepada pemaju khususnya. Dalam senarai semak OSC yang saya perolehi pada pagi ini dari salah satu PBT, saya dapati susun pelan yang hendak dikemukakan dalam *hardcopy* adalah 36 *copy*, pelan ukur 11 *copy* seterusnya cadangan pemajuan LCB 13 *copy*.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya semua *hardcopy* ini boleh diberi dalam bentuk CD iaitu *softcopy*, dengan izin saya ingat ia akan lebih mempercepatkan lagi sebarang pembetulan yang dikemukakan oleh pemaju. Soalan saya, adakah KPKT bercadang untuk menukar kepada *softcopy* ini. Sekian terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih kepada Dato' Yip. Sekarang ini memang kerajaan hendak memudahkan apa sahaja permohonan yang dibuat di mana-mana jabatan kerajaan termasuklah di KPKT sendiri. Soalannya sama ada kita boleh menghantar melalui *softcopy* ataupun melalui *hardcopy*. Dalam program kita hari ini kenapa kita hendak melalui *hardcopy*, kerana pada asalnya kebanyakan daripada pelan-pelan yang dihantar mempunyai *details* yang tertentu.

Kalaulah mereka mahu menghantar melalui *softcopy* juga kita terima, tapi oleh kerana kebanyakan daripada *draftsmen* yang ada tidak mempunyai beberapa teknologi yang tertentu, maka mereka boleh juga menghantar melalui *hardcopy* yang sentiasa kita terima seperti yang kita buat sekarang ini. Jadi kalau mereka hendak menggunakan *softcopy* juga boleh diguna pakai.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, semasa *submission of plan* dalam *one-stop-centre* kita terpaksa menghantar pelan tataatur, pelan bangunan, pelan kerja tanah dan pelan perparitan dan *sub-division plan*, tapi kebiasaannya apabila kita mendapat jawapannya daripada JKR, kononnya mengatakan bahawa kerja-kerja tanah tak dapat diluluskan sehingga pelan tataatur diluluskan dahulu dan PBT pula mengatakan pelan tataatur tak dapat diluluskan sehingga kerja-kerja tanah diluluskan oleh pihak JKR.

■ 1010

Jadi soalnya ialah adakah kementerian berbincang dengan semua jabatan yang terlibat di dalam kelulusan pelan ini dan juga di setiap negeri dia mempunyai sistem yang berlainan. Kalau di Penang dia ada sistem di mana tanah gred A gred B. Kalau di Kedah dia ada sistem *conversion*. Jadi saya hendak tahu adakah perbincangan di buat secara *detail* sebelum kita meluluskan OSC ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Dato' Omar, Tuan Yang di-Pertua OSC ini ialah satu inisiatif yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat tetapi kuasanya kita berikan kepada kerajaan negeri dan dijalankan di PBT-PBT yang ada sekarang ini. Sekarang ini dalam jawatankuasa yang kita tubuhkan untuk OSC, terdapat beberapa agensi kerajaan, jabatan-

jabatan teknikal yang selama ini meluluskan semua permohonan yang telah pun dihantar di PBT-PBT tersebut. Tetapi oleh kerana kita hendak memudahkan dan mempercepatkannya, maka oleh sebab itu kita adakan OSC ini. Melalui OSC ini jika sekiranya seseorang itu menghantar permohonan mereka, kita panggil mesyuarat yang akan kita adakan setiap dua minggu sekali atau dua kali dalam sebulan kerana kita hendak melihat apa yang sudah dibuat oleh jabatan-jabatan tertentu.

Jadi sekiranya kalau sesuatu permohonan dibuat dan kita hantar ke jabatan-jabatan yang tertentu, dalam masa dua minggu, apabila kita panggil mesyuarat sekali lagi, mereka terpaksa menghantar keputusan mereka dalam masa yang tertentu. Sebab itu dahulu memang benar apa yang dikatakan oleh Dato' Omar tersebut tetapi oleh kerana dengan adanya konsep yang baru ini, maka kita dapati ianya dapat memendekkannya kerana kita boleh buat permohonan secara serentak dan mereka tidak payah menunggu secara giliran. Maknanya selepas lulus ini baru JKR masuk dan melihat sama ada mereka boleh meluluskannya atau tidak. Mereka boleh buat serentak dan apabila dikumpulkan semula, maka permohonan itu akan dikira, dalam mesyuarat OSC sama ada boleh diluluskan atau tidak.

Akan tetapi di dalam masalah tanah di mana kerajaan negeri adalah merupakan pemegang kuasa hal ehwal tanah, maka sebab itu OSC ini hanya perakukan, bahawa permohonan tersebut boleh diluluskan kerana jabatan-jabatan teknikal merasakan telah cukup seperti perancangan struktur yang telah pun dibuat di pihak-pihak berkuasa tempatan dan diperakukan kepada kerajaan negeri untuk diluluskan dengan mesyuarat kerajaan negeri, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat kerana begitu menguasai subjek. Pertanyaan daripada senator Wilayah Persekutuan pula.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya apakah cara pemantauan yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mencapai keberkesanan OSC ini, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejayaan pelaksanaan pusat setempat ini atau OSC ini memerlukan kerjasama antara semua sama ada jabatan kerajaan atau kerajaan negeri ataupun pihak-pihak profesional yang memohon. Kalau mereka tidak memahami cara perjalanan OSC ini, maka sudah tentu kita tidak dapat menjalankan secara terbaik. Sebab itu Kerajaan Pusat telah pun menganjurkan supaya satu pelaksanaan dan pemantauan pusat setempat untuk diadakan dan kerajaan telah pun meluluskan mengkaji jawatan-jawatan peringkat tertinggi pada tahun lepas yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha negara sendiri untuk meluluskan jawatan bagi pasukan *inspectories* dan kualiti di KPKT.

Pasukan *inspectories* ini akan bersidang dan akan melihat dan mengkaji semua yang telah pun dijalankan oleh OSC-OSC di semua PBT di seluruh negara. Mereka akan menerima maklum balas daripada semua pihak memantau pelaksanaan yang dibuat oleh OSC, memberi bantuan khidmat nasihat dan teknikal kepada pihak berkuasa tempatan, mendapat laporan

maklum balas pelaksanaan OSC tersebut, mengkaji keberkesanan pelaksanaan dan membuat cadangan ke atas sistem pusat setempat atau OSC tersebut dan menyediakan laporan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada setiap masa berskala.

Ini saya rasa dapat memantau semua program inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan negeri seperti jawapan saya yang mula tadi, ini akan memudahkan cara ataupun *delivery system* yang lebih baik yang ingin dijalankan oleh jabatan atau kerajaan Barisan Nasional. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkasnya program pelaksanaan OSC ini *on track* lah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang selama ini kerana OSC ini baru sahaja dijalankan dalam masa setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Bermaknanya *on track*?

Dato' Hamzah bin Zainudin: *On track*, dalam masa setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dewan Negara mengambil kesempatan mengalu-alukan dan menghargai kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat menteri-menteri Kabinet dalam Dewan... [*Tepuk*]

2. Dato' Haji Kamarudin bin Ambok minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kebergantungan kepada pekerja asing dalam semua sektor.

Menteri Sumber Manusia [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sedia akan betapa pentingnya untuk mengatasi masalah terlalu bergantung kepada pekerja asing. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi pergantungan kepada pekerja asing di dalam kesemua sektor utama perindustrian negara adalah seperti berikut;

- (i) mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan rakyat tempatan di dalam sektor-sektor yang pada masa ini kurang mendapat sambutan dan penyertaan mereka;
- (ii) penetapan siling pengambilan pekerja asing di bidang-bidang tertentu seperti bidang pembuatan dan bidang perkhidmatan;
- (iii) penerapan pelaksanaan proses automasi, mekanisasi dan *industrializes building system* di dalam sektor yang bergantung kepada tenaga pekerja asing;
- (iv) merangka dasar dan strategik untuk meningkatkan bilangan tenaga buruh wanita di dalam pasaran buruh dengan dasar-dasar untuk memberi peluang pekerjaan melalui komuniti melalui *outsourcing*, *home working* dan mewujudkan konsep *home office*;
- (v) menggiatkan usaha untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan di dalam sektor perladangan.

Saya berharap dengan usaha-usaha ini kiat boleh mengurangkan pergantungan terhadap tenaga asing, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Kamarudin bin Ambok, Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin, kemudian Dato' Lee Sing Chooi.

Dato' Haji Kamarudin bin Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh kementerian dalam mengeluarkan kelulusan kepada bakal majikan yang berhasrat untuk mengajikan tenaga pekerja asing agar tidak berlaku diskriminasi terhadap tenaga kerja tempatan.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang dua kementerian telah menyelaraskan proses di dalam meluluskan pengambilan pekerja asing. Di peringkat Kementerian Sumber Manusia apabila satu majikan membuat permohonan untuk mendapat kelulusan untuk membawa pekerja asing, mereka diwajibkan untuk mengiklankan kerja yang dimohon ini dan selain daripada apa yang dibuat oleh mereka, pengiklanan ini pun dimasukkan ke dalam sistem di dalam kementerian kita iaitu sistem ELX dan kementerian akan cuba mendapatkan kerja melalui pekerja-pekerja tempatan di dalam hal ini. Kalau usaha ini tidak berjaya, maka kementerian memberi kelulusan untuk majikan ini untuk membawa pekerja asing dan mereka akan pergi ke Kementerian Dalam Negeri untuk membuat kerja-kerja lain untuk membawa mereka ke dalam, terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kebergantungan negara kita terhadap pekerja asing memang telah selalu diperkatakan. Namun lambakan pekerja asing yang datang tanpa ada kerja seperti tersiar di dalam media baru-baru ini sangat mencacatkan pandangan. Adakah kerajaan sedar apakah implikasinya terhadap negara kita dan adakah kerajaan telah mengambil tindakan terhadap syarikat pembawa masuk pekerja asing yang tidak bertanggungjawab ini, terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berkongsi perasaan Yang Berhormat di dalam hal ini. Kerajaan memang sedar tentang isu-isu yang diwujudkan oleh pekerja asing yang terlalu banyak seperti isu sosial terutamanya dan kerajaan pun sedar tentang pekerja-pekerja asing yang ada tanpa kerja - pekerja asing penganggur, satu isu yang kita hadapi sekarang.

■1020

Selain daripada langkah-langkah yang telah disebut oleh saya tadi, memang kerajaan telah memantau semua agensi-agensi yang membawa masuk pekerja asing termasuk *outsourcing agency*. Kita akan memantau perkara ini dengan lebih kerap dan sedang mengambil tindakan ke atas *outsourcing agency* yang membawa masuk pekerja asing tanpa mewujudkan peluang pekerjaan untuk mereka sebelum mereka di bawa masuk ke dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Lee Sing Chooi.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun majikan membayar gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja asing, sedar atau tidak walaupun kos majikan itu rendah tetapi kos sosial yang ditanggung oleh masyarakat seperti penyakit-penyakit

yang dibawa dan juga keselamatan awam dan juga ketenteraman keluarga itu semuanya ditanggung oleh masyarakat. Kalau semua kos itu dicampurkan, kos itu lebih tinggi.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar perkara ini dan juga mengadakan gaji minimum untuk pekerja-pekerja seperti ini yang dituntut oleh Kesatuan Sekerja. Juga, adakah kerajaan sedar pekerjaan-pekerjaan yang diberi kepada pekerja asing itu bukan diisytiharkan sebagai 3D, *difficult*, *dirty* dan *dangerous*, tidak seperti tukang gunting rambut dan semua ini...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Lee Sing Chooi: ...Ini bukan 3D, adakah kerajaan mengambil pendirian supaya pekerjaan-pekerjaan seperti ini diberi kepada orang-orang atau pemuda-pemuda kita yang menganggur? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, isu yang pertama adakah dasar kerajaan untuk memberi peluang kepada pekerja asing diasaskan kepada gaji yang rendah. Tidak, itu bukan tujuan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing diberi kebenaran untuk dan untuk mengisi kekosongan yang tidak boleh diisi oleh pekerja tempatan, tidak bergantung pada gaji.

Nombor dua, tentang isu gaji minimum ini, perkara ini dibincangkan panjang lebar dan ada beberapa perkara yang kerajaan akan mengambil kira sebelum membuat sesuatu keputusan. Satu ialah kesan kepada industri, kesan kepada menambahkan peluang pekerjaan untuk pekerja-pekerja tempatan dan kesan kepada pelaburan daripada luar negara untuk datang ke dalam negara kita.

Isu nombor tiga ialah tentang isu sosial...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terangkan.

Datuk Dr. S. Subramaniam: ...Saya dah jawab dah.

Dato' Lee Sing Chooi: Yang satu lagi, yang bukan 3D.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Ya, baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada bincang dengan MAFTA iaitu persatuan yang mewakili tauke-tauke perladangan. Mereka telah berkata bahawa pekerja asing boleh mendapat gaji lebih kurang RM2,000 di dalam bidang kelapa sawit contohnya. Akan tetapi semasa kerja ini ditawarkan kepada pekerja-pekerja tempatan, mereka tidak mempunyai minda yang positif untuk kerja kuat di dalam bidang ini untuk mendapat pendapatan yang sama.

So, untuk mengatasi isu ini, baru-baru ini dalam kementerian saya, saya mewujudkan satu bahagian baru yang dituju untuk meninggikan minda dan membuat satu perubahan di dalam sikap kerja, budaya kerja pekerja-pekerja tempatan. Mereka akan lebih positif untuk menerima semua pekerjaan yang ada, berasaskan kepada pendapatan yang mereka boleh dapat. Saya harap dengan perubahan minda di dalam pekerja-pekerja tempatan kita, maka kita boleh mengatasi isu yang dibangkitkan. Terima kasih.

3. Puan Siw Chun a/p Eam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berdasarkan statistik, kaum manakah yang paling ramai terpedaya dengan sindiket antarabangsa sebagai *courier* atau pembawa dadah di luar negara, sila nyatakan juga lingkungan umur dan jenis pekerjaan sebenar mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu bertarikh 28 Mei 2008 dan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee bertarikh 29 Mei 2008, kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan pada hari ini. Sebagai jawapan Tuan Yang di-Pertua, jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara di atas kesalahan yang berkaitan dadah, pada tahun 2006 sahaja adalah seramai 39 orang di mana dua orang daripadanya adalah wanita. Kedua-dua wanita tersebut berbangsa Melayu.

Pada tahun 2007 pula, seramai 78 orang rakyat Malaysia telah pun ditahan di atas kesalahan berkaitan dengan dadah, dan 41 orang daripada jumlah tersebut adalah wanita. Daripada 41 orang wanita tersebut, sebanyak 22 orang wanita berbangsa Melayu; 10 orang wanita berbangsa India; 6 orang wanita berbangsa Cina; dan 3 orang wanita lain-lain bangsa. Sehingga bulan Mac 2008, terdapat seramai 18 orang wanita daripada keseluruhannya 29 orang rakyat Malaysia telah ditahan di luar negara kerana kesalahan berkaitan dadah. Daripada 18 orang wanita tersebut, sebanyak 14 orang wanita berbangsa Melayu; 3 orang wanita berbangsa India; dan seorang berbangsa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi umur pula, didapati bahawa wanita Malaysia paling muda ditahan di luar negara di atas kesalahan berkaitan dadah adalah berusia 20 tahun manakala yang paling tua adalah berusia 53 tahun. Purata umur wanita yang ditahan atas kesalahan berkaitan dadah adalah di antara 20-an hingga 30-an.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah penglibatan rakyat Malaysia dalam sindiket pengedaran dadah ini, pihak Polis Diraja Malaysia senantiasa bekerjasama dengan pihak INTERPOL dan pihak penguat kuasa asing untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dalam usaha untuk membanteras kegiatan tersebut. Selain daripada itu, kempen kesedaran dan taklimat kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi mengenai taktik-taktik ahli sindiket yang mempergunakan wanita Malaysia untuk mengedar dadah di luar negara turut diadakan.

Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia juga melakukan pemantauan terhadap rekod keluar dan masuk ke Malaysia bagi setiap warga asing dan rakyat Malaysia yang mencurigakan. Polis Diraja Malaysia juga memberi tumpuan yang khusus terhadap siasatan, pemantauan yang berterusan ke atas sindiket-sindiket pengedaran yang beroperasi di Malaysia sebelum tindakan dapat diambil. Kerajaan Malaysia melalui pejabat-pejabat kedutaan dan konsulat Malaysia senantiasa memberikan bantuan kaunselor kepada rakyat

Malaysia yang ditahan di luar negara seperti melawat mereka di pusat-pusat tahanan dan penjara di negara berkenaan dari semasa ke semasa. Memastikan kebajikan tahanan di pusat-pusat tahanan tidak terabai, menjadi penghubung di antara tahanan dengan keluarga di Malaysia dan sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa tempatan di negara berkenaan bagi mendapatkan lagi fakta-fakta yang jelas serta bantuan mengenai kebajikan rakyat Malaysia tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penglibatan INTERPOL pula, setiap kali terdapat tangkapan yang berkaitan dengan dadah, INTERPOL *Secretariat General* di France akan mengeluarkan *drug alert* dengan izin, kepada semua ahli INTERPOL untuk memberi maklumat mengenai modus operandi dan strategi yang digunakan oleh sindiket. Maklumat ini berguna kepada semua agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan bagi memahami trend terkini dan perkembangan semasa dalam kegiatan sindiket pengedaran dadah.

Di Malaysia, setelah maklumat diterima, INTERPOL Malaysia akan menyalurkan maklumat tersebut kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia untuk tindakan susulan. Berdasarkan kepada maklumat ini, banyak kes-kes pengedaran dadah telah pun dapat dibanteras. Polis juga sentiasa membuat penghebahan mengenai kegiatan sindiket pengedaran dadah agar semua orang ramai tidak terpedaya dengan tipu helah mereka. Penglibatan INTERPOL walau bagaimanapun, hanya dari segi perkongsian maklumat di antara Agensi Penguatkuasaan Undang-undang. INTERPOL tidak akan mencampuri prosedur penyiasatan dan sistem perundangan sesebuah negara.

Rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara sekiranya terbukti bersalah mestilah menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka mengikut sistem perundangan negara di mana mereka ditahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun, kemudian Tuan Osman Bungsu, selepas itu Datuk Wira Syed Ali walaupun dia dah kali yang kedua.

■1030

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada siasatan PDRM dan laporan yang kita terima sebelum ini, berapakah bilangan sindiket yang telah dikesan beroperasi di Malaysia?

Negara manakah yang menjadi tumpuan penyeludupan dadah oleh sindiket yang memperalatkan wanita dan gadis tempatan ini dan bagaimanakah cara dadah di seludup oleh pembawa dadah terbabit? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai sindiket-sindiket yang beroperasi di Malaysia, mengikut siasatan Polis Diraja Malaysia tidak begitu banyak, yang diketuai oleh warga asing. Dalam negara kita, terdapat sindiket-sindiket penyeludupan dadah memang ada dan diketuai oleh rakyat Malaysia tetapi rakyat asing tak begitu banyak.

Walaupun bagaimanapun, modus operandi sindiket asing sentiasa mengadakan ejen-ejen ataupun anggota-anggota mereka ini di negara ini. Anggota-anggota sindiket kebanyakan adalah terdiri daripada penuntut-penuntut ataupun pelancong-pelancong. Mereka masuk ke negara kita secara sah dan selepas itu mereka ini mula dengan aktiviti mereka, kenal

mengenal dengan wanita-wanita dan menawarkan pakej-pakej ataupun pekerjaan dengan gaji lumayan dan kebanyakan dalam taktik-taktik mereka ini terdapat juga wanita-wanita menjadi mangsa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak polis pada bulan Mac, telah pun berjaya menumpaskan sindiket dadah di Johor Bahru dan sindiket ini diketuai oleh warga asing. Mengikut siasatan dan operasi Polis Diraja Malaysia dalam kes ini, polis berjaya menumpaskan sindiket dan juga merampas dadah yang mengandungi ketamine, syabu dan dipercayai kokain dan nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM44 juta dalam kes ini sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, cara itu. Cara bawa itu macam mana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab cara berhemah, berhelah atau tak mahu jawab langsung.

Dato' Chor Chee Heung: Tak apalah, saya boleh jawablah Tuan Yang di-Pertua. Cara bawa ini, selepas ejen ataupun anggota-anggota sindiket yang diketuai oleh warga asing yang berada di Malaysia ini, selepas mereka ini dah kenal wanita-wanita berkenaan dan selepas mereka menjadi kawan baik, kadang-kadang pura-pura jatuh cinta kepada wanita ini. Apabila mereka telah pun begitu mesra, mereka akan diberikan tawaran gaji lumayan dan bila wanita berkenaan bersetuju, wanita berkenaan akan diajak untuk pergi ke *headquarters* ataupun ibu pejabat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah jelas Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Ibu pejabat di luar negara dan mereka ini akan ikutlah, itulah.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman Bungsu tapi saya tukar fikiran. Saya nampak pertanyaan daripada Datuk Wira Syed Ali dah ada pada nombor lima, jadi saya batalkan. Saya akan panggil Dato' Hajah Saripah Aminah selepas Tuan Osman Bungsu. Tuan Osman Bungsu bagi giliran? Ada pertanyaan?

Tuan Osman bin Bungsu: Soalan saya, adakah undang-undang yang sedia ada ini cukup berkesan bagi membendung penyalahgunaan dan pengedaran dadah yang ada. Kedua, bagaimanakah peranan media yang boleh kita libatkan agar langkah-langkah pencegahan perlu supaya wanita-wanita kita ataupun belia-belia kita tidak terlibat secara langsung.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai undang-undang yang sedia ada, sama ada undang-undang cukup berkesan untuk membanteras kegiatan pengedaran dadah ataupun kes-kes mengenai dadah. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, buat masa ini undang-undang yang kita ada yang sedia pakai memang mencukupi untuk membanteras jika sindiket-sindiket dapat ditumpaskan ataupun anggota-anggota yang terlibat dengan dadah dapat ditangkap dan didakwa di mahkamah.

Mengenai peranan media pula, kerajaan sentiasa melalui media-media memberikan kesedaran kepada rakyat kita khususnya wanita buat masa ini. Ini supaya mereka tidak senang

tertipu ataupun terpedaya dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Setakat ini media telah pun memainkan peranan yang cukup pentinglah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, kita nampak membanteras ada. Menolong mereka apabila ditangkap di luar negara, kita cuma dapat tahu baru-baru ini dua tiga orang sahaja. Mengikut apa yang dibagi tahu oleh pihak menteri tadi lebih kurang 40 lebih yang ditangkap pada 2006 dan 2007. Apa yang telah terjadi kepada mereka-mereka ini dalam masa sekarang ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelas pertanyaan itu Yang Berhormat. Saya mohon Yang Berhormat tangguh jawab sebentar, sebab saya nak umumkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya umumkan bahawa hadir bersama di dalam Dewan yang mulia ini ialah *Honorable* Hashim Abdul Halim, Speaker Dewan Perundangan West Bengal India merangkap.... [*Tepuk*] ...Tak cukup besar, merangkap Pengerusi Eksekutif *Commonwealth Parliamentary Association*... [*Tepuk*]

Dan Doktor William F. Shija - Setiausaha Agung CPA. Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka. Semoga hubungan dan kerjasama di antara Parlimen Malaysia dan Sekretariat CPA yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum kita tuan rumah persidangan CPA pada bulan Ogos tahun ini akan terus terjalin dengan baiknya. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada lazimnya memang sukar bagi kerajaan kita ataupun konsulat kita ataupun kedutaan kita di luar negara untuk mengetahui rakyat Malaysia yang telah pun ditahan, ditangkap dan menjalani hukuman di negara-negara asing. Ini sebab dalam dunia ini terdapat begitu banyak juta orang termasuk dengan rakyat Malaysia yang berada di luar negara; kecuali konsulat ataupun kedutaan kita diberitahu oleh saudara mara ataupun ibu bapa kepada orang-orang yang ditangkap.

Walau bagaimanapun, selepas diberitahu ataupun mendapat berita ini, wakil kita di negara berkenaan ini akan membuat lawatan ke negara ataupun pusat tahanan untuk memberikan segala-gala bantuan kepada rakyat Malaysia yang telah ditahan di luar negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini tiada sebarang peruntukan di sisi undang-undang ataupun di mana-mana surat-surat perjanjian di antara Malaysia dan negara-negara lain di mana rakyat kita kalau didapati salah, dihukum dan menjalani hukuman dapat diminta hantar balik ke Malaysia untuk menjalani hukuman. Ini kita tidak dapat menunaikan permintaan ini.

Sama juga kalau seorang warga asing didapati salah dan dihukum di negara kita, maka warga asing itu haruslah menjalani hukuman mereka di negara ini sepenuhnya. Tidak dapat kita hantar balik ke negara mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ringkasnya, kalau cinta pun ada kira-kiralah. Jangan cinta sampai hilang kira-kira.

▪ **1040**

4. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Kewangan menyatakan, dasar-dasar baru Kerajaan Pusat termasuk subsidi-subsidi baru kerajaan berkaitan perubahan harga minyak petrol dan diesel di pasaran dunia.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang membuat kajian ke atas dasar-dasar semasa berkaitan subsidi selaras dengan perubahan harga petrol dan diesel di pasaran dunia melalui pasukan petugas khas iaitu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Inflasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM43.3 bilion di mana RM16.1 bilion adalah subsidi barangan petroleum, RM18 bilion subsidi ke atas gas asli dengan industri tenaga yang ditanggung oleh Petronas dan RM9.2 bilion bagi lain-lain subsidi termasuk barangan keperluan harian seperti minyak masak, ayam, tepung dan lain-lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih kepada jawapan yang telah diberi, menampakkan begitu besar subsidi untuk diesel dengan minyak petrol kita dan menampakkan begitu banyak penyelewengan yang berlaku terutamanya pada minyak diesel kita di kawasan sempadan.

Maka saya ingin tahu adakah kementerian merancang untuk menggugurkan subsidi-subsidi minyak dan diesel dan mengalihkan subsidi-subsidi ini kepada bahan-bahan makanan yang makin meningkat harganya. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menggugurkan subsidi ke atas minyak dan diesel. Saya percaya Jawatankuasa Kabinet Mengenai Inflasi akan membuat pengumuman tentang sistem baru dalam pemberian subsidi kepada petrol dan diesel dalam beberapa hari ini.

Di samping itu Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan penyelewengan. Apa yang dilakukan oleh kerajaan kita ada satu sistem dipanggil *Nanotag*. Melalui *Nanotag* ini apabila sesuatu depot itu mendapat subsidi untuk minyak dia akan hantar kepada pengguna jadi pihak kementerian akan gunakan *Nanotag* ini untuk dia keluarkan *liquid*, dia akan tahu kalau dia bertukar warna dan pertukaran warna ini pergi kepada orang yang tidak sepatutnya dapat subsidi, maka orang ini telah melakukan kesalahan dan tindakan akan diambil dalam dua bentuk, satu dalam bentuk saman dan yang serius akan di bawa ke mahkamah.

5. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah jaminan kerajaan terhadap penilaian dan pengeluaran sijil halal apabila tanggungjawab tersebut telah diserahkan kepada

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); dan

- (b) apakah kemungkinan tidak akan berlaku unsur-unsur yang boleh menjejaskan kredibiliti pengiktirafan sijil halal yang bakal dikeluarkan kerana perbadanan itu adalah badan korporat yang matlamatnya berasaskan kepada keuntungan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab secara serentak bagi soalan Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee; dan juga soalan Dato' Azian bin Osman, yang dijadualkan pada 28 Mei 2008, serta soalan Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang dijadualkan pada 2 Jun 2008.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan sekali gus memberi peluang untuk kemukakan pertanyaan tambahan.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Industri halal berpotensi tinggi untuk terus berkembang berasaskan skop industri yang amat luas iaitu merangkumi produk-produk makanan dan bukan makanan serta perkhidmatan halal dalam sektor perhotelan, perubatan, pelancongan, perbankan dan lain-lain.

Berdasarkan potensi pasaran halal sedunia yang semakin meningkat adalah wajar Malaysia menggunakan kelebihan yang dimiliki dari segi imej sebuah negara Islam yang maju, pembangunan piawaian, garis panduan dan sistem kualiti halal untuk menerajui dan juga menjadi hab halal sedunia.

Justeru, bagi memenuhi keperluan pembangunan industri halal, kerajaan menubuhkan *Halal Industry Development Corporation* pada 18 September 2006 dan ia merupakan syarikat 100% milik kerajaan, saya ulangi merupakan syarikat 100% milik kerajaan.

Fungsi dan tanggungjawab HDC, *Halal Industry Development Corporation* dengan izin, meliputi pembangunan industri, integriti pensijilan halal dan penjenamaan serta promosi. Memandangkan HDC sebuah GLC, *government link company*, dengan izin, kerajaan sentiasa memantau aktiviti yang dijalankan oleh HDC.

- (b) Walau bagaimanapun, sebagai langkah memastikan kredibiliti pensijilan terjamin dan penghapusan keraguan terhadap HDC, Jemaah Menteri pada 2 Mei 2008 telah pun bersetuju untuk HDC menjadi badan berkanun dan proses pertukaran ini sedang berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap perkara berkaitan hukum syariah dan sentiasa mengambil kira sensitiviti umat Islam apabila merangka dasar pembangunan negara. Dengan langkah

penukaran status HDC kepada badan berkanun, *sovereignty* dan integriti sijil halal yang akan dikeluarkan HDC akan sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Syed Ali, selepas itu Dato' Azian dan selepas itu Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, bolehkah kerajaan memberi jaminan bahawa pengeluaran sijil halal ini yang melalui pembangunan industri halal di pantau dan dipastikan pengeluaran sijil ini betul-betul halal dan meyakinkan kesemua industri. Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Dato' Wira. Saya memberi jaminan bahawa HDC mendukung kepada segala prinsip yang sekian lama telah dipegang oleh JAKIM kerana penubuhan HDC menerapkan pegawai-pegawai daripada JAKIM yang mempunyai segala kepakaran dan pentauliahan terhadap pengiktirafan dan pensijilan halal.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna orang yang akan menggerakkan HDC ialah juga orang yang telah menggerakkan JAKIM.

Tuan S. K. Devamany: Betul sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membantu saya... [*Ketawa*] Sistemnya sama, sistem pensijilannya sama dan oleh kerana *global competition* dengan izin, persaingan global yang begitu pesat sekali kerana industri-industri ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai potensi USD2.7 trilion dari segi eksport import dan baru-baru ini kita adakan *showcase* antarabangsa halal dan kita dapati bahawa 64 negara telah mengambil bahagian dengan *turnover* sebanyak dekat 200 *million*, juta.

Maka dengan adanya potensi perniagaan, perdagangan yang cukup besar sekali maka tanggungjawab yang ditangani oleh JAKIM perlu diperluaskan. Maka pengalihan ini tetap akan menjamin kerana proses pensijilannya ada sembilan proses yang akan dijamin termasuk premis sekali.

Maka segala ini akan dipantau dan HDC melalui JAKIM sudah pun mengenal pasti 44 pusat halal di seluruh dunia di mana kita akan pantau, memastikan segala induk sekali dan terjamin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Azian.

Dato' Azian bin Osman: Soalan saya sudah dijawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Wakil Perak ya Dato' Azian. Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Timbalan Menteri telah menjawab dengan lengkap dan tepat sehingga banyak soalan saya juga telah dijawab namun saya juga hendak cakap, bertanya sedikit sahaja.

Bagaimanakah cara dan kaedah mengawal dan *guarantee* supaya tidak ada sistem-sistem tiruan ini dikeluarkan.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Proses jaminan terhadap pensijilan ini mengambil kira seperti yang saya katakan kepada proses-proses permohonan, dokumentasi, selepas itu pemeriksaan premis.

Pemeriksaan premis dia ada lunas-lunas syariah yang diambil kira dengan begitu mendalam seperti yang dikatakan tadi oleh Tuan Yang di-Pertua, segala pegawai JAKIM itulah yang kan jadi induk kepada HDC.

Maka lepas itu kita ada *sampling* dan ujian dan lepas itu laporan akan dibuat dan juga pensijilan halal baru akan dikeluarkan. Dengan adanya pengiktirafan semua ini dan segala-galanya adalah terperinci dan teliti barulah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu sudah beres, tetapi Yang Berhormat kata jaminan-jaminan supaya yang ada sijil *counterfeit*.

Tuan S. K. Devamany: Jaminan-jaminan ini tetap adalah kan. Proses penipuan itu mesti akan berlaku maka terpulang kepada badan yang diamanahkan untuk membuat pemantauan dan dia ada penguatkuasaan dia, penguatkuasaan untuk memastikan pegawai-pegawainya terlatih dan mempunyai kaliber untuk memastikan bahawa segala ini dapat diketahui dan dari semasa ke semasa ini akan dilakukan seperti juga bidang lain. Terima kasih.

■1050

6. Datuk Chew Yun Ming minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah jalan penyelesaian terbaik terhadap isu keselamatan kanak-kanak yang semakin menjadi perhatian dan peningkatan kes buang bayi di Malaysia yang semakin ketara, tetapi kesedaran di kalangan masyarakat masih rendah.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini dan soalan nombor 56 pada hari ini oleh Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee ada menyentuh perkara yang sama, maka izinkan saya untuk menjawab soalan ini secara bersekali Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan saya akan izinkan Dato' Wong kemukakan pertanyaan tambahan.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, KPWKM memandang serius akan gejala pembuangan bayi di seluruh negara. Tindakan membuang bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan serta merupakan satu masalah sosial yang memerlukan keprihatinan segenap lapisan masyarakat. Menurut laporan Polis Diraja Malaysia, PDRM bagi tempoh 2004 hingga 2007, bilangan kes bayi yang dibuang di seluruh negara adalah sebanyak 304 kes. Daripada jumlah itu, 117 adalah bayi lelaki, 96 bayi perempuan manakala 91 bayi lagi tidak diketahui jantina kerana telah reput.

Kementerian berpendapat bahawa jalan penyelesaian terbaik ialah melalui kesedaran dan kefahaman setiap anggota masyarakat tentang pentingnya menjaga keselamatan kanak-kanak serta mengamalkan prinsip-prinsip kemanusiaan. Dalam perkara ini, kementerian telah mengambil langkah-langkah khusus bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak dan menangani isu pembuangan bayi.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian dalam menangani isu pembuangan bayi ialah:

- (i) meningkatkan pengetahuan kanak-kanak dan remaja mengenai kesihatan reproduktif dan sosial. Untuk itu satu garis panduan yang dinamakan garis panduan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial kebangsaan telah dirangka oleh kementerian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial telah mula diselitkan di dalam kurikulum sekolah yang sedia ada. Di dalam mata pelajaran yang sedia ada seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sains, Kesihatan dan juga Biologi. Kementerian juga sedang mengaturkan supaya subjek pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dapat dimasukkan dalam program latihan khidmat negara kepada para pelatih dan pada dasarnya telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan;
- (ii) meningkatkan kesedaran dan pengetahuan ibu bapa dalam isu keselamatan kanak-kanak dan membimbing anak-anak melalui program-program meningkatkan kemahiran keibubapaan seperti dalam program bersama NGO, *Smart Start*, Modul Kasih dan juga Parenting@Work oleh LPPKN. Pendekatan terbaru LPPKN ini adalah untuk melaksanakan kursus Parenting@Work ini di tempat kerja memandangkan kesukaran ibu bapa untuk menghadiri kursus di luar pejabat atas faktor kesibukan serta komitmen terhadap keluarga dan sebagainya. Kementerian juga berhasrat untuk meluaskan program ini kepada sektor swasta;
- (iii) memberi perkhidmatan kaunseling bagi mengelakkan trauma dan stigma yang dihadapi oleh keluarga yang menghadapi masalah ahli keluarga atau remaja hamil di luar nikah. Langkah ini sangat perlu supaya keluarga yang bermasalah mendapat sokongan moral dan tidak mencari jalan penyelesaian mudah seperti membuang bayi ataupun menyisihkan ahli keluarga yang bermasalah tersebut. Bagi tujuan itu...

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah sekarang Tuan Yang di-Pertua...

Puan Noriah binti Kasnon: Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan pertanyaan tambahan supaya mereka dapat prop dengan lebih mendalam.

Puan Noriah binti Kasnon: Sila Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Chew Vun Ming, kemudian Wong Siong Hwee, selepas itu Puan Mumtaz.

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah tindakan akan dikenakan ke atas para ibu bapa yang tidak bertanggungjawab? Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Kepada ibu bapa ataupun - kalau untuk kes buang bayi oleh ibu yang hamil luar nikah. Memang terdapat peruntukan perundangan yang boleh kita kuatkuasakan kepada mereka seperti adanya Akta Kanak-kanak 2001 yang memberi peruntukan undang-undang bersabit dengan jenayah membuang bayi seksyen 31, *sub clause* 1(a) yang juga mengenakan penalti agak tinggi. Denda tidak melebihi RM20,000, penjara tidak melebihi 10 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Di bawah Kanun Keseksaan Tuan Yang di-Pertua kesalahan mendedahkan atau meninggalkan kanak-kanak ataupun anak dengan niat untuk membuang anak-anak itu penaltinya penjara sehingga tujuh tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali dan juga di bawah Undang-undang Syariah boleh dikuatkuasakan ke atas pesalah yang melakukan persetubuhan di luar nikah di bawah akta kesalahan jenayah syariah setiap negeri. Terima kasih.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah apakah punca-punca utama yang menyebabkan kanak-kanak hilang ataupun pembuangan bayi. Adakah kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang untuk memberatkan lagi hukuman seperti kes pembuangan bayi ataupun berpunca kepada kanak-kanak yang hilang. Sekian, terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang menjurus kepada kes-kes pembuangan bayi. Pembuangan bayi dan kanak-kanak hilang adalah berbeza Yang Berhormat.

Ini adalah menjurus kepada pembuangan bayi. Adalah antaranya perasaan takut, malu apabila telah diketahui hamil dan bimbang tidak mendapat sokongan daripada keluarga, bimbang dihukum, bayi yang dilahirkan cacat dan ibu atau bapa dan penjaga tidak dapat menghadapi kenyataan, kurangnya pendidikan agama, tidak ada pengetahuan mengenai khidmat sokongan yang disediakan untuk memberikan perlindungan ataupun *shelter* dengan izin, kepada ibu-ibu hamil khususnya yang di luar nikah ini, kekangan ekonomi dan juga mungkin di kalangan pendatang atau wanita asing tanpa izin dan sebahagian kecil mungkin di kalangan wanita yang hamil tanpa bersedia menjadi seorang ibu.

Tentang cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat Senator sebentar tadi untuk kerajaan membuat pindaan terhadap akta-akta sedia ada untuk memberikan lebih hukuman ataupun penalti yang lebih tinggi untuk menghalang kes ini berterusan. Kita akan mengkaji cadangan tersebut Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini bahawa kita kementerian telah mengajukan cadangan-cadangan pindaan kepada pihak Peguam Negara untuk membuat sedikit pindaan kepada Akta Kanak-kanak 2001 yang mana pada ketika ini tanggungjawab untuk membuat laporan pengabaian bayi hanya kepada pengasuh dan pegawai perubatan kerajaan sahaja.

Kita ingin memperluaskan kepada pegawai perubatan swasta, *care givers* ataupun penjaga di bawah NGO dan juga diperluaskan di kalangan mereka yang mempunyai tanggungjawab ke atas kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator dari Kelantan mewakili negeri Kelantan. Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah pihak kementerian selaku menteri yang bertanggungjawab pada pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat telah merangka *blue print* yang sistematik bagi langkah jangka masa pendek dan panjang untuk membasmi gejala seks luar nikah yang telah meningkat di kalangan remaja yang seterusnya membawa kepada gejala membuang bayi yang sekarang ini semakin ketara. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi, kementerian ada melaksanakan program-program bersama sama ada secara di peringkat-peringkat kementerian melalui agensi kita seperti Jabatan Pembangunan Wanita dan LPPKN.

Dalam program-program *Smart Start*, Modul Kasih dan juga Parenting@Work. Ia untuk memberi penekanan kepada kemahiran keibubapaan supaya ibu bapa dapat mengimbangi antara kepentingan kerjaya dan juga keselamatan dan perhatian kepada kanak-kanak.

▪ **1100**

Kita juga telah melancarkan program satu kaunselor satu keluarga yang juga bertujuan untuk memberi kemudahan kepada mereka yang bermasalah untuk tahu ataupun untuk berfikir lebih panjang dan tidak terus apabila berlaku masalah, mereka buntu punca dan tidak tahu ke mana hendak dirujuk masalah itu. Kita juga ada mengadakan program *outreach* kaunseling Yang Berhormat dengan izin, di mana kita sendiri, kaunselor kita turun ke khalayak untuk memberi peluang yang lebih, *accessible* ataupun lebih mudah untuk ditemui.

Di peringkat akar umbi pula, di peringkat daerah-daerah kementerian telah mewujudkan pasukan pelindung kanak-kanak, kebajikan kanak di setiap daerah dan hari ini kita mempunyai sebanyak 131 pasukan pelindung. Selain daripada itu antara yang kita cadangkan di masa hadapan adalah untuk melaksanakan satu jawatankuasa kerja antara agensi yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, JAKIM dan juga NGO untuk meneliti masalah berhubung isu ini termasuklah tentang bayi-bayi yang dibuang ini.

Satu kajian komprehensif mengenai isu ini juga akan dilaksanakan pada tahun ini untuk mendapatkan maklumat data yang lengkap dan selepas itu bolehlah kita mungkin mengadakan dasar perlindungan kanak-kanak diikuti dengan pelan tindakan perlindungan kanak-kanak yang lebih baik lagi untuk membendung gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi tersirat peringatan, jangan cinta sampai hilang kira-kira... [*Ketawa*] Tuan Krishnan.

7. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk memantau dan menilai kualiti air di ladang-ladang; dan
- (b) mengapakah pekerja ladang perlu membayar harga air mengikut kadar komersial dan bukan kadar pengguna domestik yang lain.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap isu perumahan dan kemudahan asas di sektor perladangan terutamanya isu tentang bekalan air. Adalah menjadi kewajipan majikan untuk menyediakan air percuma dan mencukupi daripada bekalan awam atau dari sumber lain. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN telah ditubuhkan pada bulan Mac 2007 yang merupakan badan yang bertanggungjawab mengawal selia bekalan air.

SPAN sebagai badan kawal selia telah diperuntukkan dua undang-undang yang kini telah diwartakan dan berkuat kuasa. Satu ialah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Majikan ladang hendaklah memastikan kualiti air yang dibekalkan mematuhi standard kualiti air minimum kebangsaan yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu juga kementerian sentiasa memantau kemudahan asas di ladang-ladang termasuklah isu kemudahan bekalan air melalui pemeriksaan ladang yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

- (b) Melalui usaha kita melalui perbincangan dengan NEPW dan MAPA, satu perjanjian telah ditetapkan di mana majikan diwajibkan menyediakan 35 gelen bekalan air daripada sumber awam secara percuma bagi setiap pekerja tertakluk kepada lima penghuni.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Rawisandran a/l Narayanan.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri. Benarkah 86% pengurus ladang...

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor. Silakan.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Benarkan 86% pengurus ladang di negeri Kedah masih tidak membekalkan kemudahan asas seperti air kepada pekerja ladang seperti mana disahkan dalam surat khabar Tamil bertarikh 23 April yang lalu. Jika benar, apakah perancangan kementerian mengatasi isu ini?

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, semua ladang menyediakan air kepada pekerja-pekerja ladang. Cuma sumbernya berlainan. Ada yang dapat daripada sumber awam. Daripada maklumat yang saya ada, pada keseluruhan negara lebih kurang 18,000 unit

rumah mendapat air daripada sumber awam manakala 24,000 unit rumah mendapat air daripada sumber yang lain. Pada masa sekarang di dalam dua tiga bulan ini, beberapa perbincangan telah diadakan dengan pihak MAPA dan majikan-majikan perladangan untuk memastikan dua isu yang dihadapi oleh pekerja ladang. Satu ialah isu daripada bekalan elektrik. Nombor dua ialah isu daripada bekalan air diselaraskan supaya pekerja-pekerja di ladang akan mendapat air yang berkualiti berasas kepada kadar bayaran domestik dan akan mendapat tenaga elektrik asas kepada kadar domestik juga.

Ini adalah hasrat kerajaan dan saya berharap di dalam beberapa bulan lagi kita akan memutuskan dan melaksanakan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Wan Hazani.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan kementerian ke atas ladang-ladang yang masih gunakan parit dan aliran sungai kecil di dalam ladang. Ini adalah membahayakan kesihatan kerana ladang kadang-kadang ia menggunakan racun.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana itu cukuplah. Pertanyaan juga cukup jelas. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Saya ingat saya dah jawab kerana dengan usaha-usaha yang diambil baru-baru ini, kerajaan akan memastikan semua pekerja ladang akan menerima air daripada sumber awam dengan kualiti seperti yang kualiti yang diterima di lain-lain tempat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Semua berpuas hati, dah dapat jawapan? Terima kasih. Tuan Majjol bin Mahap.

8. Tuan Majjol bin Mahap minta Menteri Pelajaran menyatakan, status terkini rancangan kementerian untuk memasang solar elektrik di sekolah-sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak yang belum mempunyai bekalan tenaga elektrik.

Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atau RMK-9, Projek Bekalan Elektrik Alternatif telah dan terus dilaksanakan bagi sekolah-sekolah yang tidak disambung dengan talian grid awam. Pada masa ini, projek bekalan elektrik secara solar hibrid di sekolah-sekolah luar bandar negeri Sabah sedang dilaksanakan dan sebanyak 78 buah sekolah luar bandar negeri Sabah akan mendapat bekalan elektrik secara solar pada akhir tahun 2008 ini.

Bagi sekolah-sekolah luar bandar negeri Sabah yang lain akan dilaksanakan apabila peruntukan diperoleh selepas kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang. Bagi sekolah-sekolah luar bandar negeri Sarawak pula, Kementerian Pelajaran tidak berhasrat untuk memasang solar elektrik memandangkan projek bekalan elektrik telah pun dilaksanakan dengan memasang genset di sekolah-sekolah berkenaan.

Sehingga Disember 2007, semua projek untuk menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada 432 buah sekolah di Sarawak telah pun siap. Bermakna projek tersebut telah pun selesai dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Maijol bin Mahap, Dato' Gooi Hoe Hin dan Puan Heng Seai Kie. Saya rasa Yang Berhormat tentu terharu Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri datang jawab pertanyaan Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih-lebih lagi Yang Berhormat mewakili negeri Sabah.

Tuan Maijol bin Mahap: Ya Tuan Yang di-Pertua. Ketiadaan solar elektrik di sekolah-sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak tidak membolehkan mata pelajaran IT diajar di sekolah-sekolah tersebut, tetapi satu perkara yang juga serius ialah sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai tenaga pengajar IT yang terlatih. Sehinggan komputer-komputer yang dibekalkan di sekolah tersebut tidak dipakai langsung. Simpan dalam stor saja.

Jadi apakah rancangan kementerian untuk mengatasi ketiadaan atau kekurangan tenaga pengajar IT sekolah-sekolah tersebut.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebelum saya jawab Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Ahmad Badawi, Kepala Batas... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa usaha untuk kita mengurangkan jurang di antara bandar luar bandar merupakan satu cabaran yang besar khususnya di Sabah dan Sarawak. Dalam konteks kita mengurangkan jurang digital, sememangnya ICT merupakan kaedah yang terbaik dan cara bagaimana ia dapat ditangani memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan sebagai satu pakej.

■1110

Ini bermakna bahawa bukan sahaja kita membekalkan makmal, tetapi makmal itu perlu dibekalkan dengan perkakas komputer. Perkakas komputer perlu dibekalkan dengan bekalan api dan genset dan yang paling penting ialah guru-guru yang sanggup mengajar di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman.

Di bawah PIPP, satu-satunya agenda kita ialah untuk mengurangkan jurang ini. Agenda teras daripada enam merupakan satu perkara yang kita beri tumpuan dari peringkat awal lagi iaitu bagaimana kita dapat pastikan guru-guru kita sanggup berkorban dan juga berkhidmat di kawasan-kawasan yang begitu terpencil. Apatah lagi untuk menguasai juga teknologi baru.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini usaha kita memberikan insentif iaitu menyediakan rumah guru, menyediakan keselesaan supaya guru-guru kita dapat mengajar dalam keadaan yang boleh memberikan mereka satu semangat dan suntikan komitmen kepada usaha ini sedikit sebanyak dalam tiga tahun PIPP ini dilaksanakan telah pun berjaya. Saya sendiri melihat permohonan untuk guru-guru ini kembali atau memohon untuk keluar atau *transfer*, dengan izin, daripada kawasan-kawasan berkenaan telah pun menurun. Insentif-insentif ini akan diteruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Mewakili Pulau Pinang, Dato' Gooi Hoe Hin. Minta maaf Datuk Ismail, saya sudah panggil Dato' Gooi dan Puan Heng tadi. Silakan Dato' Gooi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Masalah ketiadaan kemudahan asas sekolah-sekolah di luar bandar dan pendalaman di Sabah dan Sarawak telah berlarutan begitu lama. Soal pokok adalah tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan peruntukan akan dipohon melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Soalan saya, bilakah masalah ketiadaan kemudahan asas ini akan diatasi ataupun diselesaikan. Satu tahun, lima tahun, 20 tahun?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lengkap, Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Atau 100 tahun? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Satu tahun, 10 tahun, 100 tahun itu sindiran, dipotong dari pertanyaan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seratus tahun saya sudah tidak ada lagi Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Namun usaha saya untuk melihat kepada Sabah dan Sarawak. Terima kasih, Yang Berhormat kerana dalam pilihan raya baru-baru ini 13 hari berkempen amat mudah untuk pihak pembangkang mengaburi pemikiran pengundi-pengundi, tetapi seperti apa yang saya telah maklumkan kepada Dewan Rakyat, tumpuan kita dalam Dewan yang mulia ini untuk menunjukkan bahawa komitmen kita kepada Sabah dan Sarawak merupakan komitmen yang berterusan... *[Tepuk]*

Saya hendak nyatakan di sini Kajian Penggal Pertama ini ialah berhubung kait dengan solar hibrid. Ini tidak ada kena mengena dengan usaha kita untuk memberi tumpuan yang khusus kepada Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, kalau kita lihat dari segi peruntukan kepada Sabah dan Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Daripada RM23.1 bilion yang diperuntukkan, untuk Sabah, jumlah yang diperuntukkan merupakan jumlah yang terbesar iaitu RM3.43 bilion.

Kepada Sarawak pula, kalau sekiranya daripada RM23.1 bilion yang diperuntukkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, Sarawak kita telah peruntutannya berjumlah RM3.01 bilion. Dua negeri mendapat peruntukan yang terbesar kalau hendak bandingkan dengan negeri Johor, negeri saya sendiri sebanyak RM1.9 bilion sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau hendak difikirkan tumpuan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak itu merupakan tumpuan yang berterusan tidak berkisar kepada politik cuma dari segi keluasannya. Kalau kita tengok keluasan di negeri Sarawak ialah seluas 124,450 km persegi. Di Sabah juga kita tengok keluasannya 73,710 km persegi. Ini bermakna ia begitu luas, jumlah sekolah pun banyak dan banyak juga sekolah pulau yang merupakan sekolah-sekolah kurang murid di bawah 150 pelajar sahaja.

Ini bukan satu perkara yang kita boleh tangani dalam 10 tahun atau 20 tahun, tetapi percayalah kalau sekiranya Kerajaan Barisan Nasional tidak meletakkan keutamaan kepada

Sabah dan Sarawak tidak mungkin Yang Berhormat sendiri dapat berada dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Wakil negeri Perak, Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa tenaga solar telah pun dipasang sebagai alternatif kepada bekalan tenaga elektrik. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah kos penyelenggaraan bagi tenaga solar yang telah pun dipasang ini. Adakah ia kos efektif dan sejauh manakah keberkesanan penggunaan tenaga solar di sekolah-sekolah yang berkenaan kerana terdapat aduan bahawa ada yang tidak dapat berfungsi. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebenarnya genset-genset solar sekarang ini merupakan projek-projek perintis di mana kita menggunakan kaedah genset dan solar iaitu solar hibrid yang merupakan kaedah yang terbaik. Jumlah yang saya maklumkan dalam jawapan asal saya iaitu sebanyak 78 buah sekolah tadi menunjukkan kaedah yang terbaik di mana kita bukan sahaja menggunakan solar dan sekiranya tidak dapat mampu menjanakan bekalan yang mencukupi, genset boleh digunakan.

Angka dari segi kos penyediaan itu tidak ada pada saya dan saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis, tetapi saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kos pembekalan diesel setiap tahun kepada genset-genset di sekolah sahaja untuk setahun jumlahnya RM1 bilion. Jadi, dengan harga diesel yang melambung tinggi sekarang kita tidak ada pilihan namun akan mencari kaedah-kaedah alternatif yang lain.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mempunyai dua soalan. Pertamanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mulanya Yang Berhormat kemukakan pertanyaan dahulu, kemudian saya beri peluang untuk Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan tambahan.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Soalan saya ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Nombornya, nombor 9...

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Ada yang berkenaan dengan klausa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah berpindah kepada soalan nombor 9 iaitu soalan Yang Berhormat sendiri.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Bermula dengan apa itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan projek agropolitan ala Pulau Banggi.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Ya, saya ingin menanyakan kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sama ada projek agropolitan ala Pulau Banggi...

Tuan Yang di-Pertua: Iaitu Yang Berhormat kemukakan pertanyaan nombor ...?

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Nombor 9.

9. Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, projek agropolitan ala Pulau Banggi, Sabah telah menunjukkan impak yang positif. Adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi projek seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nombor 9. Saya akan jemput pertanyaan tambahan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana kita sedia maklum, projek agropolitan atau program lonjakan mega mempunyai impak yang cukup positif. Misalnya, Projek Agropolitan Banggi yang berkeluasan lebih kurang 4,500 hektar akan diusahakan untuk penanaman getah dan kerajaan juga akan memberikan perumahan percuma kepada peserta-peserta.

•1120

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat cakap kuat sedikit sebab kita kurang kedengaran.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Barangkali *volume mic* ini tidak berapa kuat... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Minta tutup mikrofon, Profesor. Silakan Yang Berhormat. Okey, terima kasih. Memandangkan hakikat itu, maka kementerian saya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memang berhasrat untuk memperluaskan pelaksanaan projek agropolitan ke seluruh negara mengikut model atau konsep projek agropolitan Pulau Banggi, Sabah.

Berasaskan komitmen beberapa kerajaan negeri, dua projek agropolitan dengan keluasan keseluruhan berjumlah 1,533 hektar sedang diusahakan iaitu:

- (i) projek agropolitan Gahai, Pahang berkeluasan 223 hektar; dan
- (ii) projek-projek agropolitan Semomoi, Kuantan yang berkeluasan 1,310 hektar.

Kesemua projek agropolitan ini adalah dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Seterusnya, kementerian saya mempertimbangkan beberapa kawasan lain seluas 9,000 hektar di Batang Lupar dan Samarahan di Sarawak, Sedeli di Johor dan Kota Marudu di Sabah. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, ini akan bergantung semata-mata adanya kewangan daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang Profesor Datuk Dr. Ismail Md. Salleh dijemput untuk kemukakan pertanyaan tambahan.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak *refer* kepada soalan nombor ini. Saya tujukan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin. Kini terdapat satu *clause*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, peraturan Mesyuarat tidak membolehkan saya kembali kepada pertanyaan nombor 8.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Jikalau begitu, boleh saya pergi ke soalan 11, Tuan Yang di-Pertua, yang semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Kita terpaksa tunggu bila pertanyaan nombor 11. Sekarang pertanyaan tambahan bagi pertanyaan nombor 9 iaitu pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sendiri.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Oh ya. So sebagai tambahan kepada soalan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga ingin tahu bahawa bagi negeri-negeri di Pantai Timur, misalnya seperti Kelantan dan Terengganu, apakah jenis-jenis program agropolitan yang sedang juga dirancang bagi kedua-dua negeri ini? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jikalau dengan izin, saya boleh ungkapkan dalam perkataan Inggeris, *the reach of Yang Berhormat Professor's mind is so vast that he forgets the particularities*. Jadi, silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sudah mengatakan beberapa negeri yang telah memohon supaya agropolitan ini dapat dikaji. Bagi negeri Kelantan, tidak ada terdapat di senarai tetapi kalau ada permintaan daripada negeri itu, kementerian saya akan meneliti permintaan itu.

10. Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, memperincikan peratusan pengangguran dalam negara dan tahap guna tenaga mengikut sektor dan bidang serta keperluan guna tenaga yang perlu dipenuhi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Nordiana di atas soalan yang diajukan...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri *freshie* ya?... [Ketawa] Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad: Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kita boleh bahagikan, pecahkan atau agihkan kepada tiga pecahan iaitu yang pertama, peratusan pengangguran, yang kedua pula adalah tahap guna tenaga mengikut sektor dan bidang dan yang ketiganya pula adalah keperluan guna tenaga yang perlu dipenuhi ataupun unjuran.

Bagi soalan yang pertama ataupun pecahan yang pertama. Kadar pengangguran di Malaysia kalau kita laporkan berdasar laporan penyiasatan tenaga buruh ataupun *labor force survey*, dengan izin, Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2007 adalah lebih kurang 3.2% ataupun 351,400 orang di mana lelakinya adalah 3.1% dan wanitanya pula adalah 3.4%. Kadar ini bertambah baik berbanding dengan 3.3% pada tahun 2006. Secara umumnya kadar pengangguran di Malaysia sejak 16 tahun yang lalu adalah di bawah 4% dan ini bermakna negara kita, kalau kita mengikut definisi ILO, tahap ini dinamakan tahap guna tenaga penuh ataupun *full employment*.

Selain daripada itu, mengikut rekod KSM ataupun Kementerian Sumber Manusia itu sendiri bilangan pencari kerja yang berdaftar secara aktif dengan *Electronic Labor Exchange*, dengan izin, ataupun ELX sehingga 31 April 2008 adalah seramai 155,065 orang. Daripada jumlah ini pula seramai 72,127 orang ataupun 46.5% adalah sedang mencari pekerjaan

daripada golongan siswazah. Mereka ini sama ada memegang ijazah, ada setengahnya pula memegang diploma. Manakala pencari kerja bukan siswazah pula adalah seramai 82,938 orang iaitu lebih kurang 53.5%.

Kalau kita tengok pula daripada pecahan yang kedua iaitu tahap guna tenaga mengikut sektor dan bidang, sebenarnya kalau kita mengikut sektor bagi tahun 2008, sektornya adalah seperti berikut. Sektor perkhidmatan merupakan sektor utama yang menyediakan peluang pekerjaan iaitu seramai 6.04 juta yang kemudian diikuti dengan sektor pembuatan iaitu 3.38 juta, kemudiannya sektor pertanian dan perikanan iaitu 1.38 juta dan kemudian sektor pembinaan 0.76 juta, diikuti dengan sektor perlombongan dan kuari 0.04 juta. Daripada sektor perkhidmatan ini meliputi subsektor bekalan elektrik, gas, air dan subsektor pengangkutan dan komunikasi, subsektor perdagangan, pemborong, peruncit, hotel dan restoran, subsektor kewangan, insurans dan hartanah.

Tuan Yang di-Pertua: Jika Yang Berhormat rela, Yang Berhormat boleh melalui satu proses yang disebut *baptism of fire* dengan menjemput pertanyaan tambahan.

Dato' Noraini binti Ahmad: Bolehlah tanya soalan tambahan walaupun sebenarnya ada lagi satu unjuran yang saya hendak maklumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu lagi secara ringkas.

Dato' Noraini binti Ahmad: Ya, unjuran pula untuk kegunaan guna tenaga ini kalau ikut unjuran seperti keperluan kita pada tahun, saya akan bagi unjuran untuk dua tahun iaitu 2010 dan 2015.

Untuk 2010, kita memerlukan keperluan guna tenaga adalah 12.02 juta dan kemudian ianya akan meningkat pada tahun 2015 iaitu 13.04 juta. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah selaras dengan perkembangan dan kemajuan ekonomi negara kerana sektor perkhidmatan ini dijangka akan berkembang dengan pesat dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kalau kita bandingkan dengan sektor-sektor lain seperti pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat boleh jemput pertanyaan tambahan.

Dato' Noraini binti Ahmad: Sekian, terima kasih.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam kita menangani isu ini, adakah kementerian mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi supaya siswazah-siswazah yang akan dilahirkan itu dapat memenuhi keperluan peluang pekerjaan semasa. Terima kasih.

■1130

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih di atas persoalan tambahan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Sumber Manusia ada membuat sedikit sebanyak kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Yang kami buat adalah melalui beberapa pendekatan.

Pendekatan pertamanya adalah melalui karnival pekerjaan ataupun karnival kerjaya yang kita buat secara usaha sama dengan IPTA dan juga IPTS. Hampir kesemua, sebenarnya IPTA dan IPTS ini bekerjasama dengan kita melalui karnival kerjaya ini. Ini adalah sangat

bagus kerana ia lebih khusus kepada apa yang diperlukan oleh majikan itu sendiri dalam usaha mereka mencari pekerja-pekerja di kalangan graduan-graduan di universiti.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang keduanya pula melalui pendekatan, di mana Jabatan Tenaga Kerja kami membuka kios pendaftaran mencari kerja *on-line*. Yang ini kita buat secara usaha sama dengan Hal Ehwal Pelajar di IPTA-IPTA bagi memudahkan kementerian saya, memudahkan kami untuk memantau dan memberikan khidmat nasihat dan juga susulan kepada pelajar-pelajar, dan juga graduan bagi mereka mendapatkan pekerjaan-pekerjaan apabila mereka *graduate*, dengan izin nanti. Kami juga sedang membuat ataupun meluaskan kerjasama kami dengan kolej-kolej komuniti, di mana kami membantu untuk memilih bidang-bidang yang berpotensi dan kami juga membantu merancang karier pelajar-pelajar di kolej-kolej komuniti tersebut.

Apa yang sedang kementerian lakukan sekarang adalah kami membantu membangunkan satu laluan kerjaya ataupun dengan izin, *career path* untuk membantu bakal-bakal graduan ini, dan juga kami mulakan dari sekolah menengah itu sendiri bagi kami ajar dan kenal pasti, apakah bidang yang paling sesuai sekali untuk mereka ambil apabila mereka sudah habis belajar nanti. Insya-Allah, kerjasama akan kita usahakan, akan kita tingkatkan bersama dengan IPTA dan kami juga insya-Allah akan membuat semula skim siswazah menganggur bagi memberi kemahiran, dan juga pengalaman *hands-on* agar siswazah kita mudah mendapat kerja.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menasihatkan siswazah ini juga agar apabila mereka ini sudah habis belajar, mereka tidak memilih pekerjaan tetapi lebihkan untuk mendapat pengalaman apabila mencari pekerjaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Ikhwan Haji Salim.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mengatakan Malaysia berada di tahap dengan izin, *full employment*. Adakah kementerian bercadang dari segi jangka panjang untuk membantu graduan-graduan kita, mungkin untuk bekerja di negara-negara luar seperti di Timur Tengah, di mana keperluan begitu tinggi dan kalau ada, adakah kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk menentukan bahawa graduan-graduan kita ini boleh bekerja dan membawa balik pengalaman dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ikhwan Salim di atas soalan tambahan. Data yang saya tunjukkan ataupun yang saya maklumkan tadi menunjukkan kita menjangka ke arah *full employment*.

Dari segi jangka panjang seperti soalan Yang Berhormat tadi, adakah kita akan membuat ataupun menghantar pekerja-pekerja kita ke luar negara? Buat setakat ini bagi pihak kementerian dalam jabatan kami, belum ada lagi program-program yang kami buat bagi membantu untuk menghantar hasil pekerja-pekerja kita ke luar negara. Maklum balas dan juga cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi akan kami ambil maklum, dan insya-Allah

kita akan buat satu lagi program baru dalam usaha kita untuk membekalkan tenaga kita ke luar negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Siti Rokiah.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah punca berlakunya pengangguran di kalangan siswazah? Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang diberikan tadi. Sebenarnya punca pengangguran ini kalau saya boleh agihkan kepada dua. Yang pertamanya ialah punca pengangguran itu daripada pandangan majikan itu sendiri, dan yang keduanya pula mengapa siswazah itu tidak mendapat pekerjaan walaupun banyak yang kita buat melalui karnival kerjaya dan sebagainya.

Kalau di segi pandangan daripada majikan itu sendiri, dia melihat apabila dia membuat satu sesi temu bual bersama dengan graduan-graduan ini, salah satu daripada puncanya adalah tidak ada pengalaman yang memerlukan latihan yang lebih praktikal. Ini yang diperlukan oleh para majikan. Kalau dari segi dengan izinnya, adalah *job matching* nya.

Yang keduanya pula, studen ataupun graduan ini kurang berkemahiran untuk bekerja ataupun dengan izin, *working skills*. *Working skills* ini pula kita boleh agihkan kepada tiga, iaitu:

- (i) komunikasi yang majikan itu mahukan pekerja-pekerja yang dipilih mempunyai kemahiran tambahan seperti kemahiran berbahasa Inggeris;
- (ii) kemahiran menganalisis; dan
- (iii) keterampilan diri.

Saya hendak mengambil contoh keterampilan diri ini. Kerana ada juga dimaklumkan oleh para majikan bagaimana mereka datang untuk ditemu duga dan apabila hadir untuk temu duga untuk jawatan yang serius ataupun berbentuk eksekutif, mereka datang hanya memakai pakaian-T, ataupun dengan izin, *t-shirt* dan seluar *jeans* yang ini tidak sesuai dengan pekerjaan yang mereka mohon.

Yang ketiganya pula adalah ketidaksepadanan ataupun *skill mismatch*, kemahiran pasaran buruh lain dengan kemahiran yang diperolehi oleh graduan itu tidak sekata. Ada juga ketikanya, ini *complaint*, dengan izin daripada pihak siswazah pula yang mengatakan bahawa majikan enggan untuk memberikan latihan kerana mungkin sesetengah majikan merasakan apabila mereka mengambil graduan yang tidak mempunyai apa-apa pengalaman, kosnya akan bertambah, kerana mereka perlu untuk melatih mereka sebagai pekerja baru. Sesetengah daripada siswazah pula, kita dapati mereka tidak mendapat pekerjaan kerana mereka memilih kerja. Memilih kerja mengikut bidang apa yang dia hendak belajar, apa yang dia telah belajar di institusi.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan?

Dato' Noraini binti Ahmad: Boleh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, susah hendak *landing* kah? Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad: [*Ketawa*] Kapal terbang dia jauh sedikit. Jadinya dia hendak *landing*, dia kena *smooth landing*, tetapi ini sudah hendak *landing* dah. Itulah nasihat saya kepada siswazah ini lagi sekali, agar apabila memilih pekerjaan ini, jangan terlampau pilih. Apa yang ditawarkan kepada mereka, diharapkan mereka dapat menerima tawaran pekerjaan ini. Sekian terima kasih di atas semua soalan tambahan yang diberikan kepada kementerian saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri baru yang julung-julung kali memberi jawapan di Dewan Negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat, saya bercadang untuk membuka soalan sehingga soalan nombor 12 untuk memberi peluang kepada kedua-dua menteri yang berada di Dewan untuk memberikan jawapan.

■1140

11. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan, rasional cadangan menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebagai sebuah suruhanjaya bebas dan bagaimanakah pula pelaksanaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab serentak soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, pada 28 Mei 2008; dan Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, pada 29 Mei 2008 yang turut menyentuh mengenai suruhanjaya yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Usaha pembanterasannya jenayah rasuah yang meningkatkan integriti masyarakat telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh kerajaan amnya dan BPR khususnya. Sangkaan tangkapan, tuduhan dan laporan BPR tatatertib di antaranya tempoh 2000 hingga 2003, dengan tahun 2004 dan 2007 membuktikan komitmen kerajaan dalam usaha menangani jenayah tersebut. Kadar sabitan kes rasuah di mahkamah juga telah berjaya ditingkatkan dari 52% dalam tahun 2003 dan 78% dalam tahun 2007.

Namun begitu, tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan BPR dilihat masih belum mencukupi untuk mengubah persepsi masyarakat dan usaha-usaha ini perlu dilipat gandakan oleh kerajaan yang ada sekarang. Oleh yang demikian, kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pembanterasannya rasuah melalui penambahan kebaikan dan penstrukturan yang akan dilakukan ke atas Badan Pencegah Rasuah kepada sebuah suruhanjaya.

Struktur yang baru ini akan dipertingkatkan keupayaannya, diyakini lebih telus dalam tindakannya akan lebih berkesan dalam memerangi jenayah rasuah. Perubahan dari struktur

sedia ada kepada sebuah suruhanjaya yang dilihat lebih bebas, akan memberikan impak yang positif terhadap usaha pencegah rasuah di negara ini. Cadangan penstrukturan tersebut akan menyaksikan pembentukan Lembaga Nasihat Pencegah Rasuah dan Jawatankuasa Parlimen mengenai pencegahan rasuah yang dapat memastikan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi suruhanjaya tersebut di samping wujud elemen akauntabiliti bagi setiap tindakan yang diambil.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Aminah, lepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajam dan Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri sekiranya ada anggap yang sebelum ini BPR tidak menjalankan tugas mereka mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan bebas cuma mengikut kehendak-kehendak atau arahan, atau ada tangan-tangan ghaib yang mengarah mereka sehingga tuntutan menubuhkan Suruhanjaya Bebas ini ditubuhkan?

Dua, adakah disebabkan kedudukan kita dalam senarai negara bebas rasuah yang telah meningkat secara drastik, maka Suruhanjaya Bebas perlu ditubuhkan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan pertama itu jawapannya, tidak. Yang kedua itu ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkas. Silakan Dato' Dr. Vijayarajam.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Adakah dicadangkan bahawa Ahli-ahli Suruhanjaya yang dicadangkan tersebut akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai satu cara menjamin betul-betul kebebasannya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan kita, sistem pelantikan mana-mana *commissioner* dalam suruhanjaya adalah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan iaitu pelantikan dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mempertingkatkan pembanterasannya rasuah dalam negara kita, kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Jawatankuasa dan Lembaga berkenaan dengan pencegahan rasuah dan juga akan semak semula struktur BPR. Ini saya nampak satu amalan yang bagus yang perlu dialu-alukan.

Soalan saya ialah adakah kerajaan dalam hal ini bercadang supaya menyerapkan cara-cara pencegahan rasuah dari luar negara yang seperti ICAC dari Hong Kong dan CIB dari Singapura, kerana mereka didapati berkesan sekali? Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita tidak menyerahkan kuasa kepada sama ada ICAC di Singapura ataupun Hong Kong tetapi sememangnya kita melihat kepada sistem yang ada kepada kedua-dua ICAC ini. Itu akhirnya merupakan modal dan bentuk yang MCAC ikut.

Timbalan Yang di-Pertua: Mana yang baik kita terima. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Wan Nordin.

12. Dato' Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, perancangan yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah peningkatan suhu kepanasan seluruh dunia atau *global warming*, bagi jangka pendek dan panjang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li pada 28 Mei 2008 dan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin pada 2 Jun 2008 kerana menuntut isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat kerajaan memandang serius dan peka mengenai fenomena perubahan iklim dan pemanasan dunia. Persiapan dan tindakan kerajaan bagi menangani perubahan iklim dan impak daripadanya terbahagi kepada dua pendekatan. Iaitu pendekatan meditasi dan adaptasi.

Pendekatan meditasi adalah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau oleh karbon dioksida dan metana. Langkah-langkah ini diambil bukan sahaja oleh kementerian ini tetapi juga oleh kementerian-kementerian yang lain memandangkan isu perubahan iklim merentasi pelbagai sektor. Di antara langkah-langkah meditasi adalah seperti berikut:

- (i) melindungi kuasa hutan melalui pengurusan hutan secara lestari bagi memastikan kuasa hutan ini terus kekal menjadi penyerap kepada gas-gas rumah hijau;
- (ii) meningkatkan bekalan dan penggunaan bahan api alternatif seperti tenaga yang boleh diperbaharui; dan
- (iii) pelaksanaan kemudahan iklim *development mechanism* di bawah Protokol Kyoto oleh sokongan oleh pelaksanaan program penggunaan jana kuasa kecil tenaga boleh diperbaharui.

Pendekatan terhadap adaptasi pula ialah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan perubahan iklim kepada manusia dan alam sekitar. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan program tebatan banjir; dan
- (ii) menjalankan program mengukuhkan persisiran pantai termasuk menanam pokok-pokok bakau sebagai usaha menangani kesan kenaikan paras air laut dan pukulan ombak.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa Ahli Yang Berhormat, bahawa kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan iklim yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menangani isu-isu yang timbul akibat daripada kesan perubahan iklim.

Di samping itu, kementerian juga akan menggiatkan lagi kempen kesedaran dalam alam sekitar dengan kerjasama dengan pelbagai badan bukan kerajaan bagi menyedarkan orang awam, juga para pelajar tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah perubahan iklim.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li.

Tuan Ir. Hiang A Li: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak perkara ini adalah nampaknya serius dalam bukan sahaja dunia tetapi penting dalam negara kita. Kita dapati bahawa kesedaran berkenaan dengan perkara ini masih kurang di antara semua orang awam di negara kita.

Jadi apakah rancangan daripada kerajaan supaya dapat memberi kesedaran yang sebesar-besarnya kepada rakyat kita?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita telah pun merancang beberapa program untuk menentukan bahawa masyarakat umum diberi kesedaran mengenai masalah-masalah yang dihadapi akibat daripada perubahan iklim ini dan juga apakah langkah-langkah yang diambil kerana apa yang penting adalah masyarakat perlulah mengubah gaya hidup masing-masing kerana kebanyakan 90% dari faktor-faktor yang menyebabkan perubahan iklim adalah hasil perubahan manusia.

Oleh yang demikian, maka kementerian telah pun menubuhkan satu jentera yang dinamakan Rakan Alam Sekitar. Rakan Alam Sekitar ini akan kita lancarkan dan tujuannya adalah untuk menyedarkan orang ramai termasuk orang awam, swasta dan NGOs untuk bersama-sama terlibat dalam usaha-usaha kita untuk menangani masalah alam sekitar termasuk masalah iklim ini. Terima kasih.

■1150

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Soalan tambahan, setakat ini sejauh manakah sambutan daripada masyarakat terhadap program-program yang menjurus ke arah perubahan iklim ini dari segi sambutan dan penglibatan masyarakat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini penglibatan masyarakat sangatlah menggalakkan kerana ramai pihak NGO telah pun terlibat dalam program-program yang dijalankan oleh kementerian. Begitu juga pihak swasta dan syarikat-syarikat yang besar banyak tampil ke hadapan untuk sama-sama mengambil bahagian, menyumbang ke arah usaha-usaha kerajaan. Kalau saya dapat ambil contoh, misalnya program *Clean Development Mechanism* iaitu salah satu program yang dijalankan oleh kementerian Sebanyak 28 projek telah pun dijalankan di negara kita. Ini menunjukkan bagaimana sikap masyarakat mengenai masalah ini, semua sama mahu bekerjasama, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semua perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keduabelas”. *[26 Mei 2008]*

11.55 pg.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin untuk menyambung ucapan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa] Amin,* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengambil peluang ini untuk serta membahaskan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang turut menyokong atas Titah Ucapan tersebut.

Kesempatan ini saya ambil untuk mengucapkan terima kasih khususnya kepada seluruh rakyat negeri Kedah yang mana dalam pilihan raya yang lalu telah memberikan mandat kepada barisan rakyat dipimpin oleh PAS, PKR dan DAP. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat di negeri Kedah yang telah memilih saya sebagai Ahli Dewan Negara dalam Sidang Dewan Undangan Negeri 20 Mei yang lalu dan kerana itu semualah maka saya dan sahabat Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf berada bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di dalam Dewan ini.

Justeru ini Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya merupakan orang paling junior dalam Dewan Negara ini dan saya juga merupakan yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah sudah tentulah saya merasakan bahawa tugas utama saya adalah sebagai duta bagi Kerajaan Negeri Kedah khususnya dan rakyat negeri Kedah amnya, di dalam Dewan yang mulia ini yang paling tinggi dalam negara kita ini, yang bertanggungjawab untuk menentukan apa juga rang undang-undang, dasar dan pindaan perlembagaan bagi menentukan arah lebih daripada 25 juta rakyat negara ini.

Dengan ini amatlah berasa bahawa saya terlalu kerdil dan ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam Dewan Negara ini, walaupun ada di antara kita yang menjadi pemimpin UMNO, walaupun ada di antara kita yang menjadi pemimpin Barisan Nasional yang lain seperti MCA, GERAKAN, MIC dan sebagainya dan baru dua orang daripada PAS dan seorang daripada PKR. Atas nama Ahli Dewan Negara marilah kita bergabung tenaga untuk kita memutuskan sesuatu yang lebih indah yang boleh menjamin keluhuran perlembagaan negara dan kehidupan rakyat di dalam negara kita Malaysia ini.

Oleh kerana demikian Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara, 26 orang adalah dilantik daripada Dewan Undangan Negeri sebanyak 13 negeri, dan saya merasakan bahawa kuota ini adalah terlalu kecil. Dengan keadaan dan suasana yang ada sekarang, maka saya mohon mencadangkan supaya keanggotaan daripada Dewan Undangan Negeri ditambah seorang lagi menjadikan tiga orang kesemuanya ataupun setidak-tidaknya negeri yang mempunyai lebih daripada 10 kawasan Parlimen diberikan peruntukan tambahan sebagai Ahli Dewan Negara.

Begitu juga walaupun tidak ada Yang Berhormat wakil daripada Orang Asli, saya amat tersentuh apabila melihat kedudukan dan keadaan Orang Asli yang menjadi peribumi di negara ini yang mereka ini masih jauh ketinggalan dalam apa jua bidang, dalam apa jua kerjaya khususnya di dalam pendidikan dan sebagainya. Maka saya juga mohon mencadangkan agar senator yang mewakili kaum Orang Asli ditambah sekurang-kurangnya seorang lagi.

Tuan Yang di-Pertua dalam Pilihan Raya yang lalu rakyat...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat saya minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Ahmad Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih sahabat saya dari Kedah kerana bagi laluan kepada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, *Bab 4, Badan Perundangan Persekutuan*.

Keanggotaan Dewan Negara

45. (1) *Tertakluk pada Fasal (4), Dewan Negara hendaklah terdiri daripada ahli-ahli dipilih dan dilantik seperti berikut:*

(a) *dua orang ahli bagi setiap negeri hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh; dan*

(a)(a) *dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong; dan*

(b) *empat puluh orang ahli hendaklah dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong.*

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, saya amat bersetujulah sebab Yang Berhormat hendak tambah senator daripada negeri seorang. Sekurang-kurang Perlis pun dua campur satu jadi tiga. Sekarang dua, negeri semua ada dua dan Orang Asli pun hendak

tambah saya pun tidak ada masalah, lagi suka. Cuma saya minta pandangan, pendapat Yang Berhormat. Apabila kita hendak tambah kita hendak kena pinda perkara 45 Perlembagaan Persekutuan.

■1200

Hendak pinda Perlembagaan Persekutuan ada syarat-syarat dan mauduknya iaitu sekurang-kurangnya 2/3 Ahli Dewan Rakyat *two-third majority*. Buat masa sekarang Barisan Nasional ada *simple majority* jadi kalau kita hendak pinda; kalau Parlimen yang lepas kita ada 2/3 majoriti sekarang kita ada hanya *simple*, mudah. Kalau sekiranya Barisan Nasional sahaja hendak undi maka tak dapatlah niat, hasrat dan cita-cita murni Yang Berhormat tadi.

Namun, Tuan Yang di-Pertua bolehkah Yang Berhormat mempengaruhi, meminta dan ajak pelawa kawan-kawan parti alternatif ini menyokong Barisan Nasional untuk kita pinda Perlembagaan kerana benda ini benda baik. Benda ini kerja Allah belaka, benda ini cukup cantik, saya amat setuju, sukacita sekali. Harap-harap benda ini jadi realiti. Apa pandangan Yang Berhormat? Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Perlis, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini demam. Alhamdulillah memang Perlembagaan jelas. Saya pun ada Perlembagaan Negara. Jadi ini sebagai cadangan lontaran awal.

Jadi saya rasa benda yang baik sebab mukadimah saya awal-awal tadi lagi, bila kita lepas pilihan raya sekarang ialah masa untuk kita memikirkan apakah peranan kita, fungsi kita, tugas kita untuk kita memberi kesejahteraan kepada seluruh rakyat negeri Kedah dan dalam negara kita Malaysia. Ingat mai Kedah ini ingat Kedah.

Jadi perkara yang baik begini saya rasa tidak ada masalah 82 Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat untuk memberikan sokongan jika rang undang-undang pindaan untuk menambah jumlah Senator khususnya daripada negeri-negeri akan memberi sokongan, insya-Allah... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi pilihan raya telah berlalu dan rakyat telah pun membuat keputusan. Sebagaimana difahami fungsi tugas saya mewakili Kerajaan Negeri Kedah dan saya sendiri tidak menyangka bahawa pentadbiran Dewan Negara ini begitu efisien. Oleh kerana 20 hari bulan dilantik tiba-tiba 22 hari bulan telah dihubungi oleh Setiausaha Dewan Negara supaya hadir di dalam sidang ini sehingga saya pun terkapai-kapai tidak ada persediaan.

Selama penyertaan saya sejak semalam di dalam Dewan Negara ini, saya amat kagum dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak seperti mana Dewan yang lain yang akan berlaku sepuh-menyepuh, sungguh-menyinggung, sindir-menyindir sehinggakan mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan satu perkara yang amat kecil untuk tafsiran sesuatu perkara yang membuang masa begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya mewakili Kerajaan Negeri Kedah khususnya memohon supaya Kerajaan Pusat bekerjasama penuh dengan kerajaan negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat. Saya kira tidak ada lagi perkataan bahawa Barisan Nasional sudah kehilangan lima negeri. Sebenarnya lima negeri ini tetap berada di dalam Malaysia dan

lima negeri ini dari segi Perlembagaannya masih di bawah Barisan Nasional; yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri masih mempunyai tanggungjawab sama ada dari segi Perlembagaan ataupun dari segi sosialnya terhadap rakyat di dalam lima negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh diumpamakan Kerajaan Pusat adalah sebagai suami, kerajaan negeri termasuklah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat adalah isteri. Dalam Islam isteri dibenarkan empat tapi kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat sekarang ada isteri 13 termasuk Sabah dan Sarawak. Soalnya suka ataupun tidak isteri yang bernama Kedah, yang bernama Kelantan, yang bernama Perak, yang bernama Pulau Pinang dan juga Selangor adalah isteri kepada Kerajaan Pusat. Walaupun peruntukan seperti mana yang disebut di dalam Perlembagaan Bahagian 7, Perkara 109 - hak-hak ataupun bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri termasuklah lima negeri ini diberi oleh pusat; tapi kadang-kadang kerenah birokrasinya terlalu mengambil masa.

Maklumlah bila tak suka kat isteri ini dia buat lambat bagi. Bukan tak bagi, bagi dia buat lambat. Dua buat kot tu, buat kot ni. Isteri ini anak-anak hendak bagi makan juga, anak-anak hendak bagi mengaji juga, hendak bagi sekolah juga. Terpaksalah cari tang sana, cari tang sini, robek di sana, robek di sini hendak bagi anak-anak hidup. Padahal anak-anak itu ataupun rakyat adalah rakyat bersama. Rakyat Kerajaan Barisan Nasional, rakyat kerajaan pakatan pembangkang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam memberikan peluang kepada saya dalam perbahasan pada Titah Ucapan ini saya memohon sangat kalau di negeri Persekutuan kita ada menteri-menteri, kalaulah di negeri kita ada Exco, kalau di Persekutuan kita ada pegawai-pegawai tadbir (PTD) begitu juga kita di negeri ada pegawai tadbir. Apa salahnya kita hendak melaksanakan program belia misalnya...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: ...Pelancongan misalnya...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Boleh mohon laluan tidak? Yang Berhormat terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Idris.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil jugalah apabila Yang Berhormat memakai istilah isteri dan suami. Saya tak dapat hendak bayangkan bagaimana Barisan Nasional boleh beristerikan Pakatan Rakyat. Padahal di dalam pilihan raya dahulu semasa kempen-mengempen tak ada suasana suami isteri yang wujud, malah sebaliknya. Jikalau Yang Berhormat menggunakan istilah mungkin Barisan Nasional isteri pertama, Pakatan Rakyat isteri kedua mungkin dapat dibayangkan dan rakyat itu suami.

Jadi saya lebih keliru lagi apabila macam sebuah kerajaan negeri telah menolak dasar-dasar yang telah wujud begitu lama yang telah ditaburkan oleh Kerajaan Pusat Barisan Nasional yang ada baru-baru ini. Ini beritanya pun hebat tersebar seperti Islam Hadhari dan sebagainya. Jadi saya tak tahulah adakah istilah-istilah ini boleh dipakai atau tidak ataupun sebaliknya.

Apa pandangan Yang Berhormat sebelum berhujah lebih lanjut lagi bagaimana boleh Barisan Nasional beristerikan Pakatan Rakyat ini. Namun yang penting, Barisan Nasional tetap membuat dasar-dasar yang *people centric* dengan izin, demi rakyat, demi negara demi negeri-negeri yang ada dalam Malaysia; insya-Allah Barisan Nasional tetap menjalankan apa yang terbaik. Insya-Allah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Idris.

▪ **1210**

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata awal tadi ini sebagai umpama. Sekadar umpama saya tak tahu hendak bandingkan ikut mana tapi dalam konteks yang saya maksudkan ialah memberi makna bahawa walaupun kerajaan lima negeri ini di bawah Pakatan Rakyat tetapi ia masih terikat dan masih duduk di bawah Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan. Tidak ada Kerajaan Persekutuan, kalau tidak ada kerajaan-kerajaan negeri. Yang saya sebutkan tadi bukanlah masalah dasar, yang saya sebutkan tadi masalah pentadbiran. Sebagai contoh saya difahamkan bahawa satu undang-undang telah diluluskan sebelum pilihan raya yang lalu mengenai PBT untuk menghapuskan sisa pepejal yang mana ini Kerajaan Pusat yang berkuasa untuk melantik firma-firma untuk menguruskannya.

Jadi sebagai contoh untuk melaksanakan program ini apalah salahnya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pegawai-pegawainya bersama dengan Exco kerajaan tempatan negeri-negeri berbincang bagaimana hendak menyegerakan pelaksanaan dan program ini. Itu yang saya maksudkan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit bagaimana peristiwa yang menyayat hati kita seluruh rakyat Malaysia khususnya di negeri Johor terutama nelayan-nelayan apabila kita kehilangan Pulau Batu Puteh di mana Mahkamah Dunia ICJ telah memutuskan ianya milik Singapura.

Saya bukan sama sekali Tuan Yang di-Pertua, hendak mempertikaikan keputusan itu, tetapi apabila melihat komen daripada Prof. Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah dari UKM dan juga pakar sejarah negara kita Prof. Datuk Dr. Ramlah binti Adam yang menegaskan bahawa sejarah menunjukkan bahawa Pulau Batu Putih itu milik kita, tetapi kelalaian kita tidak cukup prihatin kita menjaga dokumen-dokumen sejarah itu sehinggakan pembuktian di mahkamah ICJ itu tidak dapat diberi dengan elok yang mana sebilangan besar hakim tidak berpihak kepada kita.

Begitu juga komen Prof Dr. Marshitah daripada UKM yang mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia seperti ada kelalaian sejak tahun 1980. Di mana sejak itu pendudukan Singapura di Pulau Batu Puteh seolah-olah memberi pengiktirafan kepada Singapura yang itu menjadi haknya. Saya semasa ini tidak akan menuding jari kepada sesiapa dalam hal ini tetapi sekadar membawa iktibar dan peringatan kepada kita semua bahawa inilah akan berlaku sekiranya kita tidak prihatin dalam sesuatu perkara tetapi kita lebih prihatin dalam perkara lain. Kembali kepada sejarah 1978, kita melihat bahawa negara kita Malaysia pada ketika itu berlaku kegawatan politik, pertembungan di antara sesama sendiri dan saya sendiri pada tahun 1980, pada ketika itu baru awal penyertaan saya dalam politik, cukup susah kita hendak berceramah.

Ribuan polis jaga, jadi di Pulau Batu Puteh ini, sejak 1980, kita seolah-olah lalai, ini komen. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal yang lain saya mengajak sahabat-sahabat dan Ahli Yang Berhormat insya-Allah kita dapat bersatu dalam menjaga kedaulatan insya-Allah. Akhir sekali saya ingin menyentuh kenaikan harga barang. Semalam menteri sudah menjawab bagaimana kawalan dibuat untuk menjaga harga beras supaya tidak naik dan bagaimana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjangkakan untuk membaik pulih kawasan-kawasan sawah dan juga memberi peruntukan yang agak besar RM803 juta kepada pertanian untuk membaik pulih sawah termasuklah kepada MADA.

Saya berharap supaya Kerajaan Pusat insya-Allah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah yang juga telah meletakkan bahawa menjaga keperluan pertanian tanah-tanah sawah tidak lagi akan dijadikan tanah untuk pembangunan di mana tanah-tanah sawah ini di mana kebetulan di Kedah ini merupakan tanah sawah yang subur untuk dijadikan pengawalan bagi kita meningkatkan pengeluaran padi dan menghasilkan beras negara.

Kita sudah banyak kali melalui kenaikan harga barang termasuk minyak, gula, tepung dan sebagainya. Yang anehnya apabila barang-barang tersebut terus dibenarkan menaikkan harga melimpah ruah, pada Sabtu hujung minggu yang lepas, saya kebetulan untuk membantu sahabat pergi cari beras, bertan-tan bertreler, banyak tetapi harganya sekali ganda daripada harga yang asal. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekadar itulah buat kali pertama penyertaan saya dalam ucapan ini dan saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas ucapan ulung dalam Dewan Negara. Silakan Datuk Sim Kheng Hui.

12.17 tgh.

Datuk Sim Kheng Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya penuh hormatnya menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah kerana sudi merangkap menyampaikan titah ucapan di persidangan penggal 1 Parlimen ke-12. Titah Ucapan Tuanku melingkungi pelbagai aspek dan antara lainnya telah menyentuh isu-isu pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Tuanku juga menasihatkan agar rancangan tersebut sentiasa dipantau dan dinilai semula bagi memastikan keberkesannya dalam mempergiatkan momentum pembangunan ekonomi serta mempertingkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Setakat ini sebanyak RM200 bilion bersamaan dengan 40.8% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 telah disalurkan untuk masuk pelaksanaan projek pembangunan. Pencapaian ini pasti akan menghasilkan impak-impak positif kepada pembangunan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, kita juga amat bersyukur ke atas keputusan Perdana Menteri untuk menilai prestasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 bagi pertengahan penggal. Usaha ini dianggap perlu dan penting bagi meninjau semula. Masalah rancangan tersebut telah dapat memanfaatkan golongan berpendapatan

rendah. Difahamkan sesetengah projek mega mungkin akan dinilai semula jika tidak menepati sasaran yang digariskan.

■1220

Keadaan ini jelas menunjukkan kepentingan rakyat jelata adalah agenda utama dalam penggubalan dan pelaksanaan polisi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal tatasusila Ahli-ahli Parlimen. Tuanku turun menekankan bahawa pentingnya setiap Ahli Parlimen memperlihatkan mutu sahsiah dan tingkah laku yang baik semasa persidangan agar menjadikan Parlimen satu platform polemik yang benar-benar dapat mengutarakan pendirian, idea dan teguran yang membina. Kita mesti ingat bahawa rakyat mahupun seluruh dunia sedang memerhati dan menilai tahap prestasi Ahli-ahli Parlimen. Tahap prestasi Ahli-ahli Parlimen akan menguji kematangan sistem demokrasi negara yang seterusnya akan mendatangkan implikasi terhadap tahap kewibawaan sistem politik dan imej negara.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Tuanku terhadap kemiskinan bandar telah menunjukkan kesayangan Tuanku terhadap rakyatnya. Tuanku juga menyentuh isu golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu mendapatkan pinjaman perumahan dan langkah kerajaan melancarkan skim pinjaman perumahan, penjamin telah membolehkan golongan ini membeli rumah kos rendah dan kos sederhana. Keadaan ini telah memastikan kepentingan rakyat lapisan ini turut dijaga baik oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Tuanku, isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan turut dibangkitkan. Kita sedar bahawa masalah-masalah ini sememangnya merugikan aset dan imej negara. Kita yakin usaha-usaha pembanteras rasuah yang sedang giat dijalankan akan mendatangkan hasil yang baik. Kita percaya dengan adanya peranan-peranan yang lebih agresif yang akan dimainkan oleh Badan Pencegah Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jawatankuasa Parlimen mengenai Pencegahan Rasuah dan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, kes rasuah dan penyelewengan dapat dikurangkan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, memang telah menjadi kebimbangan dunia terhadap kenaikan harga barangan yang meninggi. Negara kita bersama negara lain di dunia juga berdepan dengan masalah kenaikan harga barangan yang mendatangkan impak yang meluas. Golongan berpendapatan rendah dan sederhana merupakan kumpulan yang akan mendapat pukulan yang hebat sekali akibat kenaikan harga barangan ini. Kita mesti menangani krisis kenaikan harga ini dengan bijaksana supaya tidak memudaratkan kedudukan ekonomi negara. Di samping dapat meringankan beban rakyat pada masa amat kritikal ini.

Kita amat bersyukur melihat kerajaan telah menjadikan Sarawak sebagai salah satu jelang padi negara sebagai langkah untuk menangani krisis kenaikan harga beras dunia. Walau bagaimanapun masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan sektor pertanian yang berdepan dengan perbagai masalah. Antara masalah termasuk kenaikan kos pengeluaran pertanian akibat kenaikan harga baja, bahan-bahan kimia dan makanan ternakan.

Situasi ini telah menyebabkan petani dan penternak berada dalam keadaan yang amat tertekan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan Sarawak. Nelayan-nelayan di Sarawak sering berdepan dengan masalah pencerobohan kapal perikanan negara asing yang menangkap hasil lautan di perairan dalam Sarawak. Memandangkan kapal perikanan negara asing ini mempunyai teknologi yang lebih canggih, tangkapan hasil laut mereka adalah banyak. Ini telah menjejaskan sumber pendapatan nelayan Sarawak. Masalah ini amat serius dan harus ditangani oleh pihak berkuasa dengan segera agar sektor perikanan di Sarawak akan terus berkembang.

Dalam soal keselamatan, kita sedar bahawa Polis Diraja Malaysia memang bersungguh-sungguh dalam menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Namun masih ada banyak ruang untuk penambahbaikan. Adalah menjadi harapan kita melihat pertambahan anggota Polis Diraja Malaysia yang berkualiti dan berwibawa untuk memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi. Selain itu, undang-undang yang lebih tegas dan hukuman yang lebih berat seperti hukuman sebatan juga harus digariskan sebagai langkah pencegahan jenayah. Kita juga menaruh harapan yang tinggi terhadap tahap prestasi Polis Diraja Malaysia dalam menyelesaikan kes-kes jenayah yang amat serius.

Keadaan ini penting untuk menjamin keyakinan orang awam terhadap keupayaan Polis Diraja Malaysia. Selain itu, cadangan menggunakan angkatan tentera, Ikatan Relawan Rakyat, rukun tetangga dan skim rondaan sukarela untuk maksud pencegahan jenayah harus disokong dan dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, mutu kemudahan dan perkhidmatan Hospital Umum Sarawak telah meningkat dan mendapat pujian orang ramai. Walau bagaimanapun akibat pertambahan penduduk yang pesat, hospital tersebut tidak lagi mencukupi. Saya memohon pertimbangan Kerajaan Pusat untuk mendirikan hospital baru di Kuching serta memperuntukkan peralatan perubatan yang lebih baik sebagai langkah untuk meningkatkan mutu kesihatan rakyat.

Dari aspek pendidikan, saya berharap kerajaan akan dapat memberikan peruntukan kewangan tahunan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh dan sekolah menengah swasta untuk membolehkan sekolah tersebut berada dalam keadaan yang baik untuk mendidik anak-anak bangsa.

▪ **1230**

Selain itu, *Unified Examination Certificate* atau UEC, dari sekolah menengah swasta juga harus diiktiraf oleh kerajaan memandangkan mutu dan kualiti sijil tersebut telah diiktiraf oleh universiti ternama negara asing. Selain itu, kerajaan juga harus membantu dalam penempatan semula bagi sekolah yang mempunyai kurang pelajar dan mendirikan sekolah baru di kawasan yang telah padat dengan penduduk. Di samping itu, pelajar-pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia iaitu STPM, yang mendapat purata nilai gred keseluruhan 4.00, harus diberikan biasiswa kerajaan dan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus pilihan utama mereka di institusi pengajian tinggi awam.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak amat bertuah kerana adanya projek *Sarawak Corridor of Renewable Energy* iaitu SCORE yang bertujuan menjadikan Sarawak sebuah negeri maju menjelang 2020. Saya amat yakin projek ini pasti akan memberangsangkan lagi pembangunan dan pencapaian ekonomi Sarawak dan seterusnya akan memanfaatkan rakyat. Kami yakin dengan komitmen dan kesungguhan Perdana Menteri dan kerajaan dalam menjayakan dalam menjayakan projek SCORE ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan, izinkan saya turut menyokong Titah Ucapan Tuanku dan merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan ini atas keprihatinan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam ucapan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato Sri Empiang Jabu.

12.33 tgh.

Dato Sri Empiang Jabu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan untuk peluang bagi membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Mac 2008, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dikembalikan sebagai kerajaan di peringkat Persekutuan ini harusnya dilihat sebagai kepercayaan dan kesetiaan yang berterusan rakyat terhadap pimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional Sarawak di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud telah mengekalkan penguasaan 30 daripada 31 kerusi di Dewan Rakyat. Dengan kemenangan Barisan Nasional yang besar di negeri Sarawak dalam pilihan raya Parlimen baru-baru ini adalah diharapkan bahawa Kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan proses pelaksanaan pelbagai pembangunan infrastruktur dan memberikan peruntukan wang yang berpatutan. Ini adalah supaya penyelenggaraan pembangunan diperhebat lebih-lebih lagi di luar bandar seluruh Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia seharusnya bersyukur kerana bekalan makanan terutamanya beras masih pada tahap yang mencukupi berbanding dengan negara-negara lain. Sesungguhnya pun demikian, kita tidak seharusnya mengambil krisis makanan global ini dengan sikap sambil lewa. Kenaikan harga komoditi dan makanan adalah disebabkan permintaan yang tinggi biarpun kuantiti yang dibekalkan adalah sama atau berkurangan. Berlandaskan fahaman dengan izin, *supply side economic*, cara terbaik untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggandakan hasil keluaran pertanian kita. Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti kawasan-kawasan baru untuk menambahkan bekalan beras. Negeri Sarawak telah dilibatkan dalam inisiatif ini. Rakyat Sarawak bersedia menyahut cabaran untuk menjadi Jelapang Padi Malaysia yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud telah mengenal pasti 91,000 hektar kawasan penanaman di pelbagai kawasan seperti Tulai, Bundung Siam, Bentanggor, Sungai Sebelak di

kawasan Saratok bahagian Betong, kawasan Matu Daruh, Paloh, Pulau Buruit di Mukah, kawasan Limbang dan Lawas di bahagian Limbang, kawasan Nanga Merit di bahagian Kapit, kawasan Bijad Stumbing dan Lingga Bantin di bahagian Sri Aman. Oleh itu, saya ingin menyarankan pihak Kerajaan Pusat untuk memperbaiki serta membina jalan raya di kawasan-kawasan jelapang padi tersebut untuk mengurangkan kos perjalanan dan kemudahan logistik seperti pengangkutan dan juga menjadi sebahagian daripada sistem komunikasi di tempat-tempat tersebut.

Malangnya ramai pihak lebih-lebih lagi di negeri Sarawak berpendapat bahawa sistem jalan raya di Sarawak adalah 20 tahun hingga 30 tahun ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia. Saya berharap kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan terhadap usaha-usaha mengurangkan kesan-kesan terhadap alam sekitar perlu juga diberikan keutamaan. Penelitian harus dibuat ke atas kesan-kesan terhadap flora dan fauna sesuatu kawasan yang telah dikenal pasti dengan penggunaan bahan kimia yang mungkin mempunyai kesan negatif terhadap tanah semula jadi dan juga isu berkaitan dengan *safe environment, waste disposal management system* dengan izin, penelitian adalah wajar. Isu seperti fenomena pemanasan global dan komitmen Malaysia kepada Protokol Kyoto mesti diambil kira dengan perancangan pembangunan negara. Dalam kita mengejar kemajuan, kita seharusnya mengimbangnya dengan tanggungjawab terhadap bumi.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, dari isu pembangunan pertanian, saya beralih ke isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan. Yang Berhormat Senator Sim Kheng Hui telah berucap tadi berkenaan dengan pembangunan iaitu *Sarawak Corridor of Renewable Energy* ataupun disebut sebagai SCORE yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 11 Februari 2008.

Sukacita dimaklumkan SCORE mendapat maklum balas yang memberangsangkan khususnya daripada pelabur dalam dan dari luar negara. satu daripada projek di bawah sayap SCORE adalah estet perindustrian Similajau yang melibatkan industri berat dan berteknologi tinggi.

Sungguhpun RM300 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat, namun pengagihannya mempengaruhi kelancaran projek ini. Disarankan agar pihak yang terlibat dapat bekerjasama dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan Persekutuan dalam membasmi kemiskinan tegar melalui Projek Lonjakan Mega Luar Bandar berkonsepkan agropolitan di serata Malaysia di sambut baik oleh rakyat dan Kerajaan Negeri Sarawak. Jawatankuasa khas dipengerusikan oleh Menteri Luar Bandar telah mengenal pasti dan mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat lima kawasan agropolitan untuk dibangunkan di bawah Projek Lonjakan Mega Luar Bandar iaitu Pulau Buruit di bahagian Mukah, Bukit Sadok di bahagian Betong, Sri Aman dan Sarikei,

Lingga-Stumbin-Sembau di bahagian Sri Aman, Batang Sadong di bahagian Samarahan dan Sedayan di bahagian Miri, Telang Usan.

Keseluruhannya dianggarkan menelan belanja sebanyak RM1395.9 juta. Dengan ini saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil kira kawasan selebihnya. Selanjutnya saya ingin menyeru pihak kerajaan di Putrajaya agar peruntukan dapat disalurkan secepat yang mungkin kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan projek pembasmian kemiskinan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan isu yang tidak asing lagi bagi Sarawak, di kawasan-kawasan pendalaman iaitu masalah pendaftaran, *national registration* dengan izin. Sesungguhnya JPN Sarawak mempunyai unit khas bergerak dalam 50 buah pejabat di serata negeri, tetapi masih ada lagi sebahagian rakyat Malaysia yang tidak mendapat perkhidmatan pendaftaran ini.

Seperti yang digembar-gemburkan, ketiadaan dokumen pengenalan diri, sijil lahir atau kad pengenalan akan menyebabkan rakyat Malaysia ini seolah-olah hilang kewarganegaraannya. Sesungguhnya mereka berhak dan layak di bawah Perkara 5(9) dan Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan kepada kerakyatan itu.

Ada kalanya satu keluarga tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri semasa melalui perjalanan yang panjang ke pusat perkhidmatan JPN terdekat. Mereka terpaksa menempuhi pelbagai risiko termasuk di tahan kerana disangka sebagai pendatang asing tanpa izin.

Saya menyeru pihak JPN boleh mengkaji balik prosedur-prosedur bagi memudahkan semua pihak yang terlibat. Usaha sama dengan ketua-ketua masyarakat seperti penghulu dan tuai rumah boleh membawa manfaat. Setiap negeri di dalam Persekutuan Malaysia mempunyai daya tarikan yang unik.

Tuan Yang di-Pertua, Bumi Kenyalang terkenal dengan Gua Mulunya, hutan rimbanya di samping budaya dan adat resam kaum-kaum peribumi seperti kaum Iban, Melanau, Bidayuh, Kayan dan Orang Ulu. Maka adalah sangat mustahak sekiranya kerajaan membantu Sarawak dengan memberi tumpuan khas di dalam melipat gandakan usaha-usaha mempromosikan Sarawak sebagai salah satu destinasi utama bagi pelancongan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha bagi membantu industri kraf tangan tempatan mesti diberi lebih tumpuan dari segi perluasan pemasaran khususnya di luar negara. Saya berpendapat kerajaan melalui kementerian-kementerian seperti Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan dan Kesenian dan Warisan dan lain-lain boleh membantu mempamerkan hasil kraf tangan di setiap kedutaan ataupun Suruhanjaya Malaysia di merata dunia.

Pegawai-pegawai diplomatik kita boleh diberi latihan dan pendedahan mengenai kraf tangan Malaysia serta membantu dalam usaha promosi ini semasa berkhidmat. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar betapa pentingnya perpaduan bagi negara Malaysia terutama sekali apabila rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama.

Dengan mempromosikan Malaysia dengan konsep *unity through diversity* dengan izin, diguna pakai. Dewasa ini timbul unsur-unsur yang berusaha untuk mengambil peluang dengan membuat kenyataan-kenyataan menyentuh sensitiviti agama dan perkauman. Kelakuan yang tidak bertanggungjawab ini sekadar untuk *to score political points* dengan izin, boleh membinasakan perpaduan rakyat dan negara.

Langkah-langkah perlu diambil untuk membendung kesan buruk daripada merebak. Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia akan menerima baik kenyataan-kenyataan yang berasas atau memanfaatkan rakyat berdasarkan kepada lunas-lunas kebebasan suara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mereka juga akan menyangkal kenyataan-kenyataan yang berasaskan perasaan diskriminasi, prejudis dan *patronizing*, dengan izin. Penerapan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara dan pemahaman terperinci Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan-perlembagaan serta Undang-undang Tubuh Negeri-negeri perlu dilakukan di setiap peringkat dengan pendekatan terkini yang lebih berkesan.

•1250

Jika tidak, jurang perbezaan hanya membesar. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara ringkas tentang isu bekalan elektrik luar bandar ataupun dengan izin, *rural electrification scheme* dan juga bekalan air bersih di kawasan-kawasan luar bandar.

Tidak dinafikan bahawa banyak perubahan dan kemajuan yang telah di kecap oleh negeri Sarawak, banyak peruntukan telah diagihkan kepada rakyat negeri ini bagi pelbagai projek dan program pembangunan. Dari usaha-usaha tersebut, rakyat telah menikmati banyak kemudahan-kemudahan awam dan juga kemajuan dari segi setiap kehidupan. Akan tetapi, terdapat banyak lagi kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum mendapat bekalan air bersih dan juga *rural electrification scheme*.

Kerajaan sewajarnya meningkatkan lagi usaha-usaha untuk merapatkan lagi jurang ini. Negara kita berjuang untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 maka wajarlah pekerjaan meningkatkan usaha penyediaan kemudahan-kemudahan asas ini. Kegagalan membuat demikian boleh mencerminkan imej yang kurang baik di mana rakyat akan merasakan pekerjaan telah mengabaikan mereka dalam pelan pembangunan negara. Ingatlah perasaan sekali disakiti, sukar diubahi.

Jalan penyelesaian untuk masalah ini adalah dengan memastikan adanya satu jadual kerja apabila bekalan *rural electrification scheme* dan bekalan air bersih akan sampai ke kawasan-kawasan pedalaman. Hanya dengan adanya ketetapan seperti ini barulah masalah bekalan air bersih dan *rural electrification* di kawasan luar bandar akan dapat diselesaikan dengan menjadi bukti komitmen kerajaan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Usaha sebeginilah yang akan dirasai oleh semua golongan rakyat Malaysia tanpa sebarang had ataupun batasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah berterima kasih kepada sumbangan dan dedikasi pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja kuat melaksanakan projek-projek mega yang telah saya sebut tadi. Projek-projek besar-besaran ini akan menjanakan banyak peluang pekerjaan

lebih-lebih lagi membangunkan kawasan luar bandar dan harus meningkatkan ekonomi negara dan akan harus menjayakan matlamat Wawasan 2020.

Dalam semua ini, kita memerlukan *health of state-Federal relationship* dengan izin. Ini perlu untuk membolehkan segala pelancaran dan pelaksanaan program pembangunan ini diselenggarakan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan, selamat menyambut Pesta Keamatan, Pesta Menuai bagi rakan-rakan seperjuangan kita yang berasal dari Sabah. Saya juga ingin menjemput semua Ahli Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama menyambut Hari Gawai di Sarawak pada 1 Jun. Semoga sambutan hari perayaan seperti ini akan mengeratkan lagi tali silaturahim dan persaudaraan di antara satu sama lain. Maka dengan ini saya memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Dr. Vijayarajam dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong dan Ir. Haji Zamri untuk berucap.

12.53 tgh.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya. Terlebih dahulu, saya junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Baginda Tuanku telah menyentuh beberapa topik di dalam Titah Ucapan dan izinkan saya memberi pandangan, komen dan sedikit rayuan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kerabat diraja ialah satu institusi yang harus dihormati oleh semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum. Duli-Duli Yang Maha Mulia, Tuanku-Tuanku, dan Raja-Raja adalah sebahagian penting di sistem demokrasi berparlimen kita yang dinamakan pemerintahan Raja Berperlembagaan, *Constitutional Monarchy*, dengan izin.

Keistimewaan sistem ini bukan sahaja untuk kedaulatan dan maruah negara tetapi boleh dilihat sebagai satu lagi tangan pemantauan dan imbalan ataupun *check and balance*, dengan izin. Secara pengaruh di pemerintahan dan pentadbiran. Maka saya sangat dukacita Tuan Yang di-Pertua, apabila sesiapa pun enggan terima sistem ini dan membuat kenyataan yang menjejaskan imej institusi Raja-Raja. Walaupun sedikit, seperti mana yang disebut oleh salah seorang pihak pembangkang baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, kita percaya di dalam konsep pemerintahan melalui undang-undang ataupun *rules of law*, dengan izin. Beberapa laporan polis telah dibuat tentang kes tersebut. Biarkan sistem undang-undang berjalan mengikut salurannya. *Make the law takes it score* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Saya harap, kita boleh terima sistem undang-undang dan keputusan yang disampaikan oleh pihak polis, peguam negara dan mahkamah tanpa membuat aktiviti-aktiviti balas dendam yang sengit seperti membaling *Molotov cocktail* ke

pejabat satu parti politik. Ini bukan cara kita, Tuan Yang di-Pertua. Malaysia bukan Iraq atau Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua, Pilihan Raya Umum negara yang telah lepas pada 8 Mac 2008. Kita harus menghargai bahawa proses pilihan raya telah dijalankan dengan cekap dan licin. Walaupun ada sedikit aduan di sini dan di sana. Apa yang kita harus menghargai ialah keputusannya diterima dengan tenang tanpa huru-hara. Ini tanda yang penting di mana ia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia begitu matang dan terdidik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sudah menyuarakan pilihan dan hasrat mereka. Pesanan yang disampaikan dengan suara majmuk tanpa mengira kaum. Kecenderungan di negeri-negeri dan tempat-tempat tertentu kepada parti-parti pembangkang pun dari berbilang kaum. Jika tidak, negeri-negeri seperti Perak, Selangor dan Pulau Pinang tidak akan jatuh ke tangan Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa zaman politik perkauman telah pun lepas atau akan hilang tidak beberapa lama lagi. Pandangan saya ialah ini satu perkembangan yang baik untuk negara. Saya ingin bertanya adakah relevan atau berguna suarakan perpaduan kaum-kaum seperti perpaduan Melayu, Cina, India, Iban ataupun Kadazan Dusun? Sudahkan sampai masa kita memperjuangkan apa yang disuarakan oleh Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar pada satu ketika dahulu? Sudahkah sampai masa kita berfikir tentang perpaduan rakyat Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung selepas pada petang ini. Masa sudah cukup.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam, sila sambung ucapan.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudahlah sampai masanya kita tukar fikiran kepada perpaduan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari analisa keputusan pilihan raya yang baru lepas, nampaknya ini adalah hasrat rakyat yang dikehendaki oleh majoriti kaum-kaum Malaysia. Saya harap kita menangani pilihan raya yang akan datang dengan sikap yang lebih terbuka tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin....

Tuan Yang di-Pertua: Saya minat dengar kesimpulan-kesimpulan Yang Berhormat peroleh daripada analisis keputusan pilihan raya baru-baru ini. Apakah kesimpulan-kesimpulan itu?

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi, nampaknya di dalam pilihan raya yang lepas, kecenderungan di negeri-negeri dan tempat-tempat tertentu ada parti pembangkang, *swing* nya berbilang kaum. Rakyat Malaysia mengundi tanpa mengira kaum calon tersebut. So, ini satu perkembangan yang pada pendapat saya baik untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratnam. Bila Yang Berhormat menyebut bahawa implikasi pilihan raya yang baru lalu menunjukkan rakyat cenderung untuk memilih parti tidak perkauman. Bukankah BN itu sendiri tidak menunjukkan perkauman? BN adalah sebuah parti yang didukung oleh orang Melayu, oleh orang Cina dan oleh orang India. Maka dia sudah boleh mewakili rakyat Malaysia bercakap daripada segi perpaduan rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih sahabat saya. Maksud saya ialah bahawa sebelum ini, ada tumpuan lebih diberi kepada politik perkauman, tetapi kali ini walaupun saya mengakui bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Ringkasnya macam ini. Tidakkah dulunya seolah-olah orang Melayu pilih calon Melayu, orang Cina pilih calon Cina? Akan tetapi pilihan raya kali ini nampak seolah-olah orang Melayu tidak kira calon siapa. Dia pilih juga calon yang bukan Melayu. Dan orang Cina pun pilih juga calon yang bukan Cina. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Itu memang betul Tuan Yang di-Pertua. Itu maksud saya. Bukan semua, tetapi kita boleh nampak kecenderungan kepada trend begitu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan saya pada pihak Polis Diraja Malaysia di mana baru-baru ini mereka membenarkan satu tunjuk perasaan pada Hari Buruh iaitu 1 Mei.

Selepas rundingan dengan pihak penganjur, mereka juga dibenarkan berjalan kaki untuk satu jarak tertentu. Ini menunjukkan bahawa dengan persetujuan pihak penguat kuasa undang-undang dan pihak penunjuk perasaan, satu demonstrasi yang aman boleh dijalankan. Kerjasama polis memastikan bahawa ketenteraman awam dan keselamatan tidak akan dijejaskan dan lalu lintas trafik tidak akan diganggu.

Tidak perlulah untuk meriam air, gas air mata, kecederaan dan sebagainya yang memburukkan imej negara. Sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, pihak penganjur demonstrasi pun harus memberi kerjasama yang penuh. Bukankah keadaan macam ini dapat dilakukan pada masa demonstrasi dahulu. Bersih dan Hindraf.

Tuan Yang di-Pertua, hak kumpulan untuk menunjuk perasaan secara aman adalah satu tanda negara demokrasi. Saya minta lebih kelonggaran dari pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat mewakili pendirian parti mana-mana dalam pendirian tersebut?

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Saya tidak mewakili mana-mana parti. Ini pandangan saya sebagai liberal demokrat...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab dalam pengetahuan saya, Yang Berhormat merupakan salah seorang Naib Presiden Parti Gerakan.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Ya, memang dan Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Parti Gerakan adalah ahli *liberal international*. Hanya satu parti sahaja di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Tapi ini bukan pendirian rasmi Parti Gerakan.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Saya percaya pandangan parti pun begitu juga... [Ketawa]

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat bangun minta laluan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya minta laluan.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Sila.

■1440

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyebut mengatakan pihak polis tidak perlu menyiramkan air dan apa-apa yang polis buat. Apa pandangan Yang Berhormat tunjuk perasaan yang dijalankan oleh Hindraf itu adakah tunjuk perasaan yang aman oleh kerana kalau tidak saya dalam media elektronik seorang pegawai polis telah dipukul sehingga berdarah dan perlu mendapatkan beberapa jahitan. Saya tidak nampak pandangan Yang Berhormat tadi itu mengatakan tunjuk perasaan yang dijalankan oleh Hindraf dan Bersih adalah aman di mana pihak polis tidak payah menjalankan tugas mereka seperti menyiram air dan lain-lain sedangkan pihak polis mengambil tindakan selepas rusuhan yang tidak dapat dikawal lagi di pihak Hindraf maka selepas itulah baru tindakan diambil oleh pihak polis. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam: Terima kasih, Yang Berhormat. Itulah macam saya katakan tadi, jika ada satu kumpulan hendak berdemonstrasi atau tunjuk perasaan berundinglah dengan polis, saya percaya ia boleh mencapai keputusan, satu *agreement* di mana polis boleh kata, "Okay, pihak penganjur hadkan beberapa orang dan kalau hendak menghantar memorandum atau apa kita boleh *escort*." Ini boleh dirunding. Saya percaya ia boleh dirunding.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak sokong ini ialah prinsip dengan izin, *rights of peaceful protests or the rights of peaceful demonstration* dengan penekanan kepada perkataan "*peaceful*".

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Betul, Tuan Yang di-Pertua, ia secara aman. Kalau kita nampak sekarang ini di negara jiran kita Indonesia demonstrasi dibenarkan dengan kerjasama pihak penguat kuasa undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Yang Berhormat mendedahkan diri kepada serangan. Demonstrasi, *peaceful demonstration*.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: *Peaceful*.

Tuan Yang di-Pertua: *It's a rights*.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: *It's a rights*.

Tuan Yang di-Pertua: *But not every kind of demonstration is a rights*.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Memanglah kalau mereka membuat sesuatu yang sengit pada masa itu tindakan harus diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Itu hujah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada topik yang spesifik iaitu masalah-masalah yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad atau KTMB. Selain daripada kemalangan kerap kali kita dengar tren-tren yang lari keluar dari landasan. Saya ingin merujuk kepada satu laporan dalam Berita Harian bertarikh 10 Mei tahun ini yang berbunyi: “20 lokomotif yang dibeli dari luar negara untuk kegunaan KTMB kini dikatakan mengalami masalah teknikal yang serius sekalipun baru beroperasi tidak sampai tiga tahun.”

Kenyataan tersebut mendakwa setiap hari sekurang-kurangnya 11 lokomotif itu terpaksa dibaiki sehingga mengganggu perkhidmatan. Dalam sehari hanya antara lima dan sembilan lokomotif berkenaan boleh digunakan. Oleh yang demikian, KTMB terpaksa bergantung pada 15 lagi lokomotif lain yang disewa dari negara India dengan bayaran sebanyak RM3,000 bagi setiap unit sehari.

Selain daripada itu, bilangan kemalangan-kemalangan *derailment*, dengan izin, yang disebutkan, saya merayu kepada KTMB supaya menjalankan kajian ke atas blok-blok kayu landasan ataupun *railway sleepers*, dengan izin yang diguna pakai khasnya di landasan kereta api ke Pantai Timur. Di beberapa tempat nampaknya blok-blok kayu tersebut mutunya kurang baik dan reput. Boleh jadi ini adalah salah satu sebab kemalangan-kemalangan yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, negara harus mempunyai satu sistem pengangkutan yang terkini cekap dan selamat. Tidak boleh dinafikan perkhidmatan kereta api adalah salah satu perkhidmatan yang penting bukan sahaja untuk penumpang tetapi untuk penghantaran barang-barang kargo ke pelabuhan-pelabuhan kita dan sebaliknya. Saya menyeru kepada pihak KTMB supaya mengambil langkah-langkah pembaikan dan penyelenggaraan yang tepat dan sesuai untuk meningkatkan perkhidmatannya ke satu taraf yang boleh dianggap sebagai dunia pertama ataupun *first world* status, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, parti MIC dan NGO-NGO tertentu pada bulan

Februari tahun ini untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India dialu-alukan. Di antaranya ialah peluang kerja di sektor pentadbiran awam, tempat di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan mendapatkan biasiswa. Perkara-perkara lain ialah keusahawanan, pinjaman perniagaan kecil, pembasmian kemiskinan dan mengambil bahagian di pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ekuiti, izinkan saya merayu kepada Permodalan Nasional Berhad menimbang pelancaran sebuah skim untuk rakyat kaum India di Malaysia. Pada suatu ketika dahulu selain daripada skim-skim untuk kaum bumiputera, Amanah Saham Wawasan dan Amanah Saham Malaysia dibuka kepada semua warga tanpa mengira kaum. Semua ini menampakkan cara-cara yang baik supaya warga kita boleh menikmati perkembangan negara melalui pelaburan-pelaburan selamat kerajaan dan pulangan-pulangan dividen yang dijamin.

Dengan mengambil kira kesukaran kewangan yang dihadapi oleh sebahagian besar komuniti India di Malaysia, saya percaya ada keperluan untuk skim seperti tersebut untuk mereka supaya mereka tidak di pinggir atau ditinggalkan daripada kejayaan negara. Mereka boleh melabur dalam skim ini tanpa waswas oleh kerana ia dilaksanakan oleh PNB dan dijamin oleh kerajaan. Namun haruslah diwajibkan had atau siling di atas berapa unit yang boleh dibeli oleh seseorang individu. Tindakan tersebut ialah untuk melarang orang-orang kaum India yang kaya merampas semua saham yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tanda yang baik untuk negara ialah selepas keputusan pilihan raya yang mengagumkan, ekonomi negara terus berkembang. Saya percaya ini adalah di atas prestasi dan trek rekod kerajaan sejak dahulu. Selepas kemerosotan ekonomi pada tahun 1980-an dan krisis ekonomi Asia 1998, negara kita tidak terlampau terjejas. Ini adalah dengan dasar rancangan kewangan yang bijaksana dan institusi-institusi kewangan yang teguh seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan lain-lain.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan angka-angka ekonomi yang boleh dianggap baik. Kadar pembangunan di antara 6% hingga 3% setahun. Pengeluaran domestik atau GDP pun telah meningkat. Inflasi, walaupun naik sedikit iaitu lebih kurang 3%, masih rendah jika di banding dengan negara-negara di rantau ini. Perbezaan negatif bajet ataupun *budget deficit*, dengan izin pun telah berkurangan dan simpanan rizab luar negara masih tinggi. Di dalam perdagangan antarabangsa, kedudukan Malaysia sebagai negara mempunyai kebolehan persaingan ataupun *competitiveness* yang menarik dan angka amaun kewangan perdagangan ialah lebih RM1 trilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja terima *press release* yang menyebut kedudukan Malaysia di dalam *World Competitiveness* 2008 telah naik daripada 23 ke 19 iaitu lebih tinggi daripada Korea, Japan dan United Kingdom.

■1450

Angka-angka ini dari Swiss Institute. Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini boleh didapati bukan sahaja daripada sumber kerajaan tetapi di majalah-majalah terkenal dari luar

negara seperti *The Economist*. Ini untuk mereka yang tidak mahu percaya angka-angka yang dikeluarkan oleh Bank Negara, mahupun pelaburan asing masih masuk ke dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan mengambil kira kesan yang akan timbul daripada kenaikan harga minyak. Kita tidak boleh lari daripada fakta bahawa kebolehan kerajaan terus mensubsidi kos minyak adalah terhad dan akan menjejaskan pembangunan-pembangunan lain di negara ini. Saya ingin merayu kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud melalui hujah Yang Berhormat tadi bahawa setelah hampir tiga bulan berlalu, apa yang dikatakan tsunami politik di tanah air, bermakna tidak diekori oleh tsunami ekonomi. Adakah itu benar?

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Ya, memang benar, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya ekonomi negara tidak terkesan oleh keputusan pilihan raya walaupun sejurus selepas pilihan raya, pasaran saham ada turun sedikit...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna kehilangan majoriti 2/3 Barisan Nasional tidak menjejaskan ekonomi negara.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Tidak menjejaskan, tetapi 2/3 kita mahu jugalah pada pilihan raya yang akan datang... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada kerajaan memberi tumpuan kepada bayaran subsidi hanya untuk mereka yang memerlukannya iaitu golongan yang kurang pendapatan dalam sektor-sektor tertentu seperti pengangkutan komersial. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak berhenti sebab saya terlalu mengganggu Yang Berhormat?

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Tidak apa, saya *enjoy* juga... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan terus menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Lee Chee Keong, selepas itu Tuan Haji Zamri.

2.53 ptg.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang telah diberi kepada saya untuk sama-sama saya mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berlangsung tempoh hari.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi ada rakan-rakan baru kita dari negeri Kedah mencadangkan kita ada seorang lagi wakil untuk Orang Asli. Malam tadi saya didatangi oleh sekumpulan pakar perubatan. Mereka juga merayu apa kata kalau pilih atau lantik seorang pakar perubatan untuk mewakili kumpulan atau golongan perubatan, doktor, *surgeon* dan juga ahli-ahli farmasi untuk membawa masalah-masalah mereka ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti lama-lama Dewan Negara jadi *trade union*.... [Ketawa]

Tuan Lee Chee Keong: Saya rasa masing-masing ada masalah mereka. Jadi kalau ada wakil, kan baik kita sama-sama dengar rasa hati mereka. Itulah mukadimah ucapan saya pada petang ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Titah Ucapan Tuanku tempoh hari boleh dikatakan cukup menyeluruh. Baginda menyentuh bidang ekonomi, pertanian, pendidikan dan sebagainya.

Di sini saya ingin menyentuh tiga bidang sahaja. Yang pertama, bidang pertanian. Yang menjadi fokus saya ialah apa yang berlaku sebagai satu fenomena baru sekarang iaitu kenaikan harga barang-barang makanan. Saya tertarik pada seorang timbalan menteri semalam mengatakan, dengan izin, *the era of cheap petrol and cheap food is gone*. Jadi saya bersetuju bahawa harga makanan hari ini telah melambung naik, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Saya teringat 40 tahun yang lepas, waktu saya berada di tingkatan satu, Cikgu Geografi saya memberitahu, dengan izin, "Next year bekalan beras kita mencukupi. Mulai *next year*" dia kata.

Akan tetapi berlalulah 40 tahun dengan usaha-usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan semua kementerian, namun kita masih menghadapi kekurangan bekalan makanan. Saya cukup hairan sama ada kadar kelahiran kita tinggi sangat atau kita terlalu kuat makan, menjadikan bekalan makanan kita terutamanya beras, tidak mencukupi.

Saya nampak Tuan Yang di-Pertua, beberapa masalah berkenaan dengan penanam padi. Saya dapati banyak tanah terbiar di kawasan luar bandar. Saya dapati yang jadi petani ini purata usia mereka ialah 57 tahun. Memandangkan usia yang begitu tinggi, maka kadar atau produktiviti tidak begitu tinggi.

Saya nampak juga penghijrahan tenaga muda dari kawasan-kawasan luar bandar pergi ke bandar dan juga tenaga muda kita memandang rendah kepada bidang pertanian. Itu semua sebab-sebabnya dan kita tidak menumpukan perhatian kita kepada teknologi yang canggih dan dapat memajukan pertanian secara komersial. Inilah saya nampak masalah-masalah kita. Saya nampak banyak usaha juga dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Contohnya semalam disentuh tentang Empangan Muda Kedah yang memakan belanja RM126 juta. Kemusykilan saya ialah belanjanya RM126 juta ini, apakah hasilnya? Adakah hasil daripada penanaman padi kita melebihi RM126 juta atau kurang? Kalau kurang, lebih baik kita import. Tidak payah kita belanja RM126 juta.

Saya nampak ada juga yang dikatakan Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah. Saya tidak tahu apakah hasilnya? Apakah dapatan daripada yang dikatakan Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah? Sehingga menyebabkan kita terpaksa mengimport dalam Rancangan Malaysia Kelapan, makanan yang bernilai RM8.5 juta dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, import makanan kita meningkat kepada RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya meragui usaha kementerian-kementerian tertentu dalam projek-projek besar ini. Dapat saya katakan kalau input melebihi output, dengan izin, elok lagi kita import dari luar. Saya nampak juga kita ada kolej pertanian, kita ada Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, kita ada Pusat Inkubator MARDI, kita ada FAMA. Jadi usaha-usaha

semua badan ini masih tidak dapat membekalkan makanan yang mencukupi untuk semua rakyat Malaysia, menyebabkan kita terpaksa mengimport, menyebabkan rakyat masih berhadapan dengan kenaikan harga makanan di pasaran hari ini...

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Ini suara daripada Melaka, Selangor, Negeri Sembilan ya?

Tuan Lee Chee Keong: Negeri Sembilan. Bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini memberi beberapa cadangan untuk kalau boleh kita mengatasi masalah bekalan makanan. Saya cadangkan di Dewan yang mulia ini, apa kata kalau kita sewakan tanah-tanah yang terbiar di luar bandar? Pernah saya tengok sebuah syarikat swasta, dia masuk kampung, dia berunding dengan orang kampung. Dia sewa seratus ekar, dia tanam jagung. Cantik jagung susunya. Setelah kejayaan dicapai, orang kampung minta balik tanah itu. Dijadikan tanah terbiar lagi. Jadi itulah saya cadangkan dengan usaha pihak-pihak berkuasa tempatan, dengan usaha JKKK masing-masing.

Kita cadangkan kita sewakan tanah-tanah yang terbiar di luar-luar bandar, kita sewakan dengan *agreement* dengan izin, untuk sama-sama kita memajukan tanah terbiar kita, untuk sama-sama kita meningkatkan bekalan makanan kita, untuk kita sama-sama merangi masalah atau era kenaikan harga makanan kita. Saya ingin juga mencadangkan untuk kita tubuhkan pasukan R&D. Saya tahu, Kementerian Pertanian kita sudah ada baka-baka jenis padi yang dinamakan MR84, MR166, MR219, MR220, macam-macam itu.

Akhirnya, kita import juga. Itulah masalah kita. Pasukan R&D ditubuhkan untuk mendatangkan produktiviti yang lebih tinggi, untuk menarik minat rakyat membeli beras tempatan. Sehingga hari ini, saya lihat kita masih lebih meminati beras yang kita import daripada Thailand dan juga Myanmar. Itu masalah kita.

Saya cadangkan juga bank-bank komersial kita memberikan pinjaman kepada petani-petani kita. Ini adalah untuk petani-petani kita melakukan pertanian secara komersial, pertanian yang menggunakan teknologi, pertanian secara besar-besaran seperti apa yang berlaku di negeri Holland.

Saya pergi Holland *last year*, dengan izin. Saya diberitahu hanya satu per empat daripada penduduk Holland ataupun Netherlands yang menjadi petani, tetapi hasil pertanian mereka melebihi apa yang diperlukan di dalam negara mereka. Sehingga mereka sanggup mengeksport hasil pertanian mereka. Bilangan petani mereka hanya merangkumi satu per empat jumlah besar penduduk mereka.

Jadi kalau kita benarkan bank-bank kita memberikan pinjaman, kita galakkan pasukan R&D kita, kita galakkan penggunaan teknologi yang canggih; maka saya berharap ini kita dapat memerangi fenomena baru kenaikan harga barang-barang makanan.

Pagi tadi saya juga Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan. Saya bertanya, bolehkah kita menggugurkan subsidi petrol dengan gas? Sebab kepada saya, subsidi petrol dengan gas, tidak terasalah oleh rakyat kita. Kita beritahu satu tong gas itu, kerajaan beri subsidi RM40 lebih kurang macam itu, tetapi rakyat tidak terasalah subsidi kita. Kalau kita gugurkan subsidi minyak petrol dengan gas itu dan kita berikan untuk subsidi bahan makanan kita, maka saya

nampak rakyat akan bersyukur, berterima kasih kepada Kerajaan Pusat atas keprihatinan kerajaan daripada kita mengekalkan subsidi minyak petrol dengan gas. Itu bidang yang pertama, tajuk pertama yang ingin saya sentuh.

Yang kedua, saya hendak sentuh tentang perkhidmatan awam. Baginda Tuanku telah menyentuh dalam Perkara 17 dengan merayu kepada kakitangan kerajaan memberikan satu prestasi yang lebih baik. Kita tahu kakitangan kerajaan adalah barisan hadapan yang bertemu dengan rakyat setiap hari dan kalau mereka bersifat positif, akan dapat meningkatkan imej kerajaan, akan dapat membantu kerajaan memancing undi. Namun apa yang saya lihat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kerja kerajaan adakah memancing undi ataupun memerintah negara?... *[Ketawa]*

Tuan Lee Chee Keong: Kalau tanpa undi itu, tidak boleh memerintah.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam fahaman saya yang pancing undi, parti politik.

Tuan Lee Chee Keong: Saya tidak katakan kakitangan kerajaan pancing undi untuk siapa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat atas beberapa berita baik yang disebarkan baru-baru ini. Contohnya had umur untuk kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan salah faham. Saya berminat supaya Yang Berhormat kupas baik-baik, kerana melalui ucapan Yang Berhormat, rakyat kita semua, kita sama-sama tahulah, rakyat Malaysia ini bukanlah bijaksana sangat dengan soal-soal pemerintahan ini. Jadi, kalau Yang Berhormat kupaskan, kerajaan punya kerja apa, parti politik punya kerja apa? Kadang-kadang rakyat tidak tahu kata Parlimen di negara mereka ini adalah termasuk Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sebab itu, bila disebut Parlimen, mereka ingat kekecohan di sana itu ialah Parlimen Malaysia. Walhal hakikatnya apa yang disebut Parlimen itu ialah mempunyai tiga komponen, Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, sebab itulah bila kita katakan kerajaan dan lain-lain, melalui ucapan Yang Berhormat itu dapatlah secara tidak langsung dipelajari perkara-perkara tertentu oleh rakyat amnya. Itu sahaja niat saya.

Tuan Lee Chee Keong: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan kakitangan kerajaan dapat meningkatkan imej kerajaan. Ini termasuk imej Yang di-Pertuan Agong dan juga Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah kata dalam Dewan ini, dan saya pernah berhujah bahawa sebilangan kakitangan kerajaan yang angkuh tetap dengan keangkuhan mereka. Saya lihat sikap mereka tidak dapat menggalakkan ataupun meningkatkan imej kerajaan. Komposisi sektor awam ini harus juga kita tinjau daripada laporan Jabatan Perdana Menteri, kakitangan yang terdiri daripada kaum Melayu adalah 84%, daripada kaum Cina 9.62%, daripada kaum India 5.09%.

▪ 1510

Selalu kita didatangi oleh orang awam. Adakah ini satu fenomena sihat? Beberapa tahun yang lepas, sebuah kilang datang jumpa saya, mereka beritahu, "Saya punya operator

90% wanita Melayu. Masa bulan puasa, masa hari raya, tengok, kilang terpaksa diberhentikan buat seketika". Ini merugikan.

Begitu juga saya rasa dalam bidang perkhidmatan awam kita. Komposisi kakitangan kita harus kita rombak semula untuk kita menjamin produktiviti setiap hari tidak diganggu kerana sesuatu hari perayaan atau sesuatu budaya daripada sesuatu kaum. Saya dapat juga satu angka bahawa KSU, orang-orang yang memegang jawatan KSU, yang Melayunya 25 orang; yang Cinanya 1; dan Indianya 1.

Jadi daripada pandangan sayalah, ini satu komposisi yang tidak begitu sihat dalam satu masyarakat majmuk di negara kita. Saya ingin mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan tahniah kepada kakitangan kerajaan dalam...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Lee Chee Keong: ...Diberi...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat mohon laluan.

Tuan Lee Chee Keong: Silakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit ya. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa sektor awam, kita melihat begitu ramai orang-orang Melayu dan pada pandangan Yang Berhormat dia mungkin nampak kurang sihat. Namun apa pandangan Yang Berhormat dengan sektor swasta Yang Berhormat, yang mana kita nampak lebih ramai kaum Cina daripada kaum Melayu. Adakah itu juga nampak kurang sihat Yang Berhormat? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak swasta ini, setiap syarikat swasta ini dia ada autonomi masing-masing. Jadi kalau kita tak kira siapa hendak memasuki syarikat berkenaan, kita kena buktikan dengan kebolehan kita, kelayakan kita, maka akan diterimalah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ingin mengucapkan tahniah kerana kenaikan gaji daripada 15% sehingga 35% yang berlaku pada tahun lepas. Juga peluang-peluang baru yang diwujudkan, yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, terutamanya bagi golongan guru. Banyak peluang diberikan kepada mereka. Maka kita berharaplah dengan insentif-insentif baru, peningkatan had umur pencen, peningkatan gaji 35% dan juga peluang-peluang baru untuk guru, kita berharap produktiviti kakitangan kerajaan dapat ditingkatkan. Imej kerajaan dapat ditingkatkan. Kita harus membentuk satu tenaga perkhidmatan awam yang dianggap terbilang. Itu harapan saya.

Saya juga ingin Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit tentang PDRM kita. Saya ucapkan tahniah kepada pihak polis telah melakukan satu kerja yang cukup baik dalam Pilihan Raya Yang Kedua Belas baru-baru ini. Cukup aman, cukup tenteram, cukup cekap tapi ada juga yang tidak cekapnya. Semalam saya ada didatangi oleh seorang bekas inspektor. Beliau memohon agar saya membawa perkara ini masuk ke Dewan yang mulia ini. Kata beliau, "Kuasa pendakwaan polis banyak disalah gunakan. Kalau polis 'suka' pada suspek-suspek tertentu, maka dalam proses pendakwaan membawa suspek pergi ke mahkamah itu, macam-macam alasan. Saksi tak sempat hadir, bukti cicir, dokumen-dokumen penting itu tak dapat

disampaikan ke mahkamah. Maka jumlah kes yang di *discharge* dengan izin, oleh mahkamah disebabkan oleh proses pendakwaan yang kurang adil melebihi kes yang dicaj di mahkamah". Ini kata-kata sebenarnya daripada *ex-inspector* dengan izin. Sebab dia nampak apa berlaku dalam mahkamah.

Maka saya ingin mengambil kesempatan menyeru kepada Ketua Polis kitalah. Kajilah sedikit proses pendakwaan kita di mahkamah. Kajilah sikit proses penyiasatan yang dilakukan oleh PDRM. Maka kita nampak segolongan besar kakitangan kerajaan baik. Segolongan besar kakitangan kerajaan makan gaji dan di hujung bulan dapat gaji, alhamdulillah. Namun, ada juga segelintir yang tidak peduli dan menyalahgunakan kuasa.

Di sini saya ingin *quote* dengan izin, satu ayat yang saya terima, saya baca daripada surat khabar yang dikeluarkan oleh pemimpin utama negara China baru-baru ini dalam menghadapi masalah gempa bumi. Namanya Wen Jiabao. Dia cakap dalam bahasa Mandarinlah, nanti saya terjemahkan. Dia kata... [*Berucap dalam bahasa Mandarin*] Kalau tak faham saya terjemahkan. Kata Wen Jiabao, dalam proses, dalam usaha memerangi atau membantu mangsa-mangsa gempa bumi yang baru-baru ini, di Sichuan, Wen Jiabao mengatakan, "Rakyatlah yang membayar gaji awak. Awak fikirilah sendiri apa yang patut dilakukan". Ayat ini digunakan sewaktu dia bertemu muka dengan askar, dengan pasukan pakar perubatan yang enggan mengorbankan masa dan tenaga mereka. Kata Wen Jiabao, saya ulang, "Rakyatlah yang membayar upah awak. Awak fikirilah sendiri apa yang patut awak buat".

Bidang ketiga yang ingin saya sentuh pada petang ini...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Lee Chee Keong: Yes, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Musa mohon laluan Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya ingin minta pandangan Yang Berhormat. Tadi tentang dua perkara.

Satu tentang polis. Adakah maksud Yang Berhormat bahawa polis-polis Malaysia ini pilih kasih? Ada yang hendak didakwa dan ada yang tidak mahu didakwa? Ada yang cuba-cuba, kalau ada kes dia cuba melemahkan kes itu? Ini juga unsur-unsur rasuah.

Yang kedua, apakah pandangan Yang Berhormat bahawa kakitangan kerajaan di Malaysia ini selepas kenaikan gaji, umur daripada 56 hingga 58 tahun masih lagi tidak mahu bertugas dengan baik dan adakah mereka ini tidak mahu, kita kata memberi tugas yang begitu cemerlang? Apakah itu maksud Yang Berhormat?

Tuan Lee Chee Keong: Saya tidak pernah menuduh tapi saya katakan ada segelintir kecil dan saya katakan dalam proses pendakwaan oleh polis, adalah sesuatu yang berlaku..., dengan beberapa ganjaran baru, insentif baru yang telah diberikan kepada kakitangan kerajaan, saya cakap juga. Golongan besar adalah kakitangan yang baik. Cuma segelintir kecil yang saya katakan yang angkuh tetap dengan keangkuhan mereka.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Yang Berhormat mohon laluan.

Tuan Lee Chee Keong: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Dalam perbincangan, dialog ASEAN baru ini, yang berusaha Ketua Polis Negara ada mengatakan bahawa, “Daripada 100% aduan yang diterima kepada polis, 93% melibatkan masalah integriti. Yang selebihnya barulah melibatkan perkara ketidakmahiran polis”. Jadi di sini kita melihat bagaimana Ketua Polis Negara menyedari akan hakikat masalah integriti yang dipersoalkan oleh masyarakat kepada polis.

Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, apakah cadangan-cadangan yang boleh kita majukan kepada pihak polis dan badan kerajaan untuk membantu masalah integriti di kalangan polis-polis ini kerana perkara ini bagi saya mereka dah cukup sedar bagaimana hendak baiki. Macam mana?

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa usaha untuk mengatasi masalah integriti itu, itu tanggungjawab Ketua Polis. Jadi kita serahlah kepada Ketua Polis untuk membetulkan balik imej polis yang dikatakan 90% menghadapi masalah dengan integriti. Jadi kita berharaplah Ketua Polis dapat menjernihkan imej pasukan polis.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memasuki bidang pendidikan dan modal insan.

■1520

Kita dapati bahawa di negara kita terdapat 21 buah universiti dan baru-baru ini kita cadangan daripada 21 buah itu empat buah kita jadikan universiti APEX atau universiti terbilang yang dianggap sebagai universiti R&D. Namun begitu saya pernah dalam *interview* bertemu dengan graduan-graduan kita saya dapati akan graduan yang boleh berbahasa Inggeris sepatah-sepatah tetapi tidak lengkap satu ayat dalam bahasa Inggeris. Itu *graduate* kita. Pada bulan lepas, saya terima satu panggilan daripada seorang graduan, “YB *tolong carikan kerja, tiga bulan cari kerja tidak dapat*”. Saya tanya berapa gaji mahu? “RM700 cukuplah”. “Kursus apa?.” “Undang-undang Syariah.”

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat saya nampak masalah pengangguran pada golongan graduan kita, saya nampak masalah yang dihadapi oleh golongan muda kita yang menganggur. Saya nampak masalah ini timbul semata-mata kerana kita tidak dapat memberi *market driven program*, dengan izin kepada generasi muda kita. Jadi saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pohon mengganggu untuk mengambil kesempatan bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Persatuan Bekas Perajurit kawasan Padang Rengas, Perak. Dewan Negara mengalu-alukan kedatangan... [*Tepuk*] Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya cadangkan kurikulum di menara-menara gading kita harus diubah semula kerana program yang kita ajarkan pada generasi muda ini kalau tidak *market driven*, dengan izin. Maka kita nampak

akibatnya atau implikasinya yang akan jatuh pada generasi muda kita yang akan menganggur besok cukup hebat. Kemungkinan besar inilah juga satu punca masalah sosial yang kita hadapi sekarang.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Lee Chee Keong: Silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan Yang Berhormat adakah ini bermakna bahawa dasar pelajaran kita ini tidak baik? Ataupun ianya salah dari segi pendidikan negara kita ini. Oleh kerana apabila kita menukarkan sesuatu dasar pelajaran ia memakan masa satu generasi iaitu 25 tahun. Kita tidak boleh cuba mencuba, *try and error* dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat tentang Dasar Pelajaran Negara yang ada sekarang ini?

Tuan Lee Chee Keong: Pada pandangan saya sendiri Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kurikulum yang kita buat sekarang ini masih terlalu terkongkong, masih *too traditional*. Kita masih lihat pelajar-pelajar kita yang cukup cemerlang semua hendak pergi ke bidang perubatan. Itu satu mentaliti tradisional. Itu digalakkan oleh menara-menara gading kita. Jadi apa kata...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat tadi adakah keadaan ini kerana terlalu kerap berlaku perubahan dasar. Sedangkan satu-satu perubahan itu kesannya akan dirasai selama satu generasi seperti mana yang, adakah kerap sangat berlaku perubahan dasar maka keadaan ini wujud. Itu pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu saya serah kepada autonomi universiti masing-masing. Namun untuk negara kita maju mencapai tahap negara maju mentaliti tradisional ini harus kita ubah. Banyak bidang baru bioteknologi ada, *aerospace* ada, genetik teknologi ada. Apa sebab mentaliti orang-orang muda kita balik-balik perubatan, balik-balik jadi doktor, balik-balik jadi *lawyer*.

Bagi saya itu satu mentaliti yang terlalu tradisional. Tidak sanggup atau tidak dapat menggalakkan generasi muda kita berhadapan dengan proses globalisasi masa akan datang. Jadi pada pandangan sayalah ini secara peribadi, kita harus ubah kurikulum kita. Setiap universiti terutama universiti yang dianggap universiti APEX besok harus meninjau lebih jauh untuk membantu generasi muda kita.

Dalam pendidikan Tuan Yang di-Pertua kita juga lihat banyak masalah. Pendidikan yang paling tinggi peruntukannya setiap tahun dalam bajet tapi pendidikan yang paling banyak masalah. Salah satu daripada masalah kita ialah masalah pelbagai jenis sekolah. Tidak ada penyelarasan, kita dapati di sekolah-sekolah vernakular atau bahasa ibunda, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Ada pula sekolah Cina bantuan kerajaan, sekolah Cina bantuan modal dan sebagainya. Ada juga sekolah swasta yang kita panggil sekolah agama rakyat, sekolah agama negeri di mana sampai hari ini masih terdapat 200..

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Minta laluan. Saya ingin sentuh sedikitlah pada pandangan Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat setuju masa telah tiba di negara ini supaya kita perlu mansuhkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang disebut tadi sama ada

sekolah Cina ataupun dijadikan sekolah kerajaan. Tidak ada lagi perbezaan antara sekolah. Ini saya hendak penjelasan.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang sudah tiba masanya, kalau *result* daripada Pilihanraya Ke-12 ini menunjukkan bahawa mengikut kata Doktor Vijay bahawa rakyat memilih atau mengundi tidak lagi berdasarkan pada dasar perkauman maka sekolah-sekolah kita juga tidak harus berlangsung berdasarkan pada konsep sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan kerajaan.

Di seluruh negara kita terdapat sekolah Cina bantuan penuh - 398 buah, sekolah bantuan modal, itu mengikut definisi zaman dululah sekarang sudah 50 tahun kita merdeka. Kita masih mahu membeza-bezakan antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain yang sama-sama sekolah kerajaan. Yang sekolah Cina bantuan modul 889 buah. Jadi saya ingin cadangkan di Dewan yang mulia ini, kita satukan. Kita tidak mahu bezakan lagi ini Melayu, ini Cina, ini India. Kita tidak mahu bezakan sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, sekolah bantuan penuh, sekolah bantuan modal dan sebagainya.

Malah saya katakan tadi 282 buah sekolah agama negeri dan dengan rakyat swasta itu juga kita daftar. Juga kita beri bantuan, juga kita bagi peruntukan. Saya pernah tengok dengan mata saya sendiri guru besar daripada sekolah-sekolah Cina meminta kerusi meja yang terbuang di sekolah-sekolah kebangsaan diangkut balik ke sekolah Cina untuk digunakan. Ini satu realiti semata-mata kerana bantuan kerajaan tidak mencukupi. Hasil daripada Pilihan Raya Ke-12 ini mengajar kita kalau kita terus membeza-bezakan antara satu sama lain, antara satu warna dengan warna yang lain maka akibatnya cukup parah besok.

▪ 1530

Maka saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan semua sekolah termasuk sekolah swasta agama kita selaraskan. Kita tak mahu lagi membeza-bezakan antara satu sama lain. Begitu juga satu masalah pendidikan iaitu keciciran. Saya nampak daripada angka-angka kita 10% daripada kanak-kanak sekolah rendah. Apabila anak-anak kita naik sekolah menengah, 10% lagi tak berjaya tamat tingkatan lima. Jadi jumlahnya 20%. 20% ini cukup untuk menggoncang satu masyarakat kita. Cukup untuk melakukan perbuatan-perbuatan jenayah yang mengancam keselamatan kita.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawj: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah 20% itu bermakna seorang dari tiap-tiap lima orang?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawj: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa agenda yang diungkapkan oleh Yang Berhormat untuk menjadikan semua sekolah di Malaysia ini di bawah pemerintahan ataupun diberi bantuan yang sama adalah satu usaha yang murni. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanyakan pandangan Yang Berhormat apabila bantuan ini diberi secara sepenuhnya oleh pihak kerajaan bagaimanakah sekolah masing-masing itu boleh mengekalkan identiti dan keistimewaan yang dipunyai oleh sekolah khususnya berkenaan dengan dasar? Kalau sekolah Cina, sekolah Tamil ataupun sekolah agama mesti dia mempunyai dasar yang tersendiri. Adakah juga ini akan menyebabkan dasar ini akan dihapus kira apabila bantuan diterima? Terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu mengaitkan antara peruntukan dengan identiti sekolah. Kita beri peruntukan tidak bererti kita hendak ambil identiti. Saya bantu orang India tidak bererti saya hendak warnakan India itu putih, tidak. Jadi peruntukan tidak berkait langsung dengan identiti sekolah-sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, keciciran yang saya sebutkan tadi daripada bangku sekolah rendah sampai sekolah menengah setinggi 20%. Katakan Tuan Yang di-Pertua dalam lima orang itu satu yang cicir, satu inilah yang akan menjadi beban masyarakat kita. Yang satu inilah akan melakukan perbuatan-perbuatan jenayah yang memeningkan kepala ketua polis kita. Satu perkara lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Ada kelemahan dalam hujah itu. Tidaklah pula setiap seorang dari lima yang cicir itu akan terlibat dalam gejala sosial atau jenayah. Mungkin mereka akan membesar jadi jutawan.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sama ada yang cicir ini jadi jutawan atau tidak beliau tidak melalui satu proses pendidikan formal maka saya cukup meragui mentalitinya walaupun dia seorang jutawan.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah biasiswa yang diberikan oleh semua peringkat agensi. Saya mengalu-alukan cadangan Kementerian Pelajaran dua hari yang lepas bahawa semua pelajar lulusan SPM 9A ke atas semua layak, semua akan diberi. Contohnya mengikut Timbalan Menteri Pelajaran kalau 9A masuk *form six* ada biasiswa, kecil. 10A masuk matrikulasi ada biasiswa besar sedikit. 11A JPA *scholarship* beratus ribu. Ini adalah satu insentif, satu galakan yang dapat kita berikan kepada generasi muda kita yang rajin belajar tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sampai 11A, 12A, 13A merayu-rayu menangis-menangis tapi tak juga dapat JPA *scholarship*.

Semalam saya cakap dalam Dewan yang mulia ini, adakah ini semata-mata disebabkan peruntukan tidak cukup. Saya rasa tidak. Banyak peruntukan kita masuk ke Rancangan Empangan Muda Kedah. Sudah dapat modal balik atau tidak, tak tahu. Banyak peruntukan kita belanja di Pelabuhan Klang RM4.6 bilion, entah macam mana dia pergi. Jadi peruntukan khas diberikan kepada generasi muda yang rajin belajar yang dapat menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang, apa salahnya kita bagi.

Saya mengalu-alukan cadangan Kementerian Pelajaran semua pelajar dengan prestasi akademik yang cemerlang, yang terbilang, yang gemilang maka kita berilah ganjaran tertentu. Sama ada di peringkat *Form 6*, matrikulasi, universiti atau biasiswa JPA secara automatik, secara telus, secara sistematik tak perlu mereka datang merayu-rayu. Dalam tahun 2006 sebagai contoh pemohon-pemohon biasiswa JPA meningkat ke 15,357.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lee Chee Keong: Sebagai satu contoh pada tahun 2006 yang memohon biasiswa JPA meningkat ke 15,357 orang pemohon. Yang berjaya menghadiri temu duga ialah 5,935 orang. Yang berjaya diberi biasiswa JPA 1,500 orang. Maksudnya tidak sampai 10%

daripada jumlah anak-anak kita yang cemerlang akademiknya diberi peluang menikmati biasiswa JPA.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh golongan guru baru-baru ini ialah cikgu-cikgu yang mengajar tingkatan enam sekarang ini diberi elaun tambahan. Itu saya tak setuju sebab cikgu-cikgu yang mengajar Tingkatan 6 ini dia punya *contact hours* waktu mengajarnya *workload*, beban kerjanya kurang daripada cikgu-cikgu yang mengajar Tingkatan 5 ke bawah. Dia punya *contact hour*, dengan izin, telah kurang tapi oleh sebab dia mengajar *Form 6* mungkin berat sedikit kerjanya atau tanggungjawabnya maka kementerian memberi kumpulan guru yang mengajar Tingkatan 6 ini elaun tambahan. Ini sudah menyebabkan guru-guru lain tak begitu senang hati.

Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan kepada Kementerian Pelajaran tidak haruslah cikgu-cikgu yang mengajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris diberi tambahan elaun. Cikgu-cikgu yang mengajar *Form 6* diberi tambahan elaun. Bagaimana dengan guru-guru lain? Walaupun tangga gajinya sama tapi jumlah yang dibawa balik itu kurang daripada mereka. Saya rasa ini dapat menimbulkan tidak senang hati di kalangan guru sekalian. Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Tuan Lee Chee Keong: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Cikgu hendak tanya.

Tuan Osman bin Bungsu: Bila kita kata tentang guru ini sudah tentu Hari Guru kita sambut dengan baik. Maka kita perlu mengucapkan selamat Hari Guru. Masih ada lagi. Jadi bila bercakap tentang guru, lagi kita teringat guru pun telah banyak insentif yang diberi. Baru-baru ini yang diumumkan oleh Perdana Menteri tetapi pada pandangan Yang Berhormat apakah peluang kenaikan pangkat ini di kalangan guru ini.

■1540

Kita lihat kadang-kadang PTD baru kerja enam tahun tujuh tahun telah melangkau ke DG48, tetapi guru yang berkhidmat kadang-kadang sudah sampai 10 tahun, 12 tahun, malah saya kenal pasti seorang guru yang daripada sekolah rendah masuk, *graduate* ke universiti. Dia sudah berkhidmat sekolah rendah enam, tujuh tahun. Kemudian pergi sekolah menengah jadi guru, berkhidmat sudah lapan sembilan tahun masih lagi DG 41.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang kenaikan pangkat guru. Perlukah diberi sama taraf dengan PTD? Ini supaya kalau yang bekerja melebihi 10 tahun, kita beri ruang kenaikan pangkat secara automatik, *time based* itu mesti diberi secukupnya.

Kedua, saya menyampaikan juga di kalangan guru, kadang-kadang kenaikan pangkat ini diberi imbuhan, pampasan. Kadang-kadang pampasan melangkau sampai beberapa tahun baru dapat. Jadi saya harap perkara ini dapat diberi perhatian kepada guru-guru ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, saya bekas cikgu juga. Saya mengajar 20 tahun,

begitu juga tangga gaji. Bukan sebab saya tidak cekap, kalau tidak cekap tidakkan sampai sini?... [Ketawa]

Walau bagaimanapun, golongan guru ini sebab bilangannya terlalu besar sampai 80,000 orang kalau tidak silap saya. Maka, peluang kenaikan pangkat memang terhad, itu saya bersetuju. Akan tetapi, *the welfare* atau kebajikan yang telah diberikan kepada golongan guru ini banyak juga. Malah melebihi kakitangan kerajaan yang lain. Contohnya cuti, dua bulan cuti hujung tahun dan yang lain-lain. Masalah yang saya timbulkan tadi ialah pemberian elaun yang baru ini telah menyebabkan kekecohan dan rasa tidak senang hati di kalangan guru sendiri. Jadi kita tidak nampak satu dasar atau satu sistem yang baik untuk memberi ganjaran kepada golongan guru. Itu pandangan saya. Itu hujah saya semata-mata kerana ganjaran baru.

Ini mengakibatkan kekecohan di kalangan guru sendiri. Untuk kesimpulan, bak saya katakan tadi implikasi *result* Pilihanraya Umum ke-12 baru-baru ini memberi satu imej yang jelas kepada kita bahawa rakyat jelata mahukan perubahan. Rakyat jelata sudah letih dengan yang angkuh tetap dengan keangkuhan mereka. Rakyat mahu perubahan dan perubahan ini harus kita rancang mulai daripada sekarang.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sistem demokrasi kita hari ini telah sampai ke satu hala tuju, satu *target* yang sihat iaitu perkembangan dwi parti sebagaimana yang berlaku di United Kingdom, USA, dan Taiwan.

Di Taiwan, lapan tahun yang lepas parti pembangkang mengambil alih terajui kepimpinan. Maka, parti yang asalnya memerintah berusaha mengubah dan merancang untuk merampas balik. Hari ini dia berjaya selepas lapan tahun diambil alih. Maka hari ini kerajaan baru Taiwan telah mengambil alih kepimpinan kerajaannya semata-mata kerana mereka berubah sikap mereka.

Mereka merancang perubahan mereka, mengutamakan perpaduan rakyat yang sebenar-benarnya. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana jika Yang Amat Berhormat tidak membenarkan laporan audit yang lepas, tidak membenarkan isu V. K Lingam ini dibongkar, bak kata doktor tadi, demonstrasi-demonstrasi aman tidak dipersetujui. Maka kita tidak nampak sistem demokrasi Malaysia sedang menghadapi hala tuju yang sihat yang saya katakan tadi dwi parti demokrasi.

Saya rasa perkembangan politik di Malaysia ini adalah satu perkembangan yang sihat. Maka, kita harus mengambil pengajaran daripadanya, merancang perubahan, menggugurkan apa yang kurang baik, kurang sihat, meningkatkan keutuhan, dan menguatkan lagi perpaduan. Maka dengan harapan ini, kita akan berjaya. Mungkin tidak perlu lapan tahun, untuk kita rampas balik. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sokong kah tidak?

Tuan Lee Chee Keong: Saya sokong titah ucapan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ir. Haji Zamri Haji Yusuf. Wakil negeri Kedah

3.47 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Wakil negeri Kedah.

Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *Bismillahirrahmanirahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan. Saya mengucapkan terima kasih ke atas laluan dan kesempatan yang diberikan untuk saya untuk turut mengambil bahagian Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di atas nasihat dan pandangan jauh yang telah dititahkan sebagai panduan kepada kerajaan.

Dengan ini sebagai ucapan sulung, saya mengambil kesempatan juga mengucapkan penghargaan terima kasih di atas pencalonan daripada Dewan Undangan Negeri Kedah iaitu sebuah negeri Pakatan Rakyat selepas Pilihan Raya Umum-12, khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ustaz Azizan Abdul Razak serta menjadi wakil tunggal yang dipilih oleh Presiden Parti Keadilan Rakyat, Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail memilih saya menyertai sidang Dewan yang mulia ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam meneliti kepada titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, saya melihat beberapa pandangan yang bernas yang disarankan yang boleh menjadi panduan besar untuk kita. Jadi dengan secara ringkas ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian khususnya yang dibincangkan dalam Dewan ini.

Di antaranya tentang bagaimana tajuk ekonomi dibentangkan beberapa fakta, beberapa *figure* yang ditunjukkan dalam Dewan ini seperti mana pertumbuhan 6.3% 2007. Seperti mana juga peningkatan kepada pendapatan per kapita sehingga RM23 ribu. Begitu juga kadar inflasinya yang ditetapkan sekitar hanya 2%.

Jadi bagi saya, apabila kita melihat fakta-fakta ini ianya menarik, tetapi mewakili khususnya datang daripada kawasan yang cukup luar bandar. Ia datang dari daerah Padang Terap yang saya dapat kongsi dengan beberapa teman tadi dari Sabah dan Sarawak yang kedudukannya hampir serupa. Kita merasakan fakta ini betul, benar kerana ianya purata kepada pendapatan negara, tetapi apabila kita lihat balik kedudukan sebenar rakyat di luar tidaklah semua rakyat di Malaysia ini menikmati dan merasai nikmat yang dikatakan ini.

•1550

Sebab itulah kita minta supaya kali ini seperti yang disebut oleh banyak perwakilan, banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi dan perbahasan bagaimana keputusan Pilihanraya Umum Ke-12 menunjukkan bagaimana rakyat telah buat pemilihan untuk buat perubahan. Jadi biarlah walaupun dipimpin oleh Kerajaan Persekutuan, Barisan Nasional di pusat tetapi yang kita minta ialah pada kali ini hormati keputusan ini dan biarlah peruntukan-peruntukan yang dibuat kali ini juga menyeluruh di seluruh Malaysia.

Sebab itulah kalau satu lagi yang saya nak bandingkan adalah bagaimana kita lihat, fakta ini juga fakta menarik. Namun dalam masa yang sama kita boleh lihat liputan akhbar dan media yang menunjukkan bagaimana keadaan daif di luar bandar di Sabah dan Sarawak dan juga di kawasan pedalaman Kedah itu. Untuk ke sekolah juga ada masalah dan juga kalau kita melihat bagaimana program *Bersamamu* itu sendiri. Jikalau hendak dibuat di Kedah, nak di himpun, nak ditayangkan setiap minggu, saya rasa dua tahun pun tak habis. Golongan-golongan yang perlu mendapat perhatian ini.

Jadi sebab itu, pada kali ini kita dapat merasakan perubahan yang besar, perubahan yang ditunjukkan dengan jelas oleh rakyat mereka hendak satu perubahan supaya sistem agihan, kekayaan ekonomi ini lebih saksama. Sebab itu juga pada kali ini saya dapat melihat perbezaan juga perbahasan dalam Parlimen khususnya di Dewan Rakyat itu, kita dapat lihat bagaimana perwakilan daripada Sabah khususnya dan juga Sarawak yang telah membangkitkan beberapa pandangan ibarat yang kita belum pernah dengar sebelum ini. Antaranya yang cukup menarik ialah bagaimana saya dengar pandangan Yang Berhormat dari Sabah itu yang menyatakan sokongan mereka kepada Kerajaan Pusat, ibarat simpanan tetap di bank. Seperti mana mereka menyatakan sekiranya simpanan itu, kadar faedahnya tidak sesuai, maka mereka boleh beralih ke bank yang lain. Satu kenyataan yang saya belum pernah dengar sebelum ini.

Apa yang terbaru juga bila kita dengar bagaimana mereka juga menyebut perbandingan antara rumah banglo dan juga rumah teres. Ini bukan sahaja perkataan-perkataan yang dibawa begitu saja, yang saya rasakan dalam perbincangan itu tetapi hendak melambangkan bagaimana perubahan yang sangat diharapkan pada kali ini.

Jadi yang saya harapkan ialah, bila mereka telah bangkitkan isu ini, bila telah bawakan kepada Kerajaan Pusat, maka kami juga bagi mewakili kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Kedah sangat mengharapkan apabila datang peruntukan per kapita yang telah ditetapkan dan peruntukan-peruntukan lain walaupun sebelum ini ada Yang Berhormat dari Perlis ada menyebut, bagi kepada negeri kemenangan pada Barisan Nasional dulu.

Pada saya, dulu atau kemudian, peruntukan yang hak itu kita berilah kerana sesuai dan kita turunkanlah kepada negeri tersebut. Bukan maksud saya sekadar turun, tetapi biarlah turun itu secara saluran demokrasi. Pilihan telah dibuat, bila kita turunkan, kita turunkan kepada kerajaan yang memerintah supaya mereka lebih mendasar dalam menyampaikan, mengagihkan peruntukan-peruntukan yang hendak dibawa kepada rakyat di seluruh negeri. Sebab itulah dalam meneliti kepada ucapan-ucapan yang diberikan oleh wakil daripada Sabah itu, kita boleh melihat kemungkinan, saya boleh melihat juga kemungkinan akan berlaku sedikit perubahan berdasarkan kepada tekanan daripada rakyat di negeri mereka, di bawah jagaan mereka yang mereka wakili.

Begitu juga berkemungkinan mereka akan berhijrah. Berhijrah bukannya mengubah, bukannya menukar atau melompat tetapi berhijrah dalam bentuk yang mengambil kira pandangan rakyat yang mahukan perubahan. Jadi mereka yang menang ini juga akan berhijrah, saya tidak pasti berapa bilangannya tetapi itulah antara yang dibincangkan, disebut dalam Parlimen dan saya rasakan itu mungkin berlaku. Cuma saya mengharapkan tidak berlaku tekanan-tekanan yang kuat dalam soal ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu dari segi pengagihan ekonomi secara ringkasnya. Satu lagi saya ingin menyentuh sedikit tentang soal pendidikan ...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Musa mohon laluan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Baik.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi tentang lompat melompat ini. Yang lompat ini Pakatan Rakyat kah, Barisan Nasional kah, Barisan Nasional kah Pakatan Rakyat? Sebab saya belum dengar lagi Barisan Nasional nak melompat ke Pakatan Rakyat. Tak tahulah kalau Pakatan Rakyat nak lompat ke Barisan Nasional. Saya minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat menekankan penghijrahan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih dengan soalan tadi dan paling terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan penjelasan. Itu yang saya nak sebut, penghijrahan bukannya melompat. Yang pentingnya kita membawa mandat perubahan yang dituntut oleh rakyat. Itu pengakhiran bahagian ekonomi tadi.

Sedikit saya nak sentuh tentang pendidikan ini kerana saya berlatarbelakangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Bezanya ialah tanpa petunjuk rakyat, istilahnya lompat. Jikalau dengan petunjuk rakyat yang jelas melalui proses demokrasi, istilahnya hijrah.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi dalam hal isu demokrasi akan lebih dibincangkan sedikit lagi tentang *pendetailan* kepada perkara tersebut.

Tentang pendidikan ini, saya cuma nak sentuh tentang pengajaran matematik dan sains di sekolah menengah dalam bahasa Inggeris bagi sekolah Melayu. Saya dapat merasakan bila berlatarbelakangkan, saya sendiri pada awalnya enam tahun pertama saya belajar matematik dan sains dalam bahasa Mandarin. Lima tahun berikutnya, saya belajar matematik dan sains dalam bahasa Melayu. Kemudian saya teruskan pelajaran dalam empat tahun berikutnya dalam bahasa Inggeris. Jadi bagi saya bahasa yang digunakan sebagai pengantar kepada matematik dan sains ini tidak menjadi masalah yang besar.

Cuma yang menjadi masalah itu bila pengajian khas untuk matematik dan sains itu dikhususkan belajar dalam bahasa Inggeris di sekolah yang pengantaraannya bahasa Malaysia. Saya boleh tengok juga benda ini berlaku dan dalam enam tahun terakhir ini melibatkan anak saya sendiri dan kawan-kawan mereka, kita dapat lihat penduduk di luar bandar. Saya fokuskan sekali lagi di luar bandar Tuan Yang di-Pertua kerana bagi yang bernasib baik tinggal di bandar, mempunyai peluang tuisyen yang lebih baik, mereka mempunyai ibu bapa yang boleh membimbing dalam pendidikan ini dalam bahasa apa pun, alhamdulillah. Pendidikan ini boleh diteruskan kerana ini pendidikan asas di sekolah rendah.

Jadi oleh sebab itulah, saya rasakan kita mohon sangat-sangatlah kerana bukti telah jelas sebagaimana ramai tercicir hasil daripada enam tahun diajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah kebangsaan. Begitu juga perbahasan telah banyak dibuat, tuntutan berkali-kali saya rasa dalam beberapa persidangan, konvensyen dan sebagainya. Jadi saya mohonlah melalui Dewan ini, pada kali ini, kita minta supaya Kementerian Pelajaran pada kali ini menimbang semula, mengembalikannya segera sistem pengajaran matematik dan sains ini dalam bahasa pengantar ibunda mengikut sekolah yang mereka belajar, khususnya sekolah Melayu kebangsaan.

Jadi sedikit sahaja tentang pendidikan, saya beralih kepada tajuk keselamatan yang juga disebut dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu bagaimana tentang tahap keselamatan yang kita minta kerjasama daripada pihak polis, pihak keselamatan yang pada dasarnya kita mengucapkan syabas dalam banyak hal mereka boleh menyelesaikan kes-kes keselamatan. Akan tetapi apa pun bila kita melihat fakta yang ada, petunjuk-petunjuk menunjukkan bagaimana ianya meningkat setiap tahun, saban tahun. Sebut sahajalah apa jenis jenayah yang ada, perhatikan fakta dan perangkaan yang ditunjukkan sangat menakutkan. Sebab itu ramai merasakan tidak selamat, dalam keadaan yang tidak selamat walaupun banyak juga kes dapat diselesaikan tetapi fakta menunjukkan dengan jelas ini dalam keadaan yang tidak selamat.

Bagi saya, walaupun disebut oleh pihak Kementerian Dalam Negeri mereka ingin menambah bilangan polis daripada 97,000 orang kepada tambahan lagi 60,000 orang hendak dicari, kakitangan polis. Jadi sebagai langkah sementara untuk mendapatkan kakitangan tambahan ini, yang saya lihat ialah bagaimana penstrukturan polis, pihak keselamatan itu sendiri yang diletakkan di tempat-tempat yang saya rasa boleh distrukturkan semula supaya kawasan-kawasan yang memang tinggi jenayahnya diberikan fokus, keutamaan dan prioriti dalam memberikan khidmat yang cekap, meletakkan masyarakat kembali dalam suasana yang lebih bukan selamat tetapi rasanya selamat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sedang mendengar ucapan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Alhamdulillah, nampak dia macam catat sesuatu, terima kasih. Jadi itulah kalau tadi contohnya disebut tadi tentang perhimpunan aman, polis boleh pergi tumpu, tumpuan yang ramai untuk berhimpun kalau hendak menghalang.

■1600

Tujuan hendak menghalang juga boleh, tujuan hendak mengawal juga boleh. Jadi biarlah dengan izin, *deployment police* ini ataupun penstrukturan polis ini diteliti. Memang kita menyokong untuk pengambilan kakitangan tambahan, tetapi sementara itu biarlah dapat kita wujudkan satu suasana kehidupan yang lebih selesa dan rasa selamat, kerana kita tak mahu lagi melihat jenayah yang terlalu mengerikan. Kalau sebelum ini bagaimana kes yang berlaku ke atas Altantunya itu pun belum selesai bicara dah masuk hari yang ke sekian ratusan hari, tetapi kita juga dikejutkan baru-baru ini bila jumpa mayat, boleh dipanggil mayatlah, jumpa kaki sebelah di tempat yang lain, tangan sebelah di tempat yang lain, jumpa satu badan yang tanpa kepala di tempat yang lain.

Ini satu benda yang saya rasakan bukan sesuai untuk berada di Malaysia keadaan ini, tetapi saya rasa benda inilah kita mengharapkan dalam kecekapan polis dengan moto yang baru, yang mereka telah lancarkan, saya harap benda ini boleh dibantu, digiatkan dan diusahakanlah supaya Malaysia lebih aman, terasa lebih selesa untuk kehidupan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara yang keempat, yang saya nak sentuh sedikit ialah tentang demokrasi dan pilihan raya. Jadi pilihan raya baru-baru ini, Pilihanraya Umum ke-12 berlalu dengan tidak banyak perkara yang tidak diingini berlaku, sebab itulah kita mengajak melalui sidang Dewan yang mulia ini supaya kita semua menghormati keputusan rakyat, walaupun hak rakyat dinafikan juga pada saat-saat akhir pada hari pengundian. Saya sebut ini antara sedikitlah benda yang menyedihkan, walaupun tidak semua kerana pada saat akhir...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihan Raya Umum yang ke-12 baru-baru ini, seperti yang saya sebut tidak banyak berlaku benda-benda yang tidak dingini, cuma sedikit kita rasa mengeluh pada pihak rakyat. Kita rasa macam ada satu keraguan yang kita perlu sangat penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, kerana kita bawakan balik ingatan kita bagaimana pada empat hari terakhir sebelum berlaku hari pengundian, empat hari terakhir sebelum kita turun buat keputusan dalam Pilihanraya Umum ke-12 baru-baru ini, tiba-tiba pihak SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal, yang pada hari tersebut diberikan penjelasan panjang lebar, kononnya hendak mengelak daripada unsur sabotaj, maka pada hari tersebut kononnya disokong oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan juga Jabatan Peguam Negara, jadi harus dibatalkan penggunaan dakwat kekal di saat akhir.

Yang akhirnya, yang menjadi keliru kepada kita Tuan Yang di-Pertua, keliru kepada rakyat sekalian ialah bila selepas pilihan raya, bila kita persoalkan balik, kenapa dibatalkan penggunaan dakwat kekal ini, kita lihat kenyataan yang dikeluarkan oleh SPR telah bercanggah, berbeza dengan apa yang dikeluarkan empat hari sebelum hari pengundian. Kali ini beliau menyatakan mereka membatalkan penggunaan itu kerana atas permintaan Kabinet. Lalu pihak Kabinet, pihak Perdana Menteri menyatakan mereka hanya mencadangkan. Jadi benda-benda macam ini, satu kata mencadangkan, satu mengatakan arahan dan sebagainya, tetapi yang paling pentingnya sekarang kita minta supaya benda ini diberikan penjelasan sebaik mungkin, kerana kalau hari itu, ketika dibatalkan itu SPR mengatakan mereka punya bukti yang kukuh, ada penyeludupan dakwat kekal ini, menuduh kononnya dibawa oleh pihak PAS ke dalam negara dan juga kemudian dibawa oleh pihak UMNO ke dalam negara.

Itu pada hari kenyataan dibuat untuk membatalkan penggunaan dakwat hitam, tetapi pada akhirnya bila ditanya dalam perjumpaan baru-baru ini dengan Menteri Dalam Negeri, mereka menyatakan tidak ada bukti pun tentang kemasukan dakwat ini oleh pihak yang lain, melainkan hanyalah dimasukkan melalui pembelian oleh SPR sebanyak 48,000 botol dengan belanja RM2.4 juta daripada India.

Jadi yang saya nak tanyakan dalam persoalan ini ialah, saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri, bila kita dah beli 48,000 botol dengan RM2.4 juta ini kemudian kita batalkan pada saat akhir, sebab-sebab pembatalannya juga semakin lama

semakin keliru dan juga dakwat ini, saya difahamkan hanya boleh digunakan dalam tempoh enam bulan daripada tarikh kita beli, dia akan luput dan tamat tempoh penggunaannya.

Jadi kita dah beli dua bulan sebelum pilihan raya, kita dah lalui hampir tiga bulan selepas pilihan raya, bererti tinggal baki sekitar satu bulan. Untuk apa kita nak guna, kita nak buat dengan dakwat yang kita belanjakan RM2.4 juta ini, yang pastinya kalau tak digunakan, ianya satu pembaziran. Kalau nak digunakan, di manakah kesesuaian sekadar sengaja nak digunakan demi mengelak daripada pembaziran tersebut. Jadi, yang satu lagi ialah juga benda yang kita kesalkan dalam pilihan raya baru-baru ini ialah, bagaimana pada saat akhir sebelum penamaan calon, di mana pihak SPR menghantar faks pada hari terakhir menghendaki supaya setiap calon mematikan duti setem yang dikenakan pada Borang Akuan Berkanun, iaitu Borang 5 atau 5A yang menjadikan suasana kelam kabut, tiba-tiba ditarik balik pada hari penamaan calon.

Jadi ini juga perkara-perkara yang saya rasakanlah kita perlu buat penambahbaikan, kita perlu struktur balik, kita perkemaskanlah sistem pilihan raya kita supaya tidaklah berlaku benda-benda yang *ad hoc*, dengan izin, benda-benda yang mengikut keputusan orang-orang tertentu, di saat-saat akhir yang menjejaskan keyakinan rakyat dan juga dunia pada sistem pilihan raya kita...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan, Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Ya, silakan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau kita lihat Pilihan Raya Umum yang ke-12 baru-baru ini, kita dapat melihat bahawa parti yang bergabung, Parti Pakatan Rakyat yang dikatakan menang banyak kerusi, dan kalau kita lihat Yang Berhormat, Yang Berhormat ada menyentuh tentang dakwat, di saat-saat akhir yang mana dibeli oleh SPR tidak digunakan, dan ada perkara-perkara ataupun maklumat-maklumat yang telah didapati ada dakwat-dakwat lain yang masuk.

Jadi untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini, maka keputusan telah dibuat untuk membatalkan dakwat ini dan kemungkinan Yang Berhormat, kalau kita lihat kerana pembatalan ini, Parti Pakatan Rakyat menang banyak kerusi. Kalau tak batal, mungkin tak dapat kerusi yang begitu banyak. Jadi perkara-perkara ini Yang Berhormat, saya melihat bahawa negara kalau cakap pasal demokrasi dan sebagainya, inilah Malaysia, negara yang demokrasi.

Kalau kita tengok dalam sistem pilihan raya ada pertandingan dan sebagainya, kita begitu telus, perkiraan undi dan sebagainya. Jadi kalau Yang Berhormat nak mengatakan bahawa banyak perkara yang dilakukan, tak benar Yang Berhormat. Parti Yang Berhormat termasuk Pakatan Rakyat semua tak dapat banyak kerusi dan hari ini mereka dapat lima negeri, pembangkang dapat lima negeri, dan 10 Ahli Dewan Negara baru daripada pembangkang akan masuk. Ini menunjukkan ketelusan Yang Berhormat. Jadi saya harap Yang Berhormat, bahawa perkara-perkara yang kerajaan lakukan adalah untuk menjadi

sebuah negara demokrasi yang tulen, yang membolehkan semua rakyat membuat pilihan dan kita terima apa yang dibuat oleh rakyat pada hari ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dengan soalan tadi. Sebab itulah daripada awal tadi saya sebut biarlah kita menghormati keputusan Pilihanraya Umum ke-12, keputusan pilihan raya dan bila saya sebutkan benda-benda yang saya kesalkan berlaku ini.

Saya nyatakan dengan jelas dua perkara yang berlaku, yang kita kesalkan kerana boleh menjejaskan imej demokrasi Malaysia, menjejaskan imej pilihan raya Malaysia. Kalau dibuat begini dan akhirnya yang jelasnya selepas pilihan raya, alasan yang diberikan sudah tidak sama dengan alasan yang diberikan sebelum pilihan raya. Walau bagaimanapun saya menyerahkan penjelasan yang sebenar, yang akan diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri kemudian tentang apakah *reason* atau alasan sebenar, kenapa dua perkara ini boleh berlaku dan kenapa ianya berlaku di saat-saat akhir, kerana akhirnya biarlah kita terus menghormati kerana kita tidak mahu perkara yang lebih buruk berlaku.

Kita harus menghormati pilihan raya, kita harus menghormati keputusan yang telah dibuat. Jadi itu antara....

■1610

Dato' Musa Haji Syeikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir macam ini Yang Berhormat, pilihan raya baru-baru ini Yang Berhormat, ada dua perkara Yang Berhormat bawa tadi. Saya rasa bagi kami Barisan Nasional kalau hendakkan polis, kita lihat pihak Yang Berhormat juga, Pakatan Rakyat tahan bas, pukul bas, *katok* bas orang Penang kata *katok* bas, ugut orang jadi perkara-perkara ini memang berlaku tetapi kami Yang Berhormat kata tadi demokrasi kita terima.

Lima negeri sudah pun Yang Berhormat ambil sebab kami demokrasi terima, Barisan Nasional dengan hati terbuka terima ini demokrasi dalam Malaysia tetapi kalau soal lepas pilihan raya kita hendak kata itu tidak betul, ini tidak betul tetapi Yang Berhormat kena fikir juga bahawa pihak kami juga ada bayak perkara tidak puas hati tentang kita hendak tuduh Suruhanjaya Pilihanraya.

Kadang-kadang meja panas dalam tempat mengundi, ada pegawai-pegawai yang tidak memihak kepada kita. Kita juga boleh buat bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya juga tidak *transparent*, juga tidak berlaku adil. Ini semua keputusan dibuat oleh rakyat yang mustahaknya rakyat. Siapa yang rakyat pilih, itu yang kita terima. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya hendak minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa Yang Berhormat cakap tadi itu, apa yang berlaku sebelum pilihan raya, bab dakwat, bab itu, bab ini.

Sekarang lima negeri sudah pun dimenangi. Saya rasa Pakatan Rakyat juga tidak tulus. Janji-janji pilihan raya dalam manifesto sekarang telah pun dikotak-katikkan, disalah orang itu, salah orang ini. Macam mana pula Yang Berhormat? Manifesto tidak ditunaikan.

Tuan Haji Zamri Haji Yusuf: Terima kasih kepada Yang Berhormat dengan soalan dan perkongsian maklumat tadi. Jadi memang kita sebut benda ini kerana kita hendak kepada

penjelasan, kita sebut benda ini kerana berlaku salah tanggapan dengan kekeliruan. Kita hendak perbetulkan supaya Malaysia ini menjadi satu negara yang boleh dicontohi

Dalam banyak hal, Malaysia menjadi negara contoh yang dilihat oleh negara lain, jadi janganlah berlaku benda-benda yang boleh merosakkan imej Malaysia ini, lebih baik kita perbetulkan. Jadi dengan keputusan itu, makna kita memang menerima dengan baik. Sebab itulah khususnya saya sebut di negeri Kedah kita berjalan dengan secara lebih lancar, tidak banyak perubahan yang berlaku.

Sedikit perubahan itu pun yang kita gantikan semua Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan pun kerana memang dengan suka rela, semua yang dilantik sebelum ini melepaskan jawatan secara serentak seluruh 12 PBT yang terdapat di negeri Kedah.

Jadi sebab itulah kita gantikan balik dengan ahli-ahli majlis yang baru itu pun setelah mereka dengan suka rela menarik diri. Cumanya ada sedikit berlaku permasalahan dalam pentadbiran di peringkat kampung Tuan Yang di-Pertua apabila pada satu ketikanya pihak JKKK ini telah meletakkan jawatan secara menyeluruh di seluruh Kedah seperti mana ahli majlis tadi.

Di mana sebaik sahaja mereka meletak jawatan, mereka juga telah melalui satu proses melantik semula bagi pihak urusan Pusat yang saya rasakan ini antara yang kurang manislah. Mungkin kita boleh minta pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah boleh melihat balik keadaan ini supaya boleh kita memberikan kerjasama yang terbaik, pengurusan kita akhirnya seperti yang kita hendak bangun, yang kita hendak berikan kesejahteraan, kemakmuran kepada seluruh rakyat peringkat kampung.

Dato' Omar Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bercakap pasal JKKK dan sebelum itu Yang Berhormat bercakap tentang minta bantuan daripada Kerajaan Pusat supaya membantu negeri-negeri pembangkang.

Sekiranya semua jawatankuasa JKKK ini tidak meletak jawatan dan sekiranya semua ahli-ahli majlis yang dulu tidak meletak jawatan, adakah parti Yang Berhormat akan buang dia orang ini ataupun menyuruh mereka meletak jawatan?

Sebab di sesetengah negeri, awal-awal lagi dia mai ambil Dewan. Dewan JKKK dia mai ambil, panggil DO mai ambil. Segala-gala dia hendak ambil, jadi hak Pusat punya dia minta, yang JKKK dia hendak buang, dia hendak boh orang dia. Ini adakah ini kita katakan adil Yang Berhormat?

Tuan Haji Zamri Haji Yusuf: Terima kasih kepada Yang Berhormat dengan soalan tadi. Apa yang kita sudah cuba bincangkan, kita cuba atur, kita cuba tadbir negeri Kedah itu, banyak yang kita cuba rundingkan dalam segala hal. Jadi contohnya seperti kalau Yang Berhormat juga melihat, selepas sekian tempoh yang pentadbiran baru ini, kita masih lagi mengekalkan penggunaan atau kita masih lagi memanfaatkan JKKK yang ada itu untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk melaksanakan urusan-urusan yang melibatkan kerajaan negeri melebihi daripada sebulan yang pertama sehinggalah apabila berlaku sedikit

krisis yang ini yang saya rasakan kita masih berunding, membincangkan mengharapkan ianya dapat diselaraskan.

Biarlah yang terbaik itu kita kembalikan kepada rakyat kerana yang terbaik yang ada di kampung itulah kita akan uruskan.

Dato' Azian Osman: Mohon laluan Yang Berhormat. terma kasih Yang Berhormat. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat sama ucapan Yang Berhormat dalam Dewan juga rakan-rakan Yang Berhormat dalam Pakatan Rakyat di luar Dewan.

Saya rasa ucapannya hanya penuh retorik, saya minta maaf tetapi sebenarnya apa berlaku di bawah sana, apa diucap pemimpin mereka. Berkenaan dengan menghormati keputusan rakyat, apa yang dilakukan oleh terutamanya Penasihat PKR yang diuar-uarkan dalam *blog* dengan izin, *leader waiting* diuar-uarkan, adakah ini menghormati keputusan rakyat yang telah dibuat?

Itu realiti, diuar-uarkan di *blog* dan sebagainya dan kebanyakan rakyat tahu dan resah. Juga berbalik kepada SPR, digambarkan seolah-olah Barisan Nasional selama ini diberi mandat oleh rakyat kerana bantuan SPR, bukan kerana rakyat menyukai Barisan Nasional tetapi kerana SPR menyebelahi kita.

Namun sedarkah Yang Berhormat, kita juga berada di bawah, kita juga terlibat dalam pilihan raya. SPR ini institusinya dan dianggotai manusia ramai macam kita. Mereka ada yang menyokong 'A' dan 'B'. Sedarkah Yang Berhormat ada juga di kalangan SPR yang terang-terangan memberi panduan kepada pengundi yang datang supaya mengundi yang ini.

Ini berlaku tetapi kita tidak menyalahkan SPR kerana kita hilang banyak kerusi, selalu kita menang. Kita tidak riuh pun tetapi seolah-olah tidak dapat memerintah SPR salah. Itu 2004 tewas teruk SPR salah. Sekarang, memang pun SPR salah, jadi seolah-olah parti itu tidak ada salah, manusia dalam parti Pakatan Rakyat itu tidak ada salah. Semua orang lain yang salah.

Berbalik kepada JKKK, sekali lagi retorik saya lihat dan di bawah berlaku Yang Berhormat, saya tidak tahu di Kedah, *wallahualam bissawab* tetapi di Perak, apabila diumumkan Pakatan Rakyat hanya majoriti dua kerusi untuk menubuhkan kerajaan, dewan-dewan sudah dikepung oleh orang-orang Pakatan Rakyat, penyokong-penyokong Yang Berhormat.

Jadi itu sebabnya di Perak, JKKK Barisan Nasional lebih baiklah kita tarik diri daripada kita bergaduh sebenarnya. Kita tidak mahu bergaduh di Perak tetapi di Kedah saya tidak tahu. Inilah berlaku di bawah, tetapi pemimpin bercakap kepada rakyat seolah-olah rakyat, rakyat, rakyat, rakyat dan sebagainya tetapi saya lihat entah apa diperkatakan mereka banyak yang menipu rakyat sahaja. Cakap lain, yang di bawah berlaku lain. Itu pandangan saya Yang Berhormat, apa kata Yang Berhormat tentang perkara ini.

Dato' Ikhwan Salim bin Haji Sujak: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Hanya satu sahaja, di Selangor saya hendak tumpang tanya pandangan Yang Berhormat kerana di Selangor setahu saya Ahli-ahli majlis tidaklah meletakkan jawatan tetapi pada masa yang sama, mesyuarat tidak pernah diadakan. Jadi apabila mesyuarat tidak

diadakan bermakna urusan rakyat tidak dapat dikendalikan di peringkat PBT. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat ?

Tuan Haji Zamri Haji Yusuf: Okey, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang berbincang dala isu ini dan kepada Timbalan Yang di-Pertua, dengan aluan tadi.

■1620

Dua perkara tadi, menyentuh tentang SPR. Saya rasa, saya ulangi balikkah. Apa yang saya cuba sebut ialah bagaimana kita hendak jadikan contoh, biarlah kita sanggup terima pembaharuan dan penambahbaikan. Perkara yang tidak elok, yang keliru kita perbaiki. Tentang Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung atau JKKK ini tadi, yang kita cuba rundingkan ialah mereka ini boleh membawa aspirasi bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri.

Namun, berlaku secara khususnya di Kedah, apabila mereka menarik diri kemudian dilantik semula oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Memang selama ini pun elaun mereka dibayar, kalau Pengerusi JKKK itu RM400 oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan ditambah RM50 oleh kerajaan negeri. Pihak kerajaan negeri juga membayar sebanyak RM250 kepada setiap usaha JKKK.

Jadi, dalam urusan inilah kita masih lagi dalam peringkat rundingan dan saya rasa biarlah berikan kita sedikit masa lagi untuk kita halusi dan perbaiki. Jadi, tentang ahli majlis di negeri-negeri lain di bawah Pakatan Rakyat itu, walaupun ada yang masih ingin meneruskan jawatan, masih bersedia untuk berkhidmat dengan Kerajaan Pakatan Rakyat, saya rasa itu yang sebaiknya tetapi biarlah dirundingkan dengan pihak pentadbiran, pihak kerajaan negeri tentang bagaimana corak dan pendekatan yang mereka hendak bawa pada kali ini.

Jadi, izinkan saya terus dengan poin yang kelima. Saya hendak sentuh sedikit tentang beberapa perkara yang dibincangkan sebelum ini iaitu tentang Akta Keselamatan Dalam Negeri, tentang ISA yang telah dibincangkan banyak oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam beberapa perbahasan. Jadi, digunakan sebagai pendekatan sediakan payung sebelum hujan, *prevention* dengan izin, tentang bagaimana benda ini hendak digunakan.

Cuma, permasalahannya ialah dengan kita memudahkan penggunaan payung sebelum hujan ini kerana payungnya pun bagaimana, harus *detail*. Hujannya juga bila, harus kita kenal pasti yang sebenarnya, kerana yang disebutkan hujah sebelum ini juga saya rasa, ramai yang mengakui bahawa walaupun tidak dimasukkan secara total, tetapi harus dibuat penambahbaikan. Akta Keselamatan Dalam Negeri ini harus disemak balik kerana memang benar-benar kita tidak mahu menganiaya sesiapa.

Kes tahan tanpa bicara ini, kita memang hendak sangat supaya pihak *Special Branch* menyediakan fakta yang benar, bukan dibuat-buat. Itu yang kita kata tahan tanpa bicara malah tahan tanpa peluang pembelaan, tahan tanpa bukti yang nyata, sangat memalukan kita. Kita bukan sahaja menyebut contoh lima orang ahli daripada Hindraf, tetapi saya ingin menarik semua ahli Dewan bahawa setakat ini, semakan saya mendapati ISA ini sejak digubal dan dijadikan akta, sudah menahan sejumlah 10,711 orang sepanjang tempoh tersebut.

Sekarang ini pun, semakan kita mendapati ada 70 orang yang sedang ditahan di bawah ISA di Kem Tahanan Kemunting. Secara *detail* nya mereka yang ditahan ini adalah daripada Jemaah Islamiah 29 orang, Darul Islam 17 orang, atas sebab dokumen palsu dan syiling 8 orang, agen perisik asing 7 orang, Hindraf 5 orang, Gerakan Pemisah Thai, 2 orang, atas tajuk nuklear 1 orang dan pendatang tanpa izin 1 orang.

Jadi, yang kita hendak sebutkan ialah bagaimana kita harus beri peluang pembelaan kepada mereka, untuk menyatakan pembelaan terhadap diri mereka sekiranya mereka dituduh. Yang lebih pentingnya, sekiranya kita hendak menuduh mereka ini mempunyai bukti yang tertentu, yang kita pertahan, saya rasa kita sudah berikan cukup masa kepada pihak keselamatan dan polis, kerana menahan mereka ini telah masuk bertahun-tahun lamanya. Akan tetapi, kenapa sampai sekarang belum lagi dapat dibawa mereka ini ke muka pengadilan?

Belum lagi dikaji sebab-sebab kenapa mereka ditahan, sedangkan yang ditahan ini mungkin 70 orang. Yang Berhormat, apa yang kita kena tengok, yang teraniayanya ialah 70 keluarga yang utama. Kemudian dikembangkan lagi kepada mereka yang terlibat, ibu bapa mereka ini. Jadi, dengan sebab itulah saya merasakan Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat tentang ISA ini, walaupun kita hanya bersetuju untuk dikaji, disemak semula dan tidak dimansuhkan, sementara kita semak semula, buat penambahbaikan, mencari jalan yang terbaik penggunaan ISA, mereka yang sedang ditahan ini, khususnya 70 orang ini, harus segera kita bawa ke muka pengadilan.

Kita adili mereka di mahkamah untuk melihat yang mana sebenarnya teraniaya, kerana seperti yang diungkapkan oleh Yang Berhormat dari Perlis semalam, bagaimana kita sebenarnya tidak rela menahan, menganiaya walaupun satu orang. Dalam masa yang sama kita juga rela walaupun kita tidak dapat membuktikan sembilan orang yang terlibat terlepas, tetapi jauh lebih baik dari segi sistem keadilannya apabila kita tidak menganiaya walaupun satu orang yang tidak bersalah ditahan tanpa bicara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua sebagai menggulung ucapan sulung ringkas saya ini, saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya sekali lagilah kita tidak mendiskriminasikan negeri-negeri Pakatan Rakyat yang dipilih secara sah. Kita sampaikanlah bantuan, sumbangan yang sememangnya khusus, yang dihakkan kepada kerajaan-kerajaan negeri. Kita mengambil iktibar daripada konsep dan prinsip *Federalism* sepertimana yang pernah dilakukan terhadap Kelantan, Terengganu dan juga Sabah sebelum ini, yang memberikan kegagalan dan menyebabkan rakyat tidak berpuas hati. Maka kali ini, kita janganlah lagi mengambil konsep dan prinsip tersebut.

Jadi, saya menggesa supaya Sistem Pemerintahan Persekutuan kali ini benar-benar bertanggungjawab menyampaikan seluruh bantuan per kapita dan sebagainya yang menjadi hak rakyat. Kita menyeru sekali lagi agar kerajaan menyerahkan semula royalti kepada negeri dan dinaikkan kadar bayarannya. Kalau royalti kepada negeri yang terlibat dengan minyak itu seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak, kita mencadangkan dinaikkan terus daripada 5% kepada 20% supaya mereka dapat mentadbir negeri mereka, kerana mereka juga antara tiga

negeri yang paling ke belakang. Di samping itu, memastikan peruntukan yang seimbang dan adil untuk negeri-negeri lain khususnya negeri Kedah Darul Aman.

Jadi, biarlah kita menghormati keputusan Pilihan Raya Umum yang ke-12. Keputusan rakyat yang menuntut perubahan dan menuntut supaya dihormati keputusan rakyat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kami ingatkan diri saya dan juga semua ahli Dewan agar kita mengambil iktibar daripada pesanan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang di akhirnya juga menyebut supaya kita menjalankan tugas dan kewajipan yang diamanahkan oleh rakyat dengan ikhlas, jujur, amanah dan berhemah tinggi, demi kepentingan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan itu saya memohon menyokong Titah Ucapan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Hajah Saripah Aminah dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi, dan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik untuk bersedia.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya teruskan dengan perbahasan Titah Ucapan Baginda, saya ingin merakamkan kekesalan di atas kebiadaban Karpal Singh di Dewan Rakyat tempoh hari dengan mempersoalkan penyediaan teks ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Apakah Karpal Singh rasa, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda tidak mampu memberi input tentang Ucapan Baginda ini? Saya ingin memberi amaran kepada Karpal Singh, jangan terlalu menduga kesabaran, buruk padahnya! Satu pantun kepada Karpal;

Puas sudah kami bersabar

Jangan sampai naik tangan

Jangan asyik hendak mencabar

Nanti tentulah binasa badan...[Tepuk]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di mana dalamnya menyentuh pelbagai perkara bagi meningkatkan mutu kehidupan rakyat Seri Paduka Baginda dalam banyak aspek.

■1630

Dalam Titah Ucapan Tuanku, Baginda menyeru agar kerajaan terus memajukan sektor pertanian melalui suatu transformasi daripada pertanian tradisional kepada entiti komersial. Saranan Tuanku berketetapan sekali terutama apabila dunia sedang menghadapi krisis makanan yang agak serius.

Krisis makanan dunia yang berlaku kini bukan perkara baru, kerana pada tahun 1973 dunia turut diancam masalah kenaikan harga mendadak berikutan kenaikan minyak dunia akibat perang di Asia Barat. Bagi saya, krisis makanan dunia pada 1973 tidak banyak bezanya dengan apa yang dunia hadapi sekarang. Akibat krisis 1973 itu, kerajaan telah menetapkan

dasar tahap sara diri negara berubah dari 90% ke 100% dengan pelbagai rancangan diperkenalkan. Antaranya seperti pembukaan kawasan baru untuk pertanian selain memperkenalkan Rancangan Buku Hijau pada 1974 dan penyaluran insentif kepada petani.

Malangnya selepas krisis berakhir, segala rancangan dan perubahan ini tidak diteruskan secara serius. Malah tahap sara diri beras negara terus dikurangkan kepada 85% dalam Dasar Pertanian Negara DPN pertama 1984. Kemudian kepada 65% dalam DPN kedua 1992 dan DPN ketiga turun kepada 65%.

Akibatnya apabila krisis makanan dunia berlaku tahun ini, kita dapati pembuat dasar kembali kelam kabut dengan pelbagai insentif baru untuk memenuhi keperluan beras negara. Tindakan yang diambil seolah-olah menggambarkan kepada rakyat krisis makanan ini adalah satu fenomena global baru. Kenapa keadaan sedemikian boleh berlaku? Jawapannya ialah kita sebenarnya lupa bahawa sejarah akan berulang.

Jika krisis makanan dunia 1973 dijadikan iktibar dan program yang dilaksanakan itu berterusan sehingga kini, negara dan rakyat tidak akan panik menghadapi krisis makanan dunia 2008 kerana kita mempunyai bekalan yang cukup. Untuk mengekalkan kebajikan pengguna dan petani dalam suasana inflasi sekarang, kerajaan memperuntukkan subsidi padi sebanyak RM1 bilion pada tahun ini; iaitu peningkatan hampir dua kali ganda berbanding tahun 2003.

Pada tahun lepas, subsidi padi yang ditanggung kerajaan ialah RM949 juta. Terdapat juga gesaan untuk mewujudkan stok penimbal beras dalam menangani krisis bekalan makanan pada masa hadapan. Pengeluar beras negara Kedah kini diperintah oleh Kerajaan PAS menyumbang hampir 800,000 tan atau 40% kepada pengeluaran beras negara. Ini diikuti dengan Perak 12% dan Kelantan 11%.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan semua peringkat perlu diperbaiki. Saya rasa krisis pasaran komoditi makanan beras di Asia secara langsung telah memberi peningkatan kepada penggubal dasar supaya mengkaji semula Dasar Pertanian Negara Ketiga yang akan tamat pada tahun 2010. Kerajaan perlu merasionalkan struktur industri padi dan beras negara serta pasaran bagi meningkatkan tahap sara diri komoditi makanan beras ke arah 100%. Maka pengurusan terhadap semua peringkat dalam sistem penanaman padi perlu diperbaiki bagi memastikan hasil padi dalam negara mampu dihasilkan, bekalan beras mencukupi malah mencukupi 100% keperluan penduduk dalam negara berbanding hanya 72% ketika ini.

Penambahan itu perlu memberi lebih penekanan kepada usaha melihat semula infrastruktur di semua kawasan penanaman padi, termasuk memastikan teknologi terkini mampu disalurkan kepada pesawah dengan tepat dan berkesan. Kerajaan juga perlu menumpukan lebih perhatian kepada meningkatkan infrastruktur sedia ada terutama membabitkan sistem pengaliran yang selama ini menjadi kelemahan utama dalam sektor itu. Sistem pengairan sedia ada di beberapa kawasan penanaman padi masih lemah dan gagal membekalkan bekalan air secukupnya sehingga menurunkan produktiviti hasil padi ke tahap yang sangat rendah.

Secara purata, hasil padi dalam negara setakat ini hanya sekitar empat tan sehektar. Jika kawasan bermasalah mampu dipertingkatkan, hasilnya tentunya naik sebanyak satu hingga dua tan sehektar lagi. Negara tidak perlu mengimport bekalan beras kerana hasil dalam negara akan lebih daripada cukup. Meskipun proses meningkatkan infrastruktur bukan satu perkara mudah. Untuk meningkatkan hasil padi sebenarnya mampu dilakukan jika pesawah menguruskan penanaman padi secara tepat termasuk aspek pemberian baja.

Seperkara lagi kebanyakan agen yang ditugaskan menyampaikan pengembangan teknologi kepada pesawah gagal menjalankan tanggungjawab dengan berkesan, dan menyebabkan kebanyakan pesawah kita tidak dapat menguruskan kawasan mereka secara berkesan. Berbalik kita kepada isu pengairan. Ada kawasan sawah yang tidak di rata dengan betul menyebabkan proses aliran air ke petak lain tidak sekata. Elemen infrastruktur pengairan dan tali air serta pengurusan sawah menjadi punca utama kegagalan hasil padi dalam negara mencapai 100% keperluan seluruh penduduk Malaysia. Kebanyakan kawasan di luar pengurusan MADA dan Projek Barat Laut Selangor, pengurusan sistem sealiran sangat lemah.

Ada kes pesawah di petak depan menutup saluran air dan ia sekali gus mengganggu petak orang lain menyebabkan pengeluaran padi tidak serata. Bagi kawasan di jelapang padi pula, ada pesawah yang tidak mengikut sistem jadual yang sudah disediakan agensi pertanian di kawasan mereka menyebabkan hasil padi di situ juga merosot. Ada pula pesawah di sesetengah kawasan tidak menggunakan bekalan biji benih sah yang dibekalkan oleh MARDI, tetapi lebih gemar menggunakan benih ciptaan sendiri dan keadaan itu diburukkan lagi dengan kemunduran teknologi di kawasan terbabit.

Apabila sistem pembajaan dan penggunaan benih tidak digunakan secara tepat, maka pembaziran akan berlaku. Malah penggunaan tidak terancang ini mungkin berlaku secara berlebihan telah menyebabkan pencemaran pula kepada alam sekitar. Keadaan perladangan tepat adalah penyelesaian terbaik untuk meningkatkan hasil padi dan ini sudah dibuktikan sejak lima tahun yang lalu. Namun masalah pesawah tidak konsisten dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai jelapang padi kedua dan ketiga negara sudah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk kita. Siapakah yang akan mengusahakannya? Adakah tenaga muda, tenaga tua atau tenaga yang kita import dari luar? Mahukah tenaga muda bergelumang dengan sawah yang banyak risiko, kerja susah tetapi imbalannya tidak seberapa.

Kajian harga padi dibuat pada tahun lepas dan dinaikkan daripada 55 sen sekilogram kepada 65 sen sekilogram. Selama 10 tahun harga padi bertahan di tahap yang lama. Bagi pesawah padi pula, kos racun, baja dan sebagainya semakin meningkat. Memandangkan pelbagai jenis penyakit padi berjenama moden yang tidak disangka-sangka menyerang tanaman padi, malah jika banjir melanda dan merosakkan tanaman padi, hasilnya tidak diperoleh langsung.

▪ **1640**

Jika kemarau nasib yang serupa menimpa petani. Nasib para petani sebenarnya perlu dibela supaya mereka mendapat bahagian mereka yang sebenar. Jika kerjaya mereka sebagai

petani dijaga dengan rapi, maka amat berminatlah mereka dalam bidang ini dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya para petani mengeluarkan belanja yang tinggi terlebih dahulu dan apabila di campur dan ditolak pendapatan mereka tidak ubah seperti apa yang mereka peroleh 10 tahun yang lalu. Walaupun pada tanggapan kita kononnya kehidupan petani menjadi lebih baik dengan adanya subsidi kerajaan tetapi sebenarnya risiko yang terpaksa ditempuh oleh mereka dalam mengerjakan sawah terlalu tinggi.

Di Kelantan, banyak tanah sawah yang ditinggalkan terbiar kerana petani tidak dapat bertahan dengan serangga, tikus dan penyakit-penyakit yang menyerang. Para petani juga terpaksa mengeluarkan kos begitu tinggi dari kerja-kerja membajak, menabur benih, membeli racun sehingga kepada upah tuaian sama ada menggunakan upah buruh ataupun jentera penuai.

Dari risik-risik di kalangan petani di kawasan Kubang Pasu, Kedah baru-baru ini mendapati rata-rata mereka membelanjakan hampir RM400 untuk menguruskan satu relung sawah dengan hasil pendapatan sebanyak RM1,000 hingga RM1,200 termasuk subsidi kerajaan bagi satu musim. Pendapatan sebanyak itu pun hanya boleh diraih sekiranya tanaman padi mereka tidak diganggu-gugat oleh masalah penyakit, serangan tikus, serangga perosak, pemotong wap basah atau ditenggelami oleh banjir seperti yang berlaku di Kedah dan Kelantan di musim tengkujuh yang lalu.

Hasil penat peluh tiap-tiap petani itu menjadi bertambah tidak berbaloi jika sawah yang mereka kerjakan itu disewa oleh mereka. Difahamkan sewa sawah di kebanyakan kawasan di Kedah sekarang telah menjangkau RM300 untuk satu musim. Jika perkiraan kasar dibuat seseorang petani yang mengerjakan satu relung hanya mampu memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM600 hingga RM900 sahaja bagi satu musim. Apabila dibahagikan kepada enam bulan, rata-rata petani yang mengerjakan sawah seluas satu relung memperoleh pendapatan bersih cuma RM125 hingga RM200 sebulan.

Ramai petani berpendapat masalah mereka akan dapat diatasi sekiranya harga padi dinaikkan. Dilema kerajaan pula adalah sekiranya harga padi dinaikkan, harga beras di pasaran akan turut naik. Jika ini berlaku ramai penduduk berpendapatan rendah yang lain akan merasai kesannya. Namun begitu persoalannya sampai bila harga padi harus ditekan pada kos kehidupan di negara yang semakin meningkat dan pendapatan petani kini yang lebih 90% orang Melayu tidak jauh berubah.

Proses perbandaran dan kehidupan moden begitu cepat menular di kawasan luar bandar. Walaupun ia satu nikmat pembangunan yang harus disyukuri oleh rakyat tetapi dari segi lain proses yang berlaku itu telah meningkatkan kos kehidupan di luar bandar. Pada ketika pendapatan petani tidak berubah kepada saiz pemilikan tanah yang kecil atau semakin mengecil mengakibatkan para petani merasa beban untuk menyesuaikan pendapatan mereka dengan membiayai hidup sekarang.

Bagi memastikan kehidupan petani tidak terus tertekan dan hidup dalam keresahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani wajar mencari jalan penyelesaian kerana jiwa

petani yang terlalu rasa resah biasanya begitu mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Apa salahnya harga padi dijual oleh para petani dinaikkan pada masa yang sama kerajaan mengurangkan import beras di luar negara. Campur tangan tegas daripada kerajaan amat diperlukan demi memastikan nasib petani benar-benar terbela.

Di Indonesia, kesilapan besar BULOG sebuah badan logistik pada tahun 1997 - 1998 membawa masuk beras luar secara besar-besaran selain melalui pasaran gelap telah menyebabkan beras tempatan tidak laku di pasaran. Harga padi pada ketika itu jatuh sehingga 60% dan ramai petani sanggup tidak menjual hasil tanaman mereka dengan harapan harga padi naik semula di pasaran. Malah krisis padi atau beras di Indonesia pada ketika itu telah mengakibatkan beribu-ribu petani dari Jawa dan Sumatera terpaksa berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan baru.

Sebagai ikhtiar bagi memastikan kehidupan petani di negara ini terbela atau merasakan diri mereka dibela, wajar kementerian terbabit mengadakan satu *post mortem* menyeluruh bagi mengenal pasti masalah-masalah sebenar golongan-golongan ini. Apatah lagi para petani kita akan berdepan dengan masalah lebih besar jika sempadan negara dibuka kepada kemasukan beras asing di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, AFTA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi krisis makanan sekarang kerajaan disarankan melaksanakan beberapa langkah bagi menangani isu kenaikan harga barangan makanan termasuk harga beras. Antaranya selain daripada menubuhkan stok penimbal kebangsaan bagi beras stok simpanan beras negara untuk tujuan pengedaran perlu dikaji semula dari sebulan ke tiga bulan.

Kerjasama pengilang swasta mestilah diwajibkan dalam memenuhi stok penimbal beras mencukupi dan tugas ini tidak boleh dibebankan kepada BERNAS sahaja. Ini kerana pengilang swasta menguasai 55% pasaran beras negara yang diperolehi daripada sumber beras tempatan sepenuhnya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna perlu menempatkan lebih ramai pegawai penguat kuasa di sempadan sebagai langkah segera membanteras penyeludupan beras termasuklah menjalin kerjasama dengan Kastam Diraja Malaysia dan Unit Pencegah Penyeludupan atau UPP, di sempadan negara khususnya Thailand. Kakitangan UPP perlulah ditambah lagi.

Selain itu kerjasama juga perlu membenarkan harga padi tempatan dinaikkan. Selain daripada dapat mengekang penyeludupan beras langkah ini akan menggalakkan kira-kira 80,000 petani padi di negara ini untuk menceburi sektor tersebut secara lebih serius dan dapat mengoptimalkan pengeluaran beras negara. Betapa krisis ini menyedarkan kita bahawa kita tidak boleh bergantung pada beras import yang tinggi harganya. Kerajaan perlu membuka kawasan jelapang padi yang baru untuk meningkatkan pengeluaran beras bagi menampung keperluan beras penduduk Malaysia yang semakin meningkat.

Pada masa ini kawasan penanaman padi di kawasan ini hanya mencukupi menampung 73% keperluan 27 juta penduduk Malaysia sahaja. Sehubungan itu cadangan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi supaya Sabah dan Sarawak dijadikan negeri jelapang padi baru adalah langkah ke hadapan yang amat bijak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan selamat bersidang kepada semua Ahli Parlimen dan menyokong sepenuh pembukaan sesi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-12 2008 dan saya menjunjung kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Dato' Lee Sing Chooi.

4.49 ptg.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan laluan kepada saya membahas dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ekonomi makro pada krisis sekarang di arena ekonomi antarabangsa yang memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi tempatan, apakah faktor-faktor itu pasti diambil kira kerana Malaysia tidak terasing dengan faktor-faktor tersebut, dengan impaknya.

■1650

Kita sudah dengar faktor-faktor seperti harga minyak yang meningkat tiap-tiap minggu dan juga akan meningkat lagi harga minyak itu. Ini juga membawa inflasi yang sangat teruk, bukan sahaja di Malaysia, juga banyak di negara lain seperti yang kita dengar, dua, tiga hari ini, di Indonesia kenaikan harga minyak, rakyatnya tidak dapat menerimanya dan juga mengadakan demonstrasi-demonstrasi. Ini adalah satu *lesson* untuk kita belajar impak-impak ini. Satu lagi adalah tsunami senyap, *silent tsunami* iaitu krisis makanan global di mana banyak negara terutama negara-negara yang membangun menghadapi krisis ini, kita akan dengar rakyat-rakyat miskin itu akan mati, kanak-kanak akan mati kerana kelaparan disebabkan tiada bekalan makanan, Tuan Yang di-Pertua.

Kita juga dengar *sub prime*, dengan izin, Amerika Syarikat. Ini juga memberi impak bukan sahaja kepada US tetapi seluruh dunia. Ini juga memberi impak kepada nilai dolar dan ekonomi US juga kian merosot disebabkan nilai dolar itu merosot. Ini juga memberi impak kepada Ringgit Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi yang tidak menentu di arena antarabangsa, maka macam manakah ekonomi tempatan kita. Tahun lalu 2007, ekonomi Malaysia mencapai peningkatan kepada 6.3 tetapi dengan cabaran-cabaran yang disebutkan tadi, kos yang meningkat, peningkatan inflasi dan juga krisis makanan, saya hendak tahu daripada Kementerian Kewangan, apakah sasaran terbaru pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun ini dan juga tahun depan, Tuan Yang di-Pertua.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi kita dan adakah ini akan membawa impak kepada defisit fiskal Malaysia dan juga dengan situasi terkini, apakah sasaran baru kandungan defisit fiskal Malaysia? Saya hendak tahu daripada Kementerian Kewangan. Dengan tekanan inflasi, Jawatankuasa Inflasi telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua, RM4 bilion telah diperuntukkan. Kita hendak tahu apakah mekanisme dan juga sistem kawal selia untuk memastikan

peruntukan wang subsidi ini digunakan dengan terus, efisien dan berkesan. Apakah mekanisme yang diguna pakai untuk memantau dan melarang sebarang peluang rasuah dan juga penyelewengan dalam perbelanjaan wang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, saya hendak bahas berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, EPU dan juga Kementerian Kewangan. Dengan peningkatan kos dan juga kos bahan binaan, kos pengurusan, kos-kos yang lain yang mendesak, kerajaan telah mengumumkan bahawa projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang diambil kira dalam kajian semula penilaian ini. Apakah projek-projek yang telah ditangguhkan? Apakah projek-projek yang sedang dikaji untuk ditangguhkan? Apakah kriteria untuk membuat keputusan demikian, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu, terdapat banyak insiden pemberian, pembekalan, perolehan agensi, jabatan dan kementerian kerajaan di mana harga pemberian itu jauh melebihi harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh BPR. Adakah setiap kes yang disebutkan dalam Laporan Ketua Audit Negara itu di mana harga dan pemberian itu jauh melebihi harga pasaran itu dan setiap kes itu disiasat, ada atau tidak atau kes-kes terpilih sahaja disiasat, Tuan Yang di-Pertua. Berapa kes sudah disiasat dan sedang disiasat, saya hendak tahu. Berapa orang telah diambil tindakan disiplin dan apakah disiplin yang diambil? Berapa kes telah dibawa ke mahkamah dan berapa orang dan pegawai telah dihukum, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau insiden-insiden serupa ini berlaku di sektor swasta, sudah lama pekerja-pekerja, pegawai-pegawai itu diambil tindakan disiplin, dibuang kerja atau dibawa ke mahkamah. Kenapa kelakuan ini yang berleluasa itu nampaknya hampir menjadi kebiasaan di sektor awam, di manakah sistem pemantauan, di manakah tanggungjawab pihak pengurusan, di manakah pengauditan dalaman, Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak tahu daripada EPU, juga JPM dan Kementerian Kewangan.

Adakah prosedur wujud di mana harga pembelian dan perolehan itu dikehendaki berbanding dengan harga pasaran? Kalau harga itu melebihi harga pasaran, katalah 5%, 10% atau 20% dan lebih, apakah prosedurnya? Adakah KSU dan menteri diberitahu atau dikehendaki kelulusan terhadap pemberian tersebut, Tuan Yang di-Pertua? Saya bercadang di sini di mana setiap pembelian dan perolehan kerajaan menetapkan jikalau harganya melebihi satu-satu peratusan dan juga jumlah wang yang melebihi satu-satu tahap, maka salinan pemberian dan kontrak pasti dihantar kepada Ketua Audit Negara, BPR dan JPM dengan sebab-sebab mengapa mereka membeli sesuatu itu atau memberi sesuatu kontrak itu melebihi harga pasaran.

■ 1700

Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang saya terima pada hari pertama sidang Dewan Negara sesi ini daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan fenomena *rent seekers*

dengan izin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawapannya menyatakan, "kerajaan juga mengambil langkah untuk mengelak aktiviti *rent seekers* di kalangan pihak tertentu dengan melaksanakan tender terbuka, dan menghentikan amalan pemberian projek secara rundingan terus."

Saya hendak tahu dan juga bertanya apakah status terkini terhadap langkah yang diambil kerajaan untuk mengelak aktiviti *rent seekers* dengan pelaksanaan tender terbuka dan menghentikan amalan pemberian projek secara rundingan terus? Berapa tender sudah dikendalikan dilaksanakan dengan tender terbuka? Berapa peratusan tender yang dikeluarkan mengikut tender terbuka? Adakah peratusan itu secara jumlahnya atau nilainya meningkat kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu? Apakah peratusan projek yang masih diberi secara rundingan terus?

Saya juga mencadangkan di sini supaya lembaga tender atau *tender board* dengan izin menjemput profesional-profesional dari NGO berkenaan menjadi ahli lembaga tender supaya projek yang dicadangkan proses tender itu, pihak yang diberi tender adalah lebih telus, lebih efisien dan berkesan dan tidak ada aktiviti-aktiviti korupsi, aktiviti-aktiviti yang kita tidak mahu nampak itu berlaku Tuan Yang di-Pertua. Ini juga akan menjimatkan wang dan memastikan projek-projek yang akan dilaksanakan itu memanfaatkan rakyat dan juga negara dengan peningkatan kos yang kian mendesak itu. Maka penggunaan wang dan peruntukan dengan lebih efisien dan berkesan amatlah mustahak, Tuan Yang di-Pertua.

Wang ringgit yang diperoleh dari sektor petroleum seperti kita tahu adalah sebahagian besar hasil Kerajaan Pusat yang melebihi satu per tiga jumlah hasil negara Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu, juga dimaklumkan bahawa Malaysia akan menjadi *nett petroleum importer* dengan izin tidak lama lagi. Ini bermakna wang petroleum ini tidak akan datang selamanya Tuan Yang di-Pertua. Dengan hakikat ini, maka wang ringgit yang ada sekarang, kita mesti menekankan di sini bahawa pentingnya wang yang diadakan sekarang itu digunakan dengan baik untuk membina kapasiti, untuk membina modal insan, untuk membina mentaliti kelas pertama supaya Malaysia dapat terus maju dengan daya saing, daya tahan yang kompetitif Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan pembinaan modal insan dan juga pembentukan minda kelas pertama, saya hendak bertanya, apakah inisiatif yang sudah dilaksanakan dan berapakah perbelanjaan untuk inisiatif-inisiatif tersebut dan adakah atau tidak penilaian dibuat atas pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut? Kalau kita mementingkan untuk membentuk minda kelas pertama, adakah kerajaan wujudkan satu *road map* atau tidak supaya rakyat kita mencapai minda kelas pertama dan di manakah kita di dalam *road map* ini untuk mencapai minda mentaliti kelas pertama, Tuan Yang di-Pertua?

Bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya hendak tahu, dalam pelaksanaan AFTA dan *free trade agreement* atau perdagangan bebas antarabangsa, apakah impaknya kepada Malaysia? Apakah status dan kedudukan Malaysia dalam enakmen menandatangani FTA ini? Sudah berapa bilateral FTA dan Malaysia tandatangani dan namakan negara-negara yang kita telah tandatangani FTA? Juga bilangan FTA yang kita akan

tandatanganinya, bilangan itu kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, adakah kita itu melebihi mereka atau tidak? Apakah impaknya dengan bilangan itu? Sudahkah FTA-FTA yang kita tandatanganinya itu membawa manfaat atau impak yang positif kepada Malaysia atau kita juga sedar dengan adanya FTA kita juga menghadapi sesetengah impak negatif dan apakah impak negatif itu?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedang merundingkan FTA dengan USA dan juga dengan negara-negara yang lain. Apakah *lesson* yang boleh kita pelajari dengan FTA yang ditandatangani oleh negara-negara membangun dengan USA? Sudahkah mereka mendapat manfaat atau tidak? Kita pasti belajar dengan teliti supaya kita tidak jatuh dalam 'trap' atau lubang itu di mana negara-negara maju itu dengan FTAnyanya menindas negara-negara yang membangun, Tuan Yang di-Pertua.

Apa cadangan kita menghadapi cabaran perdagangan bebas? saya hendak tahu juga, apakah sektor Malaysia yang sudah berdaya saing dapat berdaya saing bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di serantau dan di antara bangsa di mana sektor ini kita pasti akan dimajukan untuk kebaikan negara dan sektor manakah kita masih ketinggalan?

■1710

Kalau kita buka dengan bebasnya, sektor-sektor ini akan menghadapi kerugian dan apakah tindakan yang kita boleh bantu dengan kerjasama pengurus-pengurus sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Kewangan. Dengan pelaksanaan sistem cukai *single tier* mulai Tahun Taksiran 2008, apakah maklum balas yang telah diterima? Apakah aspek positif dan juga aspek negatif yang dihadapi? Ramai warga tua sudah mengadu kepada saya. Mereka mendapat dividen dari saham di mana cukai dipotong terlebih dahulu dan sudah tidak dapat menuntut cukai yang dipotong itu kerana adanya sistem *single tier* ini. Saya hendak tahu apakah cadangan kementerian untuk menangani masalah ini .

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pilihan Raya Umum 2008 yang baru, tetapi kita sudah nampak banyak perubahan. Lebih-lebih lagi perubahan dalam landskap politik Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Kita nampak rakyat telah membuat pilihan dan bagi pihak pemerintah, usahanya hasrat rakyat pasti dipelihara setiap waktu. Kalau tidak pertukaran adalah satu yang pasti akan datang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak-pihak pemerintah, pihak berkuasa, apakah pertukaran yang pasti diambil dengan senario yang baru ini? Paradigma baru pasti diperoleh dengan mementingkan kehendak rakyat dan bukan kepentingan diri sendiri Tuan Yang di-Pertua. Sikap betul-betul berkhidmat kepada rakyat dan bukan mengejar dan mencari kontrak setiap waktu untuk keuntungan diri sendiri. Sikap untuk mencari kontrak, korek lubang sini sana untuk mencari kontrak, saya ingat sikap ini bukan menguntungkan rakyat Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau tidak ditukar, maka hari memerintah boleh dikira bila tamatnya Tuan Yang di-Pertua.

Saya setuju dengan pendirian Kerajaan Pusat terhadap penubuhan Suruhanjaya bagi BPR untuk meningkatkan integriti dan juga menentang sebarang rasuah dengan lebih berkesan. Saya harap kerajaan kaji dengan teliti, ambil sistem yang berkesan seperti yang dilakukan di Hong Kong untuk menghapuskan rasuah. Rasuah sudah menjadi satu musuh kita

yang utama Tuan Yang di-Pertua. Satu peningkatan sistem penyampaian yang akan memanfaatkan, kalau dapat dipertingkatkan akan memanfaatkan rakyat, syarikat dan *corporate* negara, pasti diingatkan, pasti diambil berat kerana daya saing Malaysia dalam saingan antarabangsa. Ini adalah satu yang sangat-sangat mustahak untuk kita maju semua sekali Tuan Yang di-Pertua. Dengan apa yang diucapkan di atas Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun banyak mengemukakan soalan-soalan untuk dijawab oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Silakan Datuk Haji Roslan Awang Chik.

5.15 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirahim...[Membaca sepotong doa]* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya sama-sama turut serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap terus kepada isu-isu yang ingin saya bangkitkan. Hanya empat ataupun lima sahaja perkara yang ingin diutarakan pada kali ini. Saya rasa tidak sempurna ucapan saya kalau saya tidak menyentuh berkaitan hal pembinaan. Kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya, dalam menentukan harga barang binaan sekarang ini yang telah naik melambung tanpa dapat dikawal sebagai mana harga-harga kawalan kerajaan telah mendatangkan kebimbangan kepada kontraktor-kontraktor untuk turut serta dalam tender-tender yang telah dan yang akan dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Terutama sekali dalam hal besi yang telah saya ucapkan dalam Dewan ini juga dalam persidangan yang lepas di mana hanya lima pengeluar besi sahaja di dalam Malaysia ini yang telah mendapat perlindungan yang begitu tepat sekali. Maka saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang pada 12 Mei baru-baru ini telah memberikan syarat untuk sesiapa sahaja untuk mengimport besi ini. Namun, masalah pengimportan ini sudah tentu bukan satu fenomena yang baru kepada pemain-pemain industri ini oleh kerana jumlah yang akan diimportnya bukanlah satu jumlah yang kecil. Ianya memerlukan satu kewangan yang begitu besar serta rangkaian *networking marketing* dengan izin, juga perlu diadakan.

Oleh yang demikian, satu syarikat yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dengan nama MATRADE perlulah mengambil tindakan yang secepat mungkin untuk turut serta membantu pemain-pemain kecil yang menggunakan besi ini dengan lebih cepat lagi supaya besi-besi yang dapat diimport ini akan mengurangkan bebanan dengan harga yang begitu tinggi yang dikawal oleh pembekal-pembekal ataupun pembuat-pembuat besi ini yang hanya terdiri daripada lima orang sahaja dalam negara kita ini.

Turut serta dalam hal bahan binaan ini ialah berkaitan dengan besi, *plywood* serta barang-barang yang lain yang juga turut menjejaskan kenaikan harga barang dan kos pembinaan sehingga kontraktor-kontraktor yang telah mendapatkan kerja-kerja sebelum April 2007 telah mengalami kerugian. Ada di antara mereka yang telah mendapat tawaran-tawaran

ini hendak menyerahkan balik kontrak-kontrak ini kepada kerajaan oleh kerana tidak dapat menampung kos pembinaan yang telah meningkat begitu tinggi sehingga mengakibatkan kerugian yang begitu teruk kepada mereka. Pihak kerajaan baru-baru ini telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa dalam klausa-klausa kontrak yang akan datang, *cost price variation*, dengan izin, akan dimasukkan dalam kontrak-kontrak.

•1720

Namun kepada kontraktor-kontraktor yang telah mengalami dan menjalankan kerja-kerja sebelum ini mereka masih lagi menghadapi kerugian yang amat tinggi. Saya juga ingin pergi kepada Kementerian Kesihatan iaitu tidak dapat tidak, kesihatan ini merupakan satu agenda yang begitu penting di dalam negara kita ini. Kita tidak mahu rakyat kita ini mempunyai idea serta mental yang begitu tinggi tetapi kesihatan yang tidak mencukupi.

Kita lihat keadaan sekarang ini kehidupan negara kita ini khususnya budak-budak sekolah, penuntut-penuntut serta orang-orang yang bekerja menghadapi satu tekanan, *stress* untuk mengejar keadaan dunia yang masih meruncing. Dalam mengejar perkara-perkara ini sudah tentu *stress* ini merupakan satu perkara yang agak merunsingkan yang tidak nampak dari segi kesihatannya.

Jadi kita mengharapkan supaya kesedaran ini dapat dimasukkan di dalam pembangunan negara khususnya di peringkat sekolah lagi supaya cara-cara kesihatan ini, dapat budak-budak ini mempelajari daripada satu budaya kehidupan mereka supaya tidak mengalami perkara-perkara yang tidak diingini seperti memakan makanan-makanan yang telah berguna, seperti mengetahui hal selok-belok kesihatan diri sendiri. Supaya mereka dapat menjaga diri mereka sendiri tanpa lagi merujuk kepada doktor-doktor dengan izin, iaitu *prevention is better than cure*. Pengetahuan ilmu yang ada di peringkat sekolah, saya yakin generasi kita di masa yang akan datang akan membawakan satu generasi yang lebih sempurna, sihat dan berwibawa.

Kita lihat juga sekarang ini trend orang-orang bandar telah berubah satu ketika dahulu orang-orang bandar suka perkara-perkara memakan seperti makan ayam, daging dan sebagainya. Sekarang ini telah bertukar kepada suka memakan kepada ikan, ayam kampung, sayur-sayuran, air mineral. Dahulunya orang-orang kampung minum air-air telaga sekarang ini orang-orang bandar pula minum air. Kalau dahulunya orang-orang bandar minum air kopi dan Nescafe dan sebagainya sekarang telah menolak. Ini satu kesedaran yang begitu baik di dalam mengejar kepada kesihatan yang ada.

Saya hendak kejar kepada 5.30 petang supaya dapat tidak perlu disambung kepada esok hari. Tuan Yang di-Pertua kepada Kementerian Dalam Negeri dan Sumber Manusia.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sebagai panduan, berapa lama Yang Berhormat perlu untuk menghabiskan ucapan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya hendak cuba 5.30 petang, kalau tidak terpaksa kena sambung. Tak lama lagi mungkin dalam 20 minit lagi ataupun kurang. Jadi masa tidak mengizinkan saya, nampak mungkin terpaksa sambung ataupun tidak Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya teruskan?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Kita melihat bahawa jumlah pekerja-pekerja asing yang telah masuk ke dalam negara kita ini juga telah disuarakan juga oleh rakan-rakan yang lain.

Sehingga jumlah ini mencecah kepada 2.5 juta iaitu 10% daripada jumlah *population* kita. Ini merupakan satu bebanan yang teruk baik dari segi kos subsidi yang telah dilaburkan oleh kerajaan. Baik dari segi subsidi-subsidi lain di nikmati oleh rakyat. Adakah benar kita memerlukan jumlah tenaga asing yang sebenar ini? Saya rasa buat ketika ini tidak ada satu angka yang boleh menerangkan bahawa jumlah ini betul-betul kita perlu.

Adakah mereka ini betul-betul pekerja-pekerja yang mahir ataupun separuh mahir ataupun borong? Di manakah dasar pekerjaan negara yang perlu digubal untuk mengetahui bahawa ancaman-ancaman ini yang telah kita lihat di nagara-negara yang telah membangun seperti di Germany, di France. Kita lihat banyak pendatang-pendatang asing dahulu telah membawa satu perkara yang tidak baik kepada negara yang itu. Bolehlah kita mempelajari daripada negara-negara yang dahulunya yang telah membangun dan akibat daripada kedatangan pekerja-pekerja asing ini. Ini kerana ada pekerja-pekerja asing ini menetap di negara kita melebihi daripada 12 tahun. Di mana mengikut pada keadaannya supaya pekerja-pekerja asing ini tidak boleh duduk di negara kita ini melebihi daripada lima tahun.

Oleh yang demikian ini perlu dilihat dari segi seluruh aspek bukan sahaja dari segi sumber manusia juga dari segi Kementerian Dalam Negeri. Keselamatan Dalam Negeri perlu juga melihat dan membuat satu pemantauan dan *enforcement* yang begitu ketat supaya mereka ini betul-betul kembali kepada negeri mereka yang asal supaya tidak lagi menetap di sini dan yang baru pula untuk datang ke sini untuk mengambil alih.

Akhir sekali kita perlu juga mendapat mengetahui bahawa berapakah jumlah yang sebenarnya yang diperlukan dan dikurangkan daripada setahun ke setahun dalam jangka masa yang terdekat dan juga yang panjang. Jumlah tenaga-tenaga pekerja asing yang perlu kita lihat di sini. Di samping itu juga kita juga perlu melihat bahawa apakah perancangan kerajaan supaya mengisi kekosongan ini vakum ini supaya ianya tidak diambil alih oleh pekerja-pekerja asing ini dan terus menetap di sini. Kita juga perlu menggubal dasar supaya belia-belia kita ini terus berkecimpung di dalam arena-arena ataupun jurusan-jurusan yang di kuasai oleh tenaga-tenaga borong ini. Di manakah letaknya di peringkat di dalam kilang, di perladangan mahupun di industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua izinkan juga saya pergi kepada Jabatan Perdana Menteri. Baru-baru telah memberi satu tanggapan serta kenaikan gaji yang begitu lumayan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu kenaikan di antara 10% hingga 35% gaji-gaji kerajaan.

Namun apa yang menyedihkan apabila sebelum gaji ini diterima oleh kakitangan kerajaan, harga-harga barang telah naik sebelum daripada duit ini didapati dan dirasai dengan sepenuhnya oleh kakitangan kerajaan. Kawalan-kawalan barang-barang ini tidak dapat dibuat

dengan sepenuhnya memandangkan tiap-tiap kali jawapan yang diberi ialah tidak mencukupi kakitangan kerajaan untuk membuat *enforcement* dan sebagainya.

Kita lihat duit yang diterima daripada kenaikan ini tidak mencukupi dengan barang-barang yang telah melambung naik seperti beras, minyak masak dan tepung. Apatah lagi dari segi buruh juga telah naik, kos kenderaan menghantar anak-anak ke sekolah dan lain-lain lagi. Tidak ada apa pun dari segi kos ini yang menunjukkan penurunan dari segi ini. Jikalau kita lihat dari segi nisbahnya iaitu kenaikan gaji dengan kenaikan barang ini sesungguhnya tidak seimbang. Apakah cara yang boleh kita melihat supaya kenaikan harga gaji dan barang ini sapat diseimbangkan agar rakyat kita ini terus menikmati kehidupan yang lebih istimewa di masa-masa yang akan datang.

Kita perlu juga melihat daripada orang-orang yang bekerja di peringkat swasta. Di mana di peringkat swasta juga mengalami masalah yang sama, kenaikan gaji mereka tidaklah begitu tinggi dan mereka terpaksa menanggung kos-kos kenaikan harga-harga ini. Jadi saya menyeru dan menyarankan supaya mereka ini terus mengkaji supaya harga barang ini dapat dikawal dengan sepenuhnya.

Akhir sekali ialah berkait dengan PTPTN. Dahulunya kita melihat bahawa pihak kerajaan telah memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut, pelajar-pelajar dengan begitu baik dan apabila tamat mereka ini dia akan beri ada jaminan kerja. Namun sekarang ini kalau kita lihat bahawa PTPTN ini apabila ianya memasuki di dalam universiti sahaja, dalam pemikiran mereka telah termaktub ataupun terukir satu perkataan bahawa apabila memasuki universiti sahaja saya sudah berhutang.

Apabila berhutang ini maka dengan sudah tentu keluar sahaja daripada universiti dia menanggung bebanan RM50, RM60 ribu tidak termasuk kos perkhidmatan. Ini ialah akibat daripada 'tsunami' politik yang berlaku pada baru-baru ini pada Pilihan Raya yang Ke-12. Masuk sahaja universiti berhutang, keluar apatah lagi dengan tiada jaminan untuk mereka ini mendapat satu pekerjaan yang tetap. Keluar daripada universiti tidak dapat kerja tapi tanggungan bebanan sebagai seorang yang berhutang dengan kerajaan.

Jadi dengan itu saya mencadangkan supaya dihapuskan kos perkhidmatan ini dan juga diturunkan 50% pinjaman PTPTN ini sebagai satu biasiswa. Tidak perlu lagi dibayar, hanya 50% saja yang perlu lagi dibayar 50% lagi dihapuskan sebagai satu biasiswa kepada penuntut-penuntut ini. Mereka ini adalah modal insan yang diperlukan oleh negara kita ini. Jadi saya berharap cadangan ini dapat diterima oleh kerana kedua-dua yang saya katakan tadi PTPTN dan juga kenaikan harga barang yang menyeluruh tadi salah satu pada pendapat saya faktor-faktor yang menyebabkan 'tsunami' politik yang berlaku baru-baru ini.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Titah Ucapan dan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong pada 29 April baru-baru ini. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.